

KESEMBILAN
Ninth
PERTAMA
First

Jilid 1 Bil. 44 Hari Rabu 15hb November, 1995

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Kelewatan Waktu Persidangan (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996 (Ruangan 39)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1996 (Ruangan 39)

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 122)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Pertama

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P.,
A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

“ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

“ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

“ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

“ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

“ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

“ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

“ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

“ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

“ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

“ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

“ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

“ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

“ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

“ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

“ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab
- Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
- Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor
- Bentara Mesyuarat: Lt Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 15hb. November, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.44 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Kelewatan Waktu Persidangan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta maaf di atas kelambatan menjalankan persidangan pada hari ini. Saya takut barangkali ada sesuatu yang telah berlaku kepada salah seorang daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang sepatutnya mempengerusikan Majlis pada masa ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

AGENSI PEKERJA ASING - HASIL KAJIAN

1. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan akan membenarkan agensi pekerja-pekerja khususnya yang membabitkan kilang dan perladangan aktif semula:

- (a) keputusan kajian buruh asing; dan
- (b) adakah benar keputusan kerajaan menarik balik lesen agensi buruh asing kerana ada di kalangan mereka telah melakukan berbagai kesalahan termasuk membawa masuk pekerja asing berlebihan seperti yang disyaratkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan sekarang mengenai pengambilan pekerja asing ialah pengambilan dilakukan atas

asas kerajaan dengan kerajaan, dengan izin, G-to-G dalam semua sektor yang diizinkan kecuali pembantu rumah dan pembantu kedai. Kerajaan berpandangan bahawa telah tiba masanya untuk kerajaan mengkaji semula peranan agensi-agensi pengambil pekerja asing kerana terdapatnya rungutan di antara majikan yang terpaksa membayar kos yang tinggi bagi pengambil pekerja asing dan adalah juga menjadi hasrat kerajaan untuk melihat bahawa tidak ada pihak yang menganiaya pekerja asing.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua , soalan tambahan. Adakah terdapat di kalangan agensi-agensi pekerja asing yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan dan sila namakan apakah tindakan yang diambil ke atasnya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya agensi dibenarkan untuk menguruskan hal-hal pembantu rumah dan pembantu kedai, seperti mana saya telah jawab. Syarat-syarat telah pun ditetapkan dan saya telah pun beberapa kali menjawab di sini, saya fikir tidak payah diulangi. Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang melanggar syarat termasuk membatalkan lesen mereka. Kalau sekiranya mereka telah melanggar undang-undang imigresen, maka kita mendakwa mengikut Akta Imigresen. Setakat ini memang ada beberapa agensi yang dalam rekod menunjukkan rekodnya tidak baik, maka tindakan yang tertentu telah diambil.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat hari ini berapakah jumlah syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen secara sah bagi menguruskan kemasukan pekerja-pekerja asing dan setakat yang diberikan itu berapakah telah melakukan kesalahan dan jumlah denda yang telah dikutip?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, lesen agensi ini telah banyak diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia tetapi yang mendaftar dengan Jabatan Imigresen untuk menguruskan pekerja asing adalah terdapat 163 syarikat dan antara 163 ini terdapat hanya 44 syarikat yang aktif, yang sentiasa menguruskan urusannya dengan tidak menghadapi banyak sangat aduan dan daripadanya, 6 telah dikenakan tindakan oleh Jabatan Imigresen kerana melanggar syarat. Terdapat 91 daripada 163 ini tidak aktif, tidak membuat apa-apa. Yang lain-lain itu adalah sederhana.

PEKERJA SEKTOR LADANG/KAYU BALAK DI KAWASAN TAWAU - PERANGKAAN

2. **Puan Chua Soon Bui** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan perangkaan tentang jumlah pekerja-pekerja yang diperlukan dalam sektor ladang dan kayu balak di kawasan Tawau sehingga penghujung tahun 1995. Apakah peratusan orang tempatan dan orang asing dijangka berada dalam sektor-sektor tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia tidak membuat unjuran keperluan guna tenaga bagi mana-mana kawasan tertentu tetapi berasaskan kepada aktiviti pendaftaran yang dijalankan di semua Pejabat Tenaga Rakyat, kementerian ini dapat mengetahui secara kasar trend permintaan untuk pekerja tertentu di satu-satu kawasan.

Justeru itu, permintaan tenaga buruh untuk sektor-sektor ladang dan kayu balak bagi kawasan Tawau khususnya tidak dapat dipastikan kerana pencari-pencari kerja tidak mendaftarkan diri untuk pekerjaan di dalam sektor berkenaan dan majikan pula tidak menghubungi Pejabat Tenaga Rakyat untuk pekerja-pekerja berkenaan.

Setakat Jun 1995, rekod Jabatan Buruh Negeri Sabah di bawah Kementerian Sumber Manusia menunjukkan seramai 4,176 orang pekerja tempatan dan 7,779 orang pekerja asing yang sah telah bekerja di sektor ladang di Tawau. Manakala di sektor kayu balak ialah 1,999 orang pekerja tempatan dan 2,004 orang pekerja asing yang sah.

Rekod-rekod tersebut adalah berasaskan daripada Laporan Penyata Buruh yang diwajibkan di bawah Ordinan Buruh Sabah 1990 supaya majikan-majikan yang menggaji lebih daripada 20 orang pekerja mengemukakan laporan setiap setengah tahun kepada Jabatan Buruh Negeri Sabah. Rekod tersebut sedikit sebanyak memberi gambaran kasar kedudukan guna tenaga di mana-mana kawasan di Sabah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah untuk menyelaraskan pendaftaran pekerja-pekerja di seluruh negara, maka menyulitkan statistik keperluan pekerjaan dan juga kewujudan kerja-kerja yang ada di sektor-sektor tertentu.

Jadi, soalan saya kepada Timbalan Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu undang-undang di mana semua syarikat-syarikat termasuk juga agensi-agensi kerajaan dikehendaki melaporkan kepada kementerian ataupun Jabatan Tenaga Rakyat mana-mana kewujudan ataupun kekosongan pekerjaan dan demikian juga pencari pekerjaan supaya didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaan ini ialah berkenaan dengan pekerja-pekerja di kawasan Tawau.

KADAR TOL DI LEBUH RAYA - PERANAN KEMENTERIAN

3. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementeriannya mempunyai peranan dalam menentukan kadar tol di lebuhraya. Sekiranya ada, adakah kementerian sedar bahawa kenaikan kadar tol boleh mempengaruhi secara relatifnya kenaikan harga barangan lain yang boleh menampung kos pembinaan serta penyenggaraan lebuhraya. Adakah kementerian sedar adalah lebih sesuai sekiranya dipanjangkan tempoh pengutipan tol ke beberapa tahun lagi daripada dinaikkan kadar tol. Langkah ini tidak akan membebankan rakyat dalam jangka masa pendek.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai peranan dalam menentukan kadar tol di lebuhraya kerana kerajaan yang

melantik dan memberikan hak konsesi kepada syarikat untuk melaksanakan sesuatu projek lebuhraya melalui dasar penswastanya.

Dalam menentukan kenaikan kadar tol di sesuatu lebuhraya yang diswastakan, selain Kementerian Kerja Raya, beberapa kementerian, jabatan dan agensi kerajaan lain turut terlibat iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Lazimnya beberapa siri rundingan dijalankan di antara kerajaan dengan syarikat konsesi untuk menentukan kadar tol yang munasabah setelah mengambil kira implikasinya kepada kepentingan kerajaan, syarikat konsesi, pengguna lebuhraya dan dasar penswastakan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penentuan kadar tol merupakan klausa yang terpenting dalam perjanjian konsesi antara kerajaan dengan syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, dalam perjanjian konsesi, syarikat diberi hak mengutip tol. Akan tetapi, setiap permohonan kenaikan kadar tol oleh syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

Berdasarkan justifikasi yang merangkumi beberapa faktor seperti tanggungan kewangan iaitu kos operasi, kos penyenggaraan, bayaran balik pinjaman termasuk faedah, kos memperbaiki pulih, menaik taraf lebuhraya dan kerja-kerja pembinaan selepas lebuhraya beroperasi, jumlah trafik, pulangan kepada pelaburan dan beban kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kenaikan kadar tol mempengaruhi secara relatifnya kenaikan harga barangan lain adalah kurang tepat. Malah kajian yang telah dijalankan menentukan bahawa penggunaan lebuhraya akan mengurangkan perbelanjaan vehicle operating cost di samping memendekkan masa perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa cadangan untuk memanjangkan tempoh pengutipan tol iaitu tempoh konsesi adalah kurang

sesuai kerana cadangan ini tidak dapat menyelesaikan tanggungan kewangan syarikat konsesi disebabkan perlu menampung kos-kos yang telah saya sebutkan tadi terutamanya membayar balik pinjaman termasuk faedah kepada pihak peminjam.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa kenaikan kadar tol adalah salah satu daripada klausa yang terdapat dalam konsesi perjanjian penswastaan ini. Bolehkah saya dapat tahu, mengikut klausa tersebut, berapa lama sesuatu permohonan boleh dibuat kepada pihak kementerian untuk menaikkan tol?

Yang keduanya, selain daripada konsesi mengenai jumlah tol, apakah syarat-syarat lain lagi yang boleh menjamin kepada pengguna bahawa kadar bayaran tol ini tidak akan dinaikkan sewenang-wenangnya mengikut kepentingan syarikat-syarikat yang mengendalikan lebuhraya itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tol ditetapkan masa kita mengadakan perbincangan dengan syarikat konsesi itu. Jikalau kita ambil kira PLUS iaitu Projek Lebuhraya Utara-Selatan, semasa perjanjian, kerajaan telah mengadakan rundingan beberapa lama iaitu lebih dari 2 tahun untuk menetapkan apakah kadar tol dan bilakah tol itu boleh dinaikkan.

Mengikut perjanjian, konsesi pertama iaitu lima sen telah dikenakan. Selepas 3 tahun, mereka mempunyai hak untuk menaikkan dua setengah sen dan selepas 3 tahun, kerajaan mesti memberi kelulusan kepada mereka oleh kerana ini adalah sebahagian perjanjian yang telah diadakan di antara kedua-dua pihak.

Ini satu contoh yang saya suka jelaskan kepada Yang Berhormat. Syarikat-syarikat yang lain ada juga meminta berjenis-jenis kenaikan tetapi kerajaan tidak membenarkan dan kerajaan mesti menentukan satu taraf atau standard di mana semua syarikat mesti mengikut

standard itu tetapi tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Kenaikan itu ditetapkan mengikut perjanjian yang telah dibuat di antara dua pihak iaitu kerajaan dengan syarikat konsesi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah benar cara perbandingan kadar tol di negara kita ini lebih rendah berbanding dengan negara-negara lain dan jika benar, bolehkah diberikan butir-butir kadar perbandingan dengan negara-negara yang lain berbanding dengan negara kita?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, benar juga kadar tol di negara ini lebih rendah daripada kadar tol yang dikenakan di negara-negara yang lain tetapi saya tidak mempunyai butir-butir itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah.

[Soalan No. 4 - Y.B. Dato' Joseph Chong Chek Ah tidak hadir]

SUKAN KOMANWEL 1998 - PERSEDIAAN

5. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini apakah persediaan yang telah dibuat untuk menghadapi Sukan Komanwel 1998 baik dari penyediaan infrastruktur dan penyediaan atlet-atlet terlatih dan apakah masalah yang dihadapi untuk persiapan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Sukan Komanwel 1998 tinggal lebih kurang 1,000 hari sahaja lagi. Segala persiapan bagi menganjurkan sedang dilaksanakan dan berjalan dengan lancar. Penyediaan venue-venue pertandingan kini sedang giat dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, salah satu kemudahan baru ialah Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil. Suka saya maklumkan di sini bahawa tahap pembinaan stadium utama di Bukit Jalil kini mencapai 21.09%. Bagi stadium tertutup pula, kerja-kerja tanah sedang dilaksanakan. Sementara kompleks renang pula, pihak kontraktor sedang menyiapkan reka bentuknya.

Empat venue baru lain ialah stadium hoki dan stadium skuasy di Bukit Jalil serta stadium bola jaring dan gelanggang bowling padang di Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Kementerian akan turut melaksanakan kerja-kerja menaik taraf beberapa kemudahan sukan sedia ada seperti velodrome Kuala Lumpur, stadium badminton dan sebagainya.

Semua kerja menaik taraf ini akan dilaksanakan mulai tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan mengenai program penyediaan atlit telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di Dewan yang mulia ini semalam.

Sungguhpun demikian, beberapa masalah telah pun dikenal pasti dalam usaha persediaan atlit negara. Di antara masalah tersebut adalah:-

- (i) tahap prestasi atlit yang semuanya di bawah tahap prestasi Sukan Komanwel, kecuali badminton;
- (ii) masa persediaan yang singkat. Kita ada lebih kurang 4 tahun mulai 1994 untuk melatih atlit. Masa yang ideal adalah di antara 6 hingga 8 tahun. Australia misalnya, telah pun mengenal pasti dan mula melatih atlit gimnastik untuk Sukan Olimpik tahun 2000 dan 2004;
- (iii) tahap pengurusan sukan kebanyakannya masih lemah dan untuk mengatasi masalah ini, Majlis Sukan Negara telah pun melantik pengurus projek untuk tiap-tiap satu sukan untuk membantu melaksanakan program-program latihan;
- (iv) komitmen dan kesediaan atlit-atlit negara menjalani latihan intensif. Seseorang atlit perlu latihan sepenuh masa di antara 6 hingga 8 jam sehari. Untuk mengatasi masalah ini, pihak Majlis

Sukan Negara telah pun mengenal pasti 527 orang atlit untuk latihan sepenuh masa; dan

- (v) masalah mendapat cuti tanpa rekod yang panjang dari majikan.

Walau bagaimanapun, pihak swasta, terutama sekali bank-bank telah memberi kerjasama dalam perkara ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita seringkali mendengar dan membaca di dalam akhbar bahawa banyak persatuan-persatuan sukan menghadapi masalah dalaman. Jadi, adakah kementerian menghadapi masalah untuk melatih atlit-atlit ini disebabkan persatuan-persatuan ini kadang-kadang berbalah di antara satu sama lain di dalam persatuan ini. Jadi, adakah ini terjejas juga dari segi persiapan untuk memperbanyakkan atlit kita ini? Dan adakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, semestinya apabila persatuan-persatuan sukan mengalami masalah, tentu sekali ini akan membawa mudharat kepada atlit-atlit kita. Walau bagaimanapun, oleh kerana pihak kementerian sentiasa prihatin tentang masalah ini, maka kita cuba mengadakan dialog setiap masa dengan persatuan-persatuan sukan supaya perkara-perkara ini tidak menjejaskan prestasi penyediaan atlit negara kita.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah jumlah wang peruntukan yang telah pun dibelanjakan dan juga dijangka akan dibelanjakan untuk melatih atlit-atlit negara kita untuk menyertai di dalam SUKOM ini, baik dalam negeri ataupun di luar negeri?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak ada jumlah yang terperinci, saya akan berikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

BSKL - SEBAB KEMEROSOTAN

6. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah sebab-sebab yang menyebabkan BSKL menghadapi keadaan yang merosot (lacklustre performance) sejak hampir 2 tahun yang lalu; dan
- (b) apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk menjamin agar perniagaan di BSKL menjadi lebih aktif.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada pandangan Kementerian Kewangan, kemerosotan BSKL sejak 2 tahun yang lalu adalah disebabkan oleh proses pembetulan berikutan dengan pembelian yang berlebihan dalam tahun 1993. Di samping itu, krisis-krisis yang berlaku di beberapa negara seperti krisis ekonomi di Mexico telah menyebabkan pengurusan-pengurus dana mengambil langkah berhati-hati terhadap pasaran negara membangun termasuk Malaysia.
- (b) Suruhanjaya Sekuriti sentiasa menitikberatkan pembangunan BSKL yang teratur secara inovatif dan berdaya saing. Pelbagai langkah telah diatur untuk meningkatkan mutu serta aktiviti perniagaan di BSKL seperti menyertai pameran bergerak yang dikendalikan oleh BSKL itu serta pengenalan produk baru di pasaran.

Dalam pelan urusan Suruhanjaya Sekuriti bagi tahun 1995 hingga 1997, Suruhanjaya telah mengenal pasti aspek pendidikan

dan kesedaran pelabur sebagai salah satu strategi pembangunan pasaran modal. Suruhanjaya Sekuriti juga akan terus menggalakkan kemasukan pengurus dana asing yang bermutu tinggi untuk membuat pelaburan jangka panjang di negara ini.

Suruhanjaya Sekuriti sentiasa peka terhadap perubahan keadaan dan kehendak yang memerlukan pengkajian semula garis panduan untuk memperbaiki rangka kawal selia. Ini dikenal pasti sebagai salah satu langkah meningkatkan minat para pelabur, terutamanya pelabur asing kepada BSKL. Program dan strategi yang digariskan di bawah pelan urusan itu akan terus dilaksanakan dalam meningkatkan mutu serta aktiviti di BSKL, di samping mengambil kira keadaan permintaan dan penawaran yang turut mempengaruhi usahanya itu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, umum mengetahui dari segi ukuran atau fundamental ekonomi kita dan fundamental kewangan kita baik di negara ini. Namun demikian, kita mendapati keadaan, seperti yang dimaklumkan. Persoalan saya, walaupun fundamentalnya baik, usaha-usaha kerajaan untuk membawa dan mengadakan satu kedudukan pelaburan di negara kita yang bertambah baik, namun demikian kedudukan dari segi prestasi BSKL, kita semua sedia maklum.

Persoalan saya, adakah sesuatu usaha tertentu ataupun satu conspiracy, dengan izin, oleh kumpulan tertentu, baik dalam negara atau luar negara yang tidak mahu melihat prestasi di BSKL ini berkembang dengan maju pada taraf yang baik seperti yang dahulu melalui

penyebaran berita-berita angin yang tidak benar yang sengaja diada-adakan dan kadangkala berita-berita ini disebar oleh yang di sebelah sana! Saya hendak bertanya sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang mengatakan fundamental yang memang baik di negara kita ini memandangkan pertumbuhan ekonomi kita selama 8 tahun telah melebihi 8%, inflasi yang kurang dari 4%, mata wang Ringgit Malaysia yang kuat dan pengangguran di negara kita ini yang masih sangat rendah dengan keadaan politik yang begitu baik dan stabil.

Pada pandangan kita, kita tidak nampak ada apa-apa conspiracy yang berlaku yang sengaja hendak memburuk-burukkan satu keadaan baik untuk Malaysia. Apa yang sebenarnya berlaku ialah, oleh kerana kemerosotan yang berlaku di BSKL juga dialami oleh masyarakat-masyarakat yang lain di Singapura, Hongkong, Thailand, Filipina dan Indonesia dan ini adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi dari segi makro.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini bersetuju, ramai yang terjebak sekarang ini apabila indeks komposit berada di bawah 1000 mata sejak sekian lama. Soalan saya, bilakah agaknya, dengan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak BSKL dan kementerian supaya, kalau pun tidak bull-run, dengan izin, bolehlah recover balik kehilangan dan kesusahan kami selama ini. *[Ketawa]*

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya perlu tanya 'Crystal Bowl'. Saya rasa ini memang satu soalan yang tidak dapat kita jawab oleh kerana ini adalah ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan di dalam pasaran BSKL dan juga dipengaruhi oleh banyak unsur-unsur yang lain seperti pemindahan dana-dana asing dan juga tentang keyakinan pelabur-pelabur terhadap negara kita.

LEBUHRAYA PERSEKUTUAN - LANGKAH MENGELAK KESESAKAN

7. **Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-
- (a) sama ada beliau sedar bahawa Lebuhraya Persekutuan antara Kuala Lumpur dan Petaling Jaya seringkali sesak pada waktu siang dan pada waktu malam dan apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengatasinya;
 - (b) bagaimanakah “traffic volume” di Lebuhraya Persekutuan pada waktu siang dan malam; dan
 - (c) adakah Kementerian Kerja Raya bercadang membina papan tanda maklumat jalan raya yang seperti di negara Jepun di Lebuhraya Persekutuan supaya pemandu-pemandu dapat mengelakkan kesesakan jalan raya.

Menteri Kerja Raya [Dato’ Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan ialah seperti berikut:-

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa Lebuhraya Persekutuan Dua di antara Kuala Lumpur dan Petaling Jaya seringkali sesak pada waktu siang mahupun malam. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan dengan siapnya Lebuhraya Shah Alam yang sedang dibina sekarang ini, masalah ini akan dapat dikurangkan. Dijangkakan lebuhraya ini akan dapat disiapkan sepenuhnya dalam tahun 1997.
- (b) Mengikut pengiraan yang telah dibuat dalam bulan Oktober 1994, isi padu lalu lintas di Lebuhraya Persekutuan Dua adalah seperti berikut; lokasinya iaitu berhampiran bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, lalu lintas 24 jam 320,839,033 kenderaan. Lalu lintas 16 jam iaitu 6 pagi hingga 10 malam, 281,756 kenderaan. Lalu lintas jam puncak iaitu 7 pagi hingga 8 pagi, 24,532 kenderaan.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan belum bercadang memasang papan tanda maklumat jalan raya atau variable message sign (VMS) dengan izin, seperti yang terdapat di negeri Jepun kerana masalah kos. Walau bagaimanapun, pihak PLUS Berhad akan mencuba VMS ini di lebuh raya baru Lembah Kelang. Daripada percubaan ini kerajaan akan dapat menguji kesesuaiannya untuk diguna pakai di lebuh raya lain di masa hadapan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat apabila suatu kejadian kemalangan berlaku di lebuh raya berkenaan, selalunya melibatkan kesesakan jalan ataupun kenderaan terperangkap. Jadi, apakah bentuk kerjasama yang telah dibuat ataupun akan dibuat oleh pihak kementerian Yang Berhormat dengan pihak Polis Trafik untuk menyegerakan sesuatu kes itu selesai dalam tempoh beberapa jam ataupun beberapa minit bagi mengelakkan kenderaan lain terperangkap?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tugas Kementerian Kerja Raya ialah merancang, membina dan juga memberi kepada Kementerian Pengangkutan. Perancangan berkenaan dengan kemalangan dan lain-lain akan diuji dan dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan. Jikalau ada juga jalan-jalan diketahui di mana lebih banyak kemalangan yang berlaku dan rancangan baru akan dijalankan untuk memperbaiki keadaan.

Walaupun bagaimanapun, nasihat daripada saya iaitu jalan raya dengan beberapa lorong boleh dibina tetapi kita tidak boleh menukar fikiran sesiapa yang tidak mengambil kira nyawa mereka sendiri apabila mereka membawa kereta.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan izin, traffic volume yang begitu banyak di Lebuh raya Persekutuan masuk sama ada ke Bandaraya

Kuala Lumpur ataupun Petaling Jaya. Di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya banyak bulatan dan juga simpang-simpang yang dengan izin, ada traffic light, perkhidmatan Polis Trafik diperlukan, selalunya sesak dan apakah pendekatan kementerian Yang Berhormat Dato' Menteri bagi mengatasi kesesakan terutama sekali di bulatan-bulatan dan juga di simpang-simpang jalan sama ada simpang tiga ataupun simpang empat, sekalipun ada lampu trafik?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kerja Raya tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam sempadan Dewan Bandaraya. Perancangan, pembinaan dan juga mengadakan apa-apa rancangan berkenaan dengan lalu lintas terletak di dalam tangan Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, kami mempunyai kuasa atas dua atau tiga jalan sahaja iaitu Jalan Kuching dan juga jalan dari Kuala Lumpur ke Seremban. Selain daripada itu, semua ialah dalam kuasa Dewan Bandaraya. Jikalau Dewan Bandaraya suka mendapat sedikit nasihat daripada Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya boleh membantu mereka. Banyak di antara jalan-jalan di mana kita mempunyai banyak masalah, saya telah membangkitkan perkara ini kepada kementerian saya untuk menghubungi Dewan Bandaraya, memperingatkan kepada mereka bahawa kawasan-kawasan ini mempunyai banyak bahaya, oleh kerana itu tindakan mesti diambil. Jadi, kita boleh bekerjasama jikalau ada permintaan daripada Dewan Bandaraya.

SENI & BUDAYA - USAHA MEMUPUK PENGEMBANGAN

8. **Dato' Dr. Kamal bin Salleh** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan memandangkan hasrat kerajaan untuk memupuk pengembangan kegiatan seni dan budaya tanah air.

- (a) sama ada pihak kementerian ada satu skim memberi geran kepada pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat dalam bidang-bidang seni ini; dan
- (b) jika tiada, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu tabung untuk tujuan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

[Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sememangnya telah banyak memainkan peranan dalam usaha memupuk kegiatan seni budaya tanah air yang tidak hanya melibatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian malah juga aktiviti pelancongan. Pelbagai bentuk bantuan disediakan oleh pihak kerajaan melalui kementerian ini untuk membantu pertubuhan-pertubuhan berkenaan iaitu:-

(i) **Bantuan Kewangan Kebudayaan**

Kementerian telah memperuntukkan sejumlah peruntukan setiap tahun untuk membantu pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (kebudayaan dan juga pelancongan) dan bantuan diberi berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

(ii) **Tabung Amanah Kebudayaan**

Tabung Amanah Kebudayaan ditubuhkan mengikut Akta Acara Kewangan 1957 Arahan di bawah Seksyen 9(3). Tujuan diwujudkan Tabung Amanah Kebudayaan adalah untuk memajukan aktiviti-aktiviti kebudayaan yang bercorak kebangsaan dengan mengembang dan meluaskan lagi pengetahuan, fahaman dan kemajuan seni lukisan, sastera, muzik dan seni yang lain.

- (b) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak bercadang untuk menubuhkan satu tabung lain bagi tujuan tersebut kerana Tabung

Amanah Kebudayaan telah sedia ada di samping lain-lain bentuk bantuan seperti yang dinyatakan di atas.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa dahulu institusi-institusi pengajian tinggi merupakan pusat perkembangan seni dan budaya. Tetapi pada akhir-akhir ini nampaknya keadaan ini sudah ketandusan. Apakah peranan kementerian sama ada kementerian pernah memikirkan untuk membantu menghidupkan semula kegiatan budaya dan seni di kampus-kampus tempatan?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, minat untuk menggiatkan lagi persatuan-persatuan kebudayaan di kampus-kampus mestilah wujud daripada ahli-ahlinya sendiri atau pertubuhan-pertubuhan itu sendiri. Namun, mereka ataupun pertubuhan-pertubuhan itu adalah tergolong dalam badan-badan NGOs dan persatuan yang boleh diberi bantuan oleh kementerian. Sebarang permohonan daripada pihak mereka boleh dilayan dengan sewajarnya.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, satu cara yang kerajaan boleh ambil untuk memupuk kewujudan dan perkembangan kegiatan seni dan budaya tanah air ialah mengadakan satu kolej berbakat (talent college), dengan izin, bagi pelajar-pelajar muda yang berbakat untuk menerima latihan dan kursus intensif secara kurikulum luar sekolah. Soalan saya, adakah kerajaan akan membina satu kolej tersebut di atas?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, satu institusi kebudayaan memang telah wujud, mungkin Yang Berhormat ingin tahu bagaimana atau apakah kelulusan-kelulusan untuk memasuki institusi. Jadi, Yang Berhormat bolehlah berhubung terus dengan kementerian sendiri.

9. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sumber fatwa (sama ada individu atau badan) yang membenarkan tanah-tanah wakaf dimajukan secara komersil.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, mengiktu amalan hari ini, fatwa yang membenarkan tanah wakaf dimajukan secara komersil diperolehi terlebih dahulu sebelum projek berkenaan dilaksanakan. Amalan ini dibuat bagi memastikan tanah-tanah wakaf yang dimajukan itu menepati kehendak syarak serta tujuan asal tanah tersebut diwakafkan. Antara negeri-negeri yang mempunyai fatwa berkenaan dengan perkara ini ialah Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Perak kerana masing-masing telah mula terlibat dalam projek memajukan tanah wakaf.

Pada prinsipnya, Islam membolehkan tanah-tanah wakaf dibangunkan secara komersil dengan syarat hasil perolehan tersebut kembali kepada tujuan asal ia diwakafkan berlandaskan prinsip siyasah syariyyah dalam hukum fiqah.

Kebanyakan tanah wakaf yang dimajukan ialah tanah wakaf am yang didapati tidak ada cara lain yang lebih menepati tujuan asal ia diwakafkan kecuali dimajukan. Umumnya, tanah tersebut terletak di tengah-tengah pekan atau bandar. Buat masa ini usaha memajukan tanah wakaf dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri mengikut keadaan dan keupayaan negeri berkenaan.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya iaitu meminta sumber fatwa sama ada dari Majlis Agama Islam ataupun Majlis Fatwa Kebangsaan, bukan menyatakan sebab-sebab tanah wakaf dikomersilkan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyebutkan bahawa tiap-tiap negeri ada Majlis Agama Islam masing-masing dan ada Jawatankuasa Fatwa masing-masing. Jadi, apabila berbangkit tanah wakaf, maka pihak

Majlis Fatwa Negeri masing-masing akan menimbangkan kes-kes yang terlibat tiap-tiap wakaf yang berkenaan. Memang ada berbeza tiap-tiap wakaf, jadi terpaksa kita timbangkan kes demi kes, sebab ada kala wakaf itu adalah wakaf khusus yang tidak boleh dibuat perkara yang lain dan ada di antaranya wakaf, ada orang menyebut “hanya saya wakafkan tanah ini”. Jadi, apabila am, maka pihak Jawatankuasa Fatwa ini akan menggunakanlah fatwa-fatwa yang berdasarkan kepada hukum-hukum Islam yang didapati dalam kitab-kitab syaria Islam.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bila menyebut versi “saya wakafkan”. Adakah pernah berlaku bahawa tanah-tanah wakaf ini dituntut oleh waris-waris yang pewakaf, terutama sekali tanah-tanah dalam bandar seperti di Pulau Pinang?

Dato’ Haji Muhamad bin Adullah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada kekeliruan dalam membuat wakaf, kadangkala wakaf yang disebut ini tidak ditulis dan tidak direkodkan. Apabila sipewakaf telah meninggal dunia, maka ada di antara waris-waris yang menuntut mengatakan tanah itu tidak diwakafkan. Jadi, apabila tidak ada bukti menyatakan diwakafkan, inilah satu masalah yang kita hadapi. Sebab itu, kerajaan telah memutuskan supaya semua wakaf-wakaf yang ditentukan, yang diadakan di negara kita ini mestilah direkodkan supaya tidak ada orang-orang lain ataupun warisnya menuntut wakaf-wakaf tersebut. Oleh sebab itu, di dalam kes di Pulau Pinang ini, pihak kerajaan sedang bertindak menyelesaikan bagaimana bagi menentukan tanah itu benar-benar diwakafkan.

BORANG KAD PENGENALAN - JUMLAH KECURIAN

10 **Tuan Yunof Edward Maringking** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa borang-borang Kad Pengenalan yang bermula dengan H05, H02, H03 dan sebagainya yang dilaporkan telah dicuri daripada Pejabat Pendaftaran Negara di Kota Kinabalu beberapa tahun

dahulu kini digunakan pula oleh sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu; dan

- (b) jumlah sebenar butir-butir terperinci termasuk nombor dan jumlah borang-borang Kad Pengenalan yang telah hilang atau dicuri daripada Pejabat JPN Kota Kinabalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa borang-borang kad pengenalan dengan nombor-nombor yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah dicuri oleh sindiket pemalsuan kad pengenalan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh hairan jawapan yang begitu pendek sekali [*Ketawa*] kali ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan beliau telah mengatakan tidak ada kecurian, maka, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada kementerian ataupun kerajaan sedia untuk mengeluarkan satu ‘kertas putih’ untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini tentang kehilangan borang-borang yang saya katakan tadi dan juga kehilangan 22,000 I.C. tulen di Sabah dan bagaimanakah ia berlaku begitu intensive, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua - kad pengenalan palsu berleluasa di Sabah?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah borang-borang kad pengenalan dengan nombor-nombor. Sebenarnya borang-borang kad pengenalan memang tidak dicuri, mungkin maksud Yang Berhormat dari Tuan ialah ‘kad pengenalan plastik’ yang tidak digunakan pada satu ketika, kerana pada masa ini kita sudah menggunakan KPT, tidak perlu lagi kad plastik. Kalau dimaksudkan begitu, maknanya soalan ini tidak jelas, maka saya ingin menjelaskan, memang betul terdapat 22,000 kad pengenalan plastik kosong, bukan dicuri, ia dihantar ke Sabah oleh ibu pejabat JPN pada beberapa tahun yang lalu. Apabila sampai masanya kad-kad itu sepatutnya kembali kepada ibu pejabat, tetapi kad-kad yang kosong itu tidak dikembalikan pada masanya. Kebetulan pada masa ini kerajaan telah menggunakan ISA untuk menangkap ahli-ahli sindiket yang terlibat dalam pemalsuan kad pengenalan dan juga dokumen yang lain, dalam siasatan itu kita telah mendapatkan balik

sebahagian daripada kad-kad kosong ini, mungkin telah pun digunakan. Jadi, siasatan itu masih kita teruskan dan rasa saya sedikit masa lagi kita akan tahu fakta yang sebenar, tidak payah kertas putih, bila-bila kita boleh jawab di sini.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sesuatu tindakan segera dan tegas yang diambil oleh kementerian untuk membanteras dan mengawal segala perbuatan yang tidak diingini oleh sindiket-sindiket yang tidak bertanggungjawab bagi mengendalikan semua kerja-kerja di Jabatan Pendaftaran Negara bukan sahaja di Kota Kinabalu, malahan di seluruh Malaysia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada penguatkuasaan baru-baru ini, saya rasa telah kita tahu sejumlah 35 orang telah ditahan di bawah ISA kerana pemalsuan ini dan perkembangan terbaru hari ini ialah, daripada 35 orang itu 10 orang kita telah buat keputusan untuk dimasukkan ke dalam Kem Tahanan Kamunting kerana telah sah mereka itu terlibat secara serius, tidak kira latar belakang termasuklah Pegawai JPN. Bakinya kita masih siasat dan ada sedikit masa lagi untuk kita buat keputusan.

DUTA MALAYSIA - PEMBELAJARAN BAHASA ASING

11. **Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah kementerian menggalakkan semua Duta Malaysia di luar negeri mempelajari dan memahirkan diri berbahasa tempatan di mana mereka bertugas; dan
- (b) adakah kementerian bercadang mengeluarkan sejumlah peruntukan bagi Kedutaan membuka kelas-kelas Bahasa Malaysia di luar negeri.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri mempunyai beberapa rancangan mengenai pembelajaran bahasa asing. Pertamanya ialah melalui sebuah program terancang untuk melahirkan satu kumpulan pegawai diplomat yang bukan sahaja mahir bertutur tetapi mampu menggunakan bahasa asing secara efektif dalam persidangan dan juga mesyuarat antarabangsa. Bahasa asing yang

dimaksudkan ialah apa yang dikenali sebagai bahasa diplomasi, iaitu bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol, Mandarin dan Arab.

Melalui program ini, pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri diberi pelajaran bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di Kuala Lumpur dan bahasa Mandarin dan Arab di INTAN. Di samping itu kementerian juga menghantar pegawai-pegawai yang berpotensi untuk kursus lanjutan ke negara-negara tertentu seperti Perancis untuk bahasa Perancis dan ke negara Chile dan Argentina untuk bahasa Sepanyol.

Selanjutnya ialah pembelajaran bahasa tempatan melalui program ini juga, pegawai dan kakitangan termasuk isteri mereka digalakkan untuk mempelajari bahasa tempatan dengan diberi kemudahan elaun belajar bahasa. Kementerian ini juga menghantar beberapa orang pegawai ke Tokyo untuk mempelajari bahasa Jepun selaras dengan Dasar Pandang ke Timur.

Tuan Yang di-Pertua, kelas-kelas Bahasa Malaysia ialah untuk anak-anak kakitangan kedutaan. Sukacitanya saya maklumkan di sini bahawa sekarang ini memang terdapat kelas-kelas yang dijalankan secara sukarela oleh anggota-anggota Persatuan Isteri-isteri Kementerian Luar Negeri atau perwakilan yang mempunyai pengalaman sebagai guru. Setakat ini kelas-kelas bimbingan bahasa secara sukarela ada dijalankan di beberapa tempat seperti di Jakarta dan Tokyo. Oleh yang demikian, kementerian ini juga belum bercadang untuk mengadakan peruntukan khas bagi pembukaan kelas-kelas Bahasa Malaysia untuk semua kedutaan di luar negeri dan bagi kelas-kelas yang sedia ada, kementerian ada menerima sumbangan bakti dalam bentuk buku dan alat-alatan pembelajaran dari pihak-pihak tertentu dari Malaysia.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Luar Negeri kerana menggalakkan para diplomatnya belajar bahasa-bahasa asing. Tetapi apa yang kita difahamkan, satu masalah yang besar yang dihadapi oleh para diplomat kita sekarang ialah kelemahan mereka dalam penguasaan bahasa Inggeris sehingga kita menghadapi masalah untuk duduk dalam pelbagai jawatankuasa untuk mendraf kenyataan-kenyataan dalam rundingan rasmi. Sebenarnya masalah ini pernah ditimbulkan oleh para pemimpin kita sendiri. Apakah sebenarnya langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Inggeris oleh para diplomat kita?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita memang akui ada juga kelemahan-kelemahan dalam penggunaan Inggeris tetapi penguasaan dari segi proficiencynya perlu kita kuatkan. Walaupun ia masih dalam keadaan terkawal, tetap kita berusaha untuk memberi kursus-kursus kepada pegawai-pegawai diplomat kita yang baru masuk dan juga yang perlu meningkat proficiencynya di Pusat Pengajian Perhubungan atau di INTAN dan termasuk juga yang saya sebutkan tadi, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di Kuala Lumpur.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka mereka yang sekarang dalam Perkhidmatan Diplomat Malaysia, berapa duta Malaysia selepas ditugaskan sudah menjadi mahir dalam bahasa-bahasa tempatan di negara mereka bertugas selain daripada negara-negara yang bercakap bahasa Inggeris dan Indonesia?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat tetapi kebanyakan Duta-duta dan pegawai-pegawa di kedutaan kita memang telah mengambil kursus-kursus untuk bahasa tempatan dan kebanyakannya penggunaan bahasa tempatan tidak

menjadi halangan kepada mereka dalam pengurusan masing-masing dan boleh dikatakan tiap-tiap pegawai yang baru dilantik di kedutaan luar negeri kita juga diberi peruntukan khas untuk mendapatkan kursus yang khusus untuk mereka ini belajar bahasa tempatan.

SEMINAR KEBANGSAAN PERKHIDMATAN AWAM - PERSETUJUAN DAN RESOLUSI YANG DICAPAI

12. **Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Perdana Menteri menyatakan tentang apakah persetujuan dan resolusi yang dicapai dalam seminar kebangsaan mengenai perkhidmatan awam baru-baru ini, termasuk saranan dan nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai etika dan peranan perkhidmatan awam ke arah tahun 2020 dan selakurakan kongsi dalam konsep ‘Malaysia Incorporated’.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato’ Ariffin bin Raja

Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, antara persetujuan yang dicapai dalam Seminar Kebangsaan Mengenai Perkhidmatan Awam yang diadakan bersama-sama dengan “Commonwealth Association for Public Administration and Management” (CAPAM) adalah:

- (i) Perlunya kakitangan awam sedar bahawa perkhidmatan awam tidak lagi boleh statik tetapi perlu respon kepada keperluan dan peredaran masa. Penjawat awam perlu mengubah sikap dan hendaklah peka dan sensitif kepada kehendak orang ramai;
- (ii) mekanisme ‘Malaysia Incorporated’ hendaklah diperkukuhkan dengan pelaksanaan empat strategi iaitu ‘consultative panels’, sesi dialog, memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pihak swasta dan memudahkan perolehan maklumat kerajaan oleh sektor swasta.
- (iii) Perkhidmatan Awam Malaysia mencontohi beberapa aspek pelaksanaan teknologi maklumat dari negara-negara tertentu yang telah dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan awam masing-masing melalui kaedah seperti perluasan single window service atau penawaran perkhidmatan setempat;

- (iv) melaksanakan konsep 'paperless civil service' melalui penggunaan teknologi maklumat untuk menghasilkan penawaran perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih cekap kepada rakyat; dan
- (v) perlu adanya usaha-usaha pembaharuan yang berterusan sekiranya perkhidmatan awam ingin mengekalkan tahap kecemerlangannya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu apakah masalah karenah birokrasi (red tape) yang sering membelenggu kelancaran perkhidmatan awam kita telah dapat dikurangkan ataupun dapat diatasi setakat ini dalam konteks Perkhidmatan Awam ke arah Wawasan 2020?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, hari ini masalah 'red tape' memang telah dapat dikurangkan kalau dibandingkan dengan masa yang lampau dan ini memang dapat dirasai dan dilihat oleh masyarakat umum.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada pihak Jabatan Perdana Menteri kerana telah memberikan banyak keputusan yang menjurus ke arah kebaikan perkhidmatan awam. Saya ingin bertanya sebagai soalan tambahan, apa yang menjadi masalah sekarang kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan di peringkat daerah dan negeri mempunyai satu sikap yang negatif yang tidak proaktif. Apabila suatu dasar telah diputuskan untuk dilaksanakan, tetapi mereka masih melambat-lambatkan pelaksanaannya. Umpamanya, suatu pelancaran....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, sudah panjang sangat dah tu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, misal kata satu dasar diputuskan tetapi lambat dilaksanakan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah. Tak usaha beri perumpamaanlah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau pun ada ialah masalah penurunan. Memang dari segi peringkat kerajaan, di peringkat tertinggi sekali, selepas mesyuarat Kabinet sebelah petangnya diadakan mesyuarat pos-Kabinet untuk memberikan penerangan kepada ketua-ketua jabatan supaya keputusan-keputusan kerajaan dapat diturunkan dengan seberapa segera yang boleh.

Saya ingat, mungkin ianya tidak turun secepat mungkin yang dikehendaki ke peringkat daerah. Saya percaya ini insya-Allah, akan diambil ingatan supaya dapat diperbaiki ke atas teguran Yang Berhormat tadi.

SIMEN IMPORT DARI CHINA - KUANTITI DAN KUALITI

13. **Tuan Teu si @ Chang See Ten** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah berat simen yang telah diimport dari negeri Cina sejak bulan Julai 1995 sehingga 15hb. September, 1995;

- (a) setakat manakah penerimaan industri pembinaan tempatan terhadap simen tersebut serta adakah sebarang aduan tentang kualiti simen import kurang memuaskan diterima oleh pihak berkuasa; dan
- (b) adakah pihak kerajaan mengambil langkah tertentu untuk mengagihkan simen yang kurang mendapat sambutan di kawasan tertentu ke lain-lain tempat yang dahagakan simen bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Oktober 1995 sebanyak 186,170 tan simen diimport dari negara China melalui Pelabuhan Kuantan, Pasir Gudang, Pelabuhan Klang, Kota Kinabalu dan Kuching. Sumber import yang lain adalah daripada Thailand dan Singapura iaitu lebih daripada 60,000 tan.

- (a) Kerajaan telah mensyaratkan semua simen import hendaklah menepati piawaian simen tempatan MS522:89. Kementerian ada menerima aduan

mengenai kemasukan simen-simen yang tidak berkualiti dari China dan Thailand iaitu sebelum Peraturan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan berkuat kuasa. Dalam hubungan ini, kementerian menasihati pengguna supaya tidak menggunakan simen-simen berkenaan untuk kerja-kerja konkrit dan struktur.

- (b) Setakat ini pengimportan simen dibuat oleh peniaga dan pemaju perumahan sendiri dan diedarkan di seluruh negara. Kementerian tidak terlibat dalam pengagihan dan pengedaran simen import dan terpulanglah kepada peniaga yang berkenaan untuk mengedarkan simen tersebut.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen kerana memberi jawapan. Tuan Yang di-Pertua, banyak rungutan di luar bandar, terutama sekali orang kampung, apabila mereka dapat duit sedikit-sebanyak hendak perbesarkan rumah, hendak tambah bumbung rumah dan sebagainya, mereka dapati sukar sekali untuk mendapat simen. Jadi, adakah kerajaan di bawah kementerian Yang Berhormat mencadangkan supaya pengagihan simen kepada pemborong-pemborong di luar bandar ini berjalan dengan baik supaya orang-orang kampung dapat simen dengan harga yang berpatutan dan mudah.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah menetapkan kuota peruntukan simen mengikut negeri-negeri. Oleh itu, kalau ada masalah kekurangan bekalan simen, silalah beritahu kementerian saya. Kementerian saya akan ambil perhatian.

Tuan Lim Hock Seng: Dalam dua tiga hari ini, kami telah banyak mendengar menteri-menteri yang mengatakan kekurangan simen ini. Seperti Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, beliau berkata sepatutnya tiada kekurangan simen dalam negara

kita. Kekurangan simen adalah kerana pembekal simen yang menyeleweng atau menyeludup simpanan simen. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, iaitu kementerian Yang Berhormat mengakui ada kekurangan. Dan Menteri Kerja Raya pun ada mengakui kekurangan. Sekarang ini siapa yang betul, sama ada ada kekurangan atau tiada kekurangan? Harap dapat penjelasan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kekurangan bekalan simen pernah berlaku di negara kita. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan kes atau aduan kekurangan simen, saya rasa jawapan sebab-sebab sudah diberikan pada masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan No. 14 hingga 28 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut [14hb. November, 1995]

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan minta sambung.

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun telah menyentuh tentang peranan RTM yang seharusnya bertanggungjawab menyediakan program-program yang berkualiti, dan menurut cara dan budaya hidup cemerlang yang menuju ke arah menghasilkan masyarakat berkualiti tinggi. Berhubung dengan perkara ini, RTM sebagai sebuah badan kerajaan adalah bertanggungjawab menyebarkan maklumat secara luas dan mendalam akan kegiatan-kegiatan, khususnya mengenai unsur-unsur yang menjadi faktor utama penggerak pembangunan masyarakat yang berkualiti tinggi.

Bagi menghasilkan impak yang lebih berkesan selaras dengan kehendak selera pendengar dan penonton, unsur-unsur telah dan akan terus diselitkan melalui rancangan-rancangan yang diminati, seperti drama, majalah, dokumentari mengikut kesesuaiannya.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih yang mengatakan kekurangan rancangan dalam bahasa Melayu di televisyen, dan ini mencerminkan seolah-olah tidak menerima bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Dakwaan itu adalah tidak benar sama sekali. Kementerian Penerangan tidak pernah membelakangkan kepentingan bahasa Melayu di radio dan televisyen. Dalam hal ini, semua stesen siaran swasta disyaratkan

penggunaan sekurang-kurang 60% bahasa Melayu dalam program-program siaran radio dan televisyen mereka. Manakala dari sejumlah 4,400 judul yang disiarkan oleh RTM dalam TV1 dan TV2 sebanyak 2,700 judul atau lebih dari 60% dalam bahasa Melayu. Kalau siaran radio pula, Radio 1 dan Radio 3 negeri-negeri penggunaan bahasa Melayu sebanyak 100%. Manakala Radio 2 sebanyak 50%.

Tujuan peningkatan masa siaran radio dan televisyen dalam bahasa Inggeris di negara ini ialah untuk meningkatkan kemampuan bahasa Inggeris. Ini adalah disebabkan bahawa selepas negara ini mencapai kemerdekaan sejak 38 tahun yang lalu, kemampuan rakyat berbilang kaum di negara ini dalam menguasai bahasa Melayu ialah sangat menggalakkan dan telah pun mencapai ke tahap yang baik. Namun begitu, kemampuan sebahagian rakyat di negara ini dalam menguasai bahasa Inggeris nampaknya semakin malap.

Kementerian Penerangan tidaklah berhasrat untuk mengagungkan bahasa Inggeris.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya membangkitkan satu soalan pada Setiausaha Parlimen, oleh kerana hari ini Timbalan Menteri menjawab. Saya ingin mengulangi perkara ini, oleh kerana semalam belum mendapat jawapan, iaitu apabila kita mensyaratkan bahawa siaran-siaran radio dan televisyen hendaklah 60% dalam bahasa Melayu, adakah bakinya yang 40% itu boleh dicampuradukkan. Persoalan saya ini timbul daripada satu rancangan radio muzik yang di bawah tanggungjawab RTM, di mana saya dengar pengacaranya mengendalikan program dalam bahasa Inggeris. Tetapi oleh kerana program itu program 'phone-in programme', dengan izin, maka yang menelefon bercakap Melayu, dijawab dengan bahasa Inggeris. Yang menelefon bercakap Melayu, dijawab lagi dalam bahasa Inggeris dan dicampur bahasa Melayu dan sebagainya. Ini jadi

seolah-olah macam rojak. Selepas itu ada satu radio yang dikendalikan oleh swasta, di mana ada dua pengacara berpasangan, seorang bercakap bahasa Inggeris dan seorang bercakap bahasa Melayu pada satu program yang sama. Ini saya rasa memeningkan kepala para pendengar. Kalau kita yang faham bahasa Inggeris dan bahasa Melayu bolehlah kita faham. Tetapi dari segi prinsipnya adakah perkara ini hendak digalakkan?

. Ini saya rasa memeningkan kepala para pendengar. Kalau kita yang faham bahasa Inggeris dan bahasa Melayu tu, bolehlah kita faham tetapi dari segi prinsipnya, adakah perkara ini hendak digalakkan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dengan maksud agar kemampuan bahasa Inggeris rakyat kita dapat terus meningkat. Seperti saya sebut pada awal tadi, bahawa martabat Bahasa Kebangsaan atau bahasa Melayu telah dapat kita letak pada satu tahap yang tinggi. Oleh kerana bahasa Inggeris hari ini merupakan linguafranca dunia di segi perdagangan dan seterusnya, adalah menjadi kecenderungan kerajaan untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan penggalakkan ini akan dapat dibuat menerusi sama ada media elektronik ataupun media cetak. Dan oleh kerana itulah, dalam apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit Sulong, terdapat 'radio highway' yang kadang-kala didakwa sebagai rojak dan ini dapat membantu peningkatannya seperti yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan peningkatan masa siaran, minta maaf, ini adalah disebabkan bahawa selepas negara ini mencapai kemerdekaan sejak 30 tahun yang lalu, saya sebut tadi bahawa kemampuan rakyat berbilang kaum di negara ini dalam menguasai bahasa Melayu adalah sangat menggalakkan dan telah pun mencapai ke tahap yang baik. Saya sebut awal tadi juga, kemampuan rakyat negara ini dalam penguasaan bahasa Inggeris

nampaknya semakin malap. Kementerian Penerangan tidaklah berhasrat untuk mengagungkan bahasa Inggeris, namun begitu, oleh sebab bahasa Inggeris merupakan bahasa yang biasa dipakai dalam pertuturan di peringkat antarabangsa, maka seharusnya diberi perhatian sekiranya kita ingin terus dapat berkomunikasi dengan baik khususnya dalam usaha untuk mendapatkan faedah-faedah yang diperolehi daripada perhubungan dengan rakyat antarabangsa dan juga mempromosikan negara ini di peringkat antarabangsa.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran...*[Beberapa orang Ahli Yang Berhormat bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Yang bangun ni, banyak sangat, penerangan ya? *[Ketawa]* Minta penerangan ya?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat. Banyak sangat yang bangun ni, hendak beri jalan ke kepada dia orang, empat-empat tu? Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Saya ada satu para sahaja lagi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: No, soalan saya, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri jalan. Baiklah. Kota Melaka dulu, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sama ada beliau sedar tentang siaran radio untuk bahasa Cina di mana kerana hanya ada satu channel sahaja dan terlalu banyak iklan yang disiarkan, membuatkan siaran-siaran dalam muzik atau hiburan terlalu terhad. Oleh sebab itu, saya rasa, adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah satu lagi saluran, satu lagi channel untuk bahasa Cina memandangkan bahawa sekarang sudah ada tiga channel, dengan izin, yang diluluskan oleh pihak kerajaan dan satu lagi di Johor Bahru untuk

kawasan negeri Johor dan Melaka. So, kalau boleh, bolehkah saya dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri sama ada tambahan dijalankan untuk satu lagi bahasa Cina? Sekian.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Pandangan kementerian, jika ada cadangan yang baik kita akan pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Kita tengok sekarang ini kita nak Malaysia ini sebagai satu masyarakat penyayang, Tuan Yang di-Pertua, orang muda-muda sayang kepada orang tua-tua, orang tua-tua sayang kepada orang muda, anak-anak sayang kepada mak bapak dan sebagainya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar drama-drama sekarang ini banyak kes bertengkar sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bertengkar, bapak balik lambat mak marah, bapak bebal dekat emak, anak bertengkar dengan anak. Jadi, drama ini Tuan Yang di-Pertua, tidak langsung menggambarkan penyayang. Dia dok bertengkar hang aku...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak macam mana hendak panggil drama tu?
[Ketawa].

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu contoh, Tuan Yang di-Pertua, hak sayang pun drama juga Tuan Yang di-Pertua. Jadi adakah kementerian bercadang kita berikan ada drama yang sesuai dengan kita hendak membenakan masyarakat penyayang supaya jangan ada berlaku adegan-adegan yang garang-garang, yang merosakkan akhlak anak-anak muda.

Dan Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dalam TV3 Tuan Yang di-Pertua, ada satu, cukup suka budak-budak cukup suka, ini drama apa ni..

bukan, kuiz ni, kuiz, kuiz muzik ni. Ada setengah laki-laki pakai stokin panjang dengan seluar pendek, Tuan Yang di-Pertua, pakai topi jadi juruacara, kemudian kelaku tu cukup teruk. Jadi adakah kementerian hendak control benda-benda macam ini? Pasal Tuan Yang di-Pertua, anak-anak muda dia tengok kelaku macam tu, dia keluar pun dia jadi kelaku macam itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tapi kita tengok budak-budak muda, Tuan Yang di-Pertua, dia pakai subang laki-laki sekarang ini. Dia pakai subang, Tuan Yang di-Pertua, sebelah pula tu bukan dua-dua belah. Saya takut zaman ke depan ni dia cucuk hidung pula ramai-ramai, ha kacau kita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bagaimana? Kementerian bercadang hendak jaga tak benda-benda macam ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, attire dalam TV, program-program televisyen biasanya merupakan satu etika yang telah kita tetapkan dalam peraturan penyiaran dan jika kementerian mendapati bahawa ada unsur-unsur budaya lain dari segi pakaian, maka kita akan buat teguran sama ada di televisyen swasta mahu pun televisyen kerajaan. Berkaitan dengan drama yang memaparkan unsur, norma dan nilai yang bertentangan dengan nilai budaya dan norma ketimuran, kita memanglah tidak menggalakkan.

Yang Berhormat dari Yan tahu bahawa kementerian menghapuskan soal-soal unsur yang ada terdapat mengenai seks, keganasan, horror dan superculture ini dan oleh kerana itu, untuk masa-masa yang akan datang, kita memang, keempat-empat unsur ini menjadi satu kesalahan dalam tayangan program-program television kita. Dan soal drama yang

mencerminkan demikian, kadang-kala adegan itu untuk kita melahirkan masyarakat penyayang tentulah kita kena sedikit kadang-kadang mereka memulakan dengan sedikit adegan yang kasar itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tambah seorang lagi. Parit Sulong, ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya kembali menarik perhatian Timbalan Menteri kepada masalah siaran radio dan television yang 40%. Saya amat bersetuju bahawa 60% dikhaskan kepada siaran radio dan television dalam bahasa Malaysia dan 40% lagi dalam bahasa-bahasa optional dan dalam hal ini, soalan saya cuma, adakah pihak kementerian mahu menggalakkan ruang yang 40% itu, umpamanya dikhususkan kepada siaran dalam bahasa Inggeris, tetapi dicampur-adukkan dengan bahasa Melayu? Ini soalan saya. Oleh kerana inilah kontroversinya yang wujud sekarang.

Saya contohkan tadi, Radio 3 dan Time Highway, bukan saya kritikal dalam soal ini, saya mempersoalkan prinsipnya di sebalik ini. Adakah secara prinsipnya kementerian mahu menggalakkan percampur-adukkan penggunaan bahasa ini pada satu sesi program yang sama? Dua pengacara program mengendalikan satu program yang sama, yang satu berbincang dalam bahasa Inggeris, satu bincang dalam bahasa Melayu, mulalah dia cakap bahasa Inggeris "I hope your kepala is not pecah", dengan izin, saya pernah dengar dialog-dialog ini. Adakah kita mahu menggalakkan kewujudan percampuradukan bahasa yang seperti ini? Itu yang saya persoalkan. Terima kasih.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kalau bahasa yang boleh memudaratkan pembangunan bahasa itu sendiri seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, kita akan memperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Boleh saya gulung?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu beri jalan kepada mereka yang bertiga lagi itu?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Libaran dahulu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ikuti dengan penuh hati-hati tadi

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Libaran dahulu, dia telah bangun daripada tadi lagi.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Apakah rancangan kementerian Yang Berhormat untuk mempertingkatkan dan memperbanyakkan lagi program yang menonjolkan kebudayaan negara kita, selain daripada mengimport filem-filem ataupun drama-drama dari luar negara.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, selama hari ini kita menayangkan program mengenai budaya kita, hanya sedikit sahaja yang kita import, yang kita tunjuk bukan hanya TV1 dan TV2 dan lain-lain dalam rancangan TV swasta, lebih daripada 70% adalah program yang memperlihatkan budaya kita.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan tentang dua perkara. Pertama, dua, tiga hari lepas saya terbaca satu laporan di

muka depan akhbar Melayu yang telah menyiarkan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, yang telah membuat pengumuman bahawa TV akan menayangkan filem-filem yang bercorak seks, ganas dan seram ini selepas pada pukul 10.00 malam. Kemudian kita dengar ulasan-ulasan daripada beberapa akhbar tentang kontroversi kenyataan ini.

Saya ingin bertanya, adakah ini dasar baru yang dibuat oleh pihak kementerian atau kerajaan sendiri? Jika ini adalah merupakan satu dasar baru, apakah pihak kerajaan sudah membuat ketetapan atau keputusan bahawa masyarakat Malaysia sudah bersedia untuk menerima kenyataan-kenyataan ataupun tayangan-tayangan filem di TV yang berunsur ganas, unsur seks dan unsur seram ini selepas daripada pukul 10.00 malam?

Dan adakah atau tidak pihak kementerian bersetuju dengan pandangan saya bahawa adalah lebih baik pada peringkat ini semua filem-filem yang berunsur ganas, seks dan seram ini yang tidak boleh diterima oleh kebanyakan naluri rakyat Malaysia, dibenarkan supaya ianya ditayangkan di pawagam-pawagam tetapi tidak di televisyen, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan pandangan saya? Itu yang pertama.

Yang kedua, ada dalam beberapa dasar yang dibuat oleh pihak kementerian, kita tidak nampak adanya satu ketegasan dan kebulatan dalam membuat keputusan. Misalan contoh, dalam kes “Justice Pao” baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Penerangan membuat kenyataan bahawa dengan menggunakan budi bicaranya di bawah Akta Penyiaran, beliau telah membuat keputusan bahawa “Justice Pao” tidak boleh ditayangkan di televisyen. Kemudian timbul reaksi yang berbeza dan selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri membuat kenyataan, “Justice Pao” boleh ditayangkan.

Saya tidak berniat untuk melaga-lagakan Menteri Penerangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi ini menunjukkan bahawa Kementerian Penerangan sendiri

tidak jelas dan tidak tegas dalam dasarnya. Saya bukan soal anti tayangan “Justice Pao” itu tidak berbangkit, yang saya hendak bangkitkan ialah ketidak tegasan pihak kementerian dalam menentukan bentuk-bentuk siaran yang ditayangkan di radio dan televisyen Malaysia. Saya minta penjelasan.

Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pertama, mengenai tidak konsisten atau ketegasan Menteri Penerangan atau Kementerian Penerangan. Itu tidak timbul sama sekali. Kabinet membuat keputusan dalam konteks kolektif keputusan, jadi apabila terdapat adanya permohonan yang banyak, maka Kabinet memutuskan supaya drama “Justice Pao” dapat ditayangkan semula. Tidak timbul soal tegas atau tidak tegas, sebab ini kerjasama dan kolektif dalam membuat keputusan.

Mengenai apa yang disebut agar filem seks, ganas dapat ditayangkan di pawagam dan tidak di TV, sama sekali kita tidak benarkan. Soal seks, ganas, super-culture dan horror ini sudah menjadi satu peraturan dalam Akta Penyiaran kita tidak membenarkan tayangannya sama sekali.

Kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri yang menyebut agar filem seks ini dapat ditayang sesudah jam 11.00 malam, sebenarnya beliau telah misquoted, sebab sehari sesudah itu, beliau telah mengeluarkan satu kenyataan menyebut bahawa dia telah salah dipetik dalam ucapan beliau ketika merasmikan satu majlis. Ini pun juga telah selesai dan misquoted telah kita siarkan di merata tempat. Ini bermakna soal seks tidak ada kompromi, tidak boleh ditayangkan sama sekali, ini tentulah di dalam pembinaan negara akan menghancurkan harapan kita dalam proses tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada lagi yang bangun, hendak beri atau tidak?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Sudah ramai, cukuplah, tidak ada masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran yang membina dan memberi pandangan-pandangan secara ikhlas demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan. Jika ada soalan-soalan yang tidak sempat saya jawab, maka saya berjanji akan memberikan perhatian dengan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Kesihatan.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan laporan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan Belanjawan 1996 bagi Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan yang mulia ini. Izinkan saya memberi ulasan ke atas teguran-teguran yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong meminta kementerian ini mengawal harga ubat yang dikatakan semakin meningkat berikutan dari kenaikan cukai dan seterusnya menyebabkan doktor-doktor mengenakan kos rawatan yang tinggi serta mengetepikan kebajikan pesakit. Soal kawalan ke atas harga ubat juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Beaufort, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, Ahli Yang Berhormat dari Cheras dan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, pembelian ubat-ubatan adalah dikecualikan daripada cukai import, pesakit pula boleh memilih untuk mendapatkan rawatan daripada hospital-hospital dan institusi kesihatan kerajaan atau hospital-hospital atau klinik-klinik swasta. Bagi pesakit-pesakit yang memilih untuk menerima rawatan di institusi kesihatan kerajaan, majoriti rakyat, kenaikan harga ubat-ubatan tidak akan memberi kesan yang langsung kepada mereka kerana bayaran yang dikenakan untuk mendapatkan rawatan adalah nominal. Bayaran tersebut sudah menampung bayaran untuk kos rawatan termasuk ubat-ubatan yang akan diterima tanpa mengira jenis, bilangan dan jumlah ubat yang diprescribed.

Ubat-ubatan yang dibenarkan untuk digunakan pula adalah dikawal melalui senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang cukup meluas untuk meliputi semua penyakit termasuk penyakit-penyakit yang lebih rumit atau kompleks. Kementerian ini sentiasa mengesan penggunaan ubat-ubatan di institusi kesihatan kerajaan untuk menentukan perbelanjaan untuk ubat-ubatan terkawal dan tidak membebankan rakyat.

Bagi mereka yang memilih untuk menerima rawatan dari hospital atau klinik swasta, kenaikan harga ubat-ubatan mungkin memberi kesan kepada mereka. Itu pun terhad kepada beberapa jenis ubat sahaja terutamanya ubat-ubatan paten dan secara amnya daya saing pasaran menentukan harga ubat-ubatan pada tahap yang rendah dan seterusnya menstabilkan harga ubat-ubatan. Sekiranya berlaku kenaikan harga yang tidak wajar, kementerian ini akan mengambil langkah pencegahan dengan mengadakan dialog bersama pihak-pihak berkaitan supaya saling membantu dalam mengawal kenaikan harga yang minimum.

Kementerian ini juga menghalang monopoli dalam pengimportan ubat-ubatan dengan memberikan lesen mengimport ubat-ubatan kepada lebih dari satu pengimport seperti pengimport ubat-ubatan narkotik supaya harga ubat-ubat kekal di tahap paling kompetitif.

Dengan menggalakkan perkembangan perdagangan dan perindustrian pharmaceutical tempatan, harga ubat-ubatan akan tersendirinya terkawal dan stabil melalui persaingan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baram membangkitkan mengenai kekurangan peralatan yang lengkap di pusat kesihatan atau klinik-klinik di daerah Baram

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong bangun, hendak beri atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri beralih kepada tajuk yang lain dan ucapan saya secara seru bahawa kerajaan atau Kementerian Kesihatan patut mengadakan satu kajian mengenai HMO dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam masa soal jawab pada mesyuarat ini ada menafikan ada HMO di tanah air kita. Tetapi dalam soal jawab pada bulan Ogos, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengakui ada HMO, satu kedudukan yang berkontradiksi, dalam satu perkara yang sudah menjadi kontroversi yang sebegitu besar mengenai 'health care' di tanah air kita. Bolehkah kita dapat kedudukan pendirian kerajaan sama ada kerajaan akan mengambil tindakan untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja di mana ada sungutan-sungutan doktor-doktor bahawa mereka dipaksa untuk menyertai program-program HMO sama ada tenaga, sama ada telekom dan sama ada HMO scheme ini akan menjagakan kepentingan kesihatan pekerja-pekerja?

Sama ada sebelum satu siasatan komprehensif dijalankan bahawa kerajaan menggantungkan segala skim-skim HMO sehingga kerajaan berpuas hati sama ada ini baik atau buruk dan apakah guidelines atau apakah akta-akta yang perlu diperkenalkan untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, perkara HMO itu, kalau diizinkan oleh Yang Berhormat, akan dibangkitkan di bahagian belakang dalam jawapan saya. Jadi, saya akan teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Akan sebut dan akan jawab?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Akan sebut.

Tuan Lim Kit Siang: Akan jawab. Sudah ada dalam ucapan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ada, ada.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya akan teruskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Baram, dalam usaha untuk merealisasikan matlamat kesihatan untuk semua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan khususnya kepada penduduk-penduduk luar bandar termasuk bagi daerah Baram. Pada masa ini daerah Baram mempunyai sebuah hospital daerah dan 20 buah klinik kesihatan. Klinik kesihatan ini dikendalikan oleh Pembantu Perubatan dan Jururawat Desa. Perkhidmatan klinik kesihatan luar bandar ini dibantu oleh pasukan kesihatan kampung dan pasukan doktor udara yang menjalankan perkhidmatan berkala ke kawasan pedalaman.

Dari segi kelengkapan dan peralatan, setiap klinik kesihatan ini telah dilengkapi dengan peralatan yang sesuai mengikut keperluan perkhidmatan dan taraf latihan yang diberikan kepada kakitangan yang mengendalikan klinik tersebut. Dari masa ke semasa Kementerian Kesihatan akan mengkaji untuk menambah bilangan peralatan yang sesuai jika ianya difikirkan perlu dan kakitangan berkenaan diberi latihan yang mencukupi.

Manakala bagi klinik-klinik di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, perkhidmatan kesihatan akan dinaikkan taraf dengan menambah bilangan dan kategori

kakitangan seperti doktor, juru-xray, Pembantu Farmasi dan Juruteknologi Makmal Perubatan berserta dengan kelengkapan yang sesuai.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, 2 klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Long Lama dan Klinik Kesihatan Long San telah dicadangkan untuk dinaikkan taraf perkhidmatannya.

Mengenai saranan supaya kementerian ini mengambil langkah-langkah mengatasi kekurangan doktor dan jururawat serta mengambil berat hal kebajikan mereka seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibul, Ahli Yang Berhormat dari Kapar, Ahli Yang Berhormat dari Keningau dan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat, sukacita saya memaklumkan bahawa kekurangan doktor dan jururawat yang berlaku adalah di antara lain disebabkan oleh perkembangan pesat dalam bidang perubatan dengan pembukaan hospital-hospital baru dan pusat-pusat kesihatan baru. Pengeluaran doktor dan jururawat tidak dapat memenuhi keperluan yang dinyatakan.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi kekurangan doktor dan jururawat termasuk menyediakan kerjaya yang baik terutama dari segi mendapatkan Ijazah Lanjutan dan kenaikan pangkat, di samping menyediakan beberapa kemudahan elaun untuk mereka yang mempunyai Ijazah Lanjutan. Sementara itu, pihak kementerian juga akan meneruskan pengambilan lebih ramai pegawai-pegawai perubatan atau pegawai perubatan pakar dan jururawat secara kontrak, di samping menambah bilangan pengambilan pelatih jururawat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Beaufort telah membangkitkan mengenai masalah

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi telah diberi di dalam Dewan ini, entahlah sejak berapa tahun kerana saya berapa kali setahun menanya mengenai kekurangan dan juga jururawat. Adakah kementerian sanggup mengkaji secara menyeluruh untuk mengetahui apakah faktor yang sebenarnya termasuk adakah kerana faktor diskriminasi jantina, diskriminasi yang lain. Adakah faktor berat sebelah dan sebagainya yang menyebabkan doktor- doktor ini tidak mahu bekerja dengan hospital atau klinik kerajaan? Kerana bukan sahaja elaun, bukan sahaja gaji yang didapati yang menjadi faktor yang utama. Ada faktor-faktor yang lain yang perlu diteliti dan dikaji termasuk di kementerian sendiri bahawa semuanya hendak dikaji semula, sama ada ini cocok dengan perkembangan untuk menyahut wawasan di abad yang ke-21.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian memang sedar banyak faktor-faktor yang berkaitan dengan soal-soal keperluan untuk mengenakan 'fitting' di antara keperluan dengan kebolehan untuk memenuhi keperluan itu iaitu perancangan tentang keperluan tenaga manusia dan penyediaan tenaga manusia itu sendiri. Tetapi seperti yang telah saya maklumkan tadi bahawa kepesatan perkhidmatan kesihatan yang begitu pantas sekali pertumbuhannya dan juga keadaan industri kesihatan itu begitu menarik perhatian dalam keadaan situasi ekonomi yang dianggap pasaran yang sunrise. Jadi, ini juga merupakan satu cabaran kepada mereka dalam bidang kesihatan ini kerana ada pilihan terbuka dalam soal mendapat kerja dalam perkhidmatan kerajaan berbanding dengan sektor swasta.

Namun demikian, pihak kerajaan akan mengambil pandangan itu untuk membuat satu tinjauan dan kajian yang mendalam untuk mendapatkan satu rumusan tentang perancangan

keperluan tenaga manusia yang khusus menjelang dengan perancangan keperluan pertumbuhan industri kesihatan dalam konteks keperluan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Beaufort telah membangkitkan mengenai masalah kekurangan kemudahan perkhidmatan perubatan dan kesihatan khususnya di Sabah yang mana pihak kementerian ini telahpun mengenal pasti beberapa isu yang dibangkitkan dan pada masa ini sedang mengambil beberapa langkah yang bersesuaian bagi mempertingkatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negeri Sabah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan sentiasa memberi penekanan dan tumpuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan khususnya di kawasan luar bandar di Sabah. Perkhidmatan yang diberikan adalah meliputi perkhidmatan rawatan perubatan, perkhidmatan penjagaan kesihatan asas, perkhidmatan pemulihan dan pencegahan serta khidmat sokongan yang lain. Usaha-usaha ini telah dapat membantu negeri Sabah mencapai status kesihatan yang lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu. Ini jelas dapat dibuktikan dengan penurunan kadar kematian bayi dari 24.8:1,000 kelahiran pada tahun 1980 kepada 15.9:1,000 kelahiran pada tahun 1993.

Untuk memastikan mutu perkhidmatan rawatan perubatan sentiasa pada tahap yang memuaskan, Kementerian Kesihatan telah merancang beberapa projek di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh meliputi kerja-kerja penambahan hospital luar bandar, pembinaan hospital gantian dan pembinaan hospital-hospital baru, di samping membuat perolehan peralatan-peralatan perubatan baru yang canggih bagi mengganti dan menaik-taraf peralatan yang sedia ada. Di samping itu, pengurusan program kesihatan awam juga diberikan tumpuan dengan pengwujudan sebanyak 24 buah daerah kesihatan yang akan mengambil alih fungsi pejabat kesihatan kawasan. Beberapa buah klinik pergigian sekolah,

klินิก kesihatan, klinik ibu dan anak dan klinik desa telah dirancang untuk dibina atau dinaik-taraf.

Bagi memperbaiki pencapaian projek bekalan air, tandas dan kesihatan alam sekitar, Kementerian Kesihatan juga merancang untuk memohon peruntukan tambahan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keenam sejumlah 81 projek kemudahan kesihatan telah diluluskan untuk negeri Sabah. Berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Keenam telah diluluskan bilangan projek kemudahan kesihatan yang kedua paling banyak selepas negeri Kelantan sebanyak 86 projek. Prestasi pelaksanaan projek kesihatan di negeri Sabah adalah baik di mana daripada 81 projek itu 55 projek telah siap. Ini termasuklah projek perkhidmatan luar bandar seperti pembinaan klinik-klinik kesihatan, klinik-klinik desa, perkhidmatan pergigian dan pembinaan 4 buah hospital iaitu Hospital Tuaran, Hospital Sipitang, Hospital Kota Marudu dan Hospital Kinabatangan. Sementara itu Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu sedang dibangunkan semula untuk dinaik taraf bagi memberi perkhidmatan yang lebih sempurna.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun. Tuaran bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan tentang hospital di Tuaran, jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai keadaan hospital di Daerah Tuaran yang mana sekarang ini, walaupun baru siap tetapi sudah tidak begitu memuaskan memandangkan tidak ada tempat

bersalin dan juga tidak ada rawatan untuk pengambilan pesakit (in-patient treatment). Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah rancangan untuk mengadakan kedua-dua perkhidmatan ini di masa akan datang.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kementerian akan mengambil tindakan yang perlu. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas pula menyarankan supaya Klinik Desa Long Napir, Lawas dibuka semula dan meminta supaya Kementerian Kesihatan menyediakan hospital baru di Lawas.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas sedar bahawa sebelum tahun 1981 terdapat sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Long Napir. Memandangkan jumlah pesakit yang datang mendapatkan perkhidmatan adalah rendah, ianya telah ditutup pada tahun 1991. Walau bagaimanapun, perkhidmatan kesihatan terus diberi kepada penduduk melalui perkhidmatan bergerak sebulan sekali dari klinik Ng Medamit. Memandangkan jumlah penduduk di daerah ini hanya 500 orang, maka bilangan penduduk belum mencukupi norma bagi kerajaan mendirikan sebuah klinik tetapi di Long Napir. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan sentiasa mengesan beban tugas dan bentuk penyakit. Sekiranya perlu, satu cadangan akan dikemukakan bagi mendirikan klinik tetap.

Sementara itu Kementerian Kesihatan mengambil maklum bahawa hospital Lawas adalah kecil. Bagi menampung jumlah pesakit yang bertambah. Jabatan Pesakit Luar telah dipindahkan ke luar kawasan. Oleh itu Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Kesihatan telah mencadangkan pengambil tanah bagi pembinaan hospital baru di Lawas yang mempunyai 100 buah katil.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah mengesyorkan supaya dibekalkan mesin haemodialisis ke hospital-hospital daerah dan pusat-pusat kesihatan

untuk memberi perkhidmatan tersebut kepada orang ramai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kementerian Kesihatan kini dalam proses untuk mengkaji alternatif-alternatif bagi memperluaskan lagi perkhidmatan haemodialisis ke hospital-hospital daerah dan juga ke pusat-pusat kesihatan. Pada masa sekarang sebanyak 23 buah hospital di seluruh negara telah menyediakan perkhidmatan ini dan 5 buah hospital daerah baru akan memulakan perkhidmatan haemodialisis dalam tahun 1996. Mengenai saranan bagi menaikkan nilai pust haemodialisis di Sibul kepada RM3 juta seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Sibul, kementerian ini mencadangkan supaya perkara ini dirujuk untuk pertimbangan Kementerian Kewangan.

Mengenai kemudahan kesihatan di estet-estet seperti yang dibangkitkan oleh.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun. Hendak beri yang mana satu?

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk meminta penjelasan. Saya hendak minta Timbalan Menteri menjelaskan sama ada kementerianya sudi mempertimbangkan permintaan saya supaya kemudahan pusat-pusat haemodialisis itu dibuka kepada orang ramai, bukan hanya untuk kepentingan kakitangan atau pun bekas kakitangan sahaja. Saya maksudkan ialah orang ramai yang miskin yang bukan daripada bekas kakitangan kerajaan atau pun orang-orang yang bersara.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kita boleh memberi pertimbangan kepada apa Yang Berhormat cadangkan. Kementerian akan memberi reaksi kepada cadangan itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih banyaklah kepada Timbalan Menteri, walaupun suara parau, bangun juga dan jawab segala rintihan-rintihan daripada Wakil Rakyat. Mungkin kerana kepanasan dalam, maka suara dia parau. Jadi, saya cadangkan Timbalan Menteri minum air asam jawa banyak sedikit biar sejuk. Ini ubat tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menurunkan cukai import sebanyak 5% ke atas peralatan-peralatan perubatan. Tetapi kita dapat lihat pada hari ini klinik-klinik swasta dan juga hospital-hospital kerajaan masih lagi mengenakan bayaran yang agak tinggi, terutama sekali klinik-klinik swasta sehinggakan perubatan yang tidak seberapa, bayaran yang dikena begitu tinggi.

Jadi, adakah kementerian akan memastikan bahawa klinik-klinik swasta ataupun hospital-hospital swasta ini diadakan peraturan. Kalau operation “appendix” - ini harganya, kalau major operation - ini harganya, supaya rakyat tidak akan membayar kepada yang tidak perlu dibayar. Satu lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana memberi hospital yang cantik kepada daerah Yan. Cantik sungguh, Tuan Yang di-Pertua. Cuma alat kelengkapan tidak cukup. Saya sudah lupa doktor itu cakap apa kepada saya - mesin jenis apa? Yang meng ‘x-ray’, dia hendak x-ray budak-budak dalam kandungan, kalau emak itu mengandung, dia hendak x-ray, tengok sama ada budak ini di lilit kepala atau tidak dan sebagainya - itu kepada ibu-ibu mengandung. Kadang-kadang dia tidak boleh melahirkan anak disebabkan jerutan ke leher budak itu, jadi, saya sudah minta kalau boleh kementerian berilah peralatan yang cukup kepada hospital-hospital di luar bandar ini.

Kadang-kadang tidak sempat kita hendak bawa pergi ke Hospital Besar, ibu atau anak itu mati kerana dia terbelit ataupun kerana dia lemas dan tidak boleh bernafas, jadi, dia meninggal dunia. Jadi, saya berharap dengan penurunan cukai import ini saya harap kementerian dapat memperbanyakkan lagi mesin-mesin atau pun alat-alat untuk diberikan kepada hospital-hospital di luar bandar. Dan juga memastikan kelinik swasta mengenakan harga yang berpatutan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi cadangan kepada saya supaya minum air asam. Saya sudah minum, tetapi kumannya kuat sangat. Namun demikian, saya hendak memberi jawapan berkenaan dengan soal harga bayaran. Seperti yang saya katakan tadi, mengawal kos bukanlah tugas kementerian kerana ia tidak termasuk dalam kemampuan dan keupayaan kita. Kerana dari segi panduan yang sudah dikeluarkan, kita ada schedule chart yang digunakan di bawah Akta Fee, yang digunakan oleh hospital kerajaan dan juga ada panduan chart schedule yang dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA). Jadi, kalau ada sebarang perubahan soal bayaran yang berkaitan dengan soal kos ubatan boleh membuat laporan atau komplek kepada pihak MMA. Tindakan kementerian adalah jika kos ubatan itu dilihat begitu berlebihan, tindakannya adalah untuk mengadakan dialog dengan pihak-pihak berkenaan dalam usaha untuk mengawal soal kos ini terutamanya dalam konteks cukai, seperti yang telah kita turunkan atau hapuskan. Jadi,.....

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada lagi yang bangun.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mendapat penjelasan daripada kementerian. Sekarang ini kita bersyukurlah bahawa di daerah Kuala Pilah pun baru sahaja dapat satu hospital baru bahawa sekarang ini terdapat iaitu penyakit buah pinggang yang memerlukan rawatan mesin heamodialisis tadi yang setiap pesakit terpaksa membayar rawatan antara RM150 ke RM300 tiap-tiap sekali rawatan kerana terdapat di Kuala Pilah sekarang ramai pesakit-pesakit yang tidak berkesempatan pergi ke Seremban kerana jauh dan di kawasan itu ada penderma yang sanggup memberi mesin 3, 4 unit.

Permasalahannya, apabila kita menghubungi pihak hospital, menyatakan beliau tidak mempunyai technician yang pakar dalam perkara ini dan saya memohon pertimbangan dari pihak yang berkenaan supaya memberi sesuatu pertimbangan kerana pesakit yang begitu ramai sekarang ini, yang berketurunan ataupun kumpulan yang miskin perlu sangat mendapat rawatan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak Kementerian Kesihatan belum bercadang menukarkan polisinya yang tidak membenarkan hospital daerah menerima derma-derma mesin dialisis. Walau bagaimanapun, penempatan mesin dialisis di hospital yang tidak mempunyai perkhidmatan ini boleh dipertimbangkan kes demi kes bergantung kepada keperluan kakitangan terlatih dan lain-lain kemudahan. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu boleh kita beri pertimbangan.

Mengenai kemudahan kesihatan di estet-estet seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang dan Ahli Yang Berhormat dari Kapar, kementerian sedar bahawa kemudahan kesihatan di estet-estet perlu dipertingkatkan.

Satu kertas kerja mengenai perkhidmatan perubatan dan kesihatan bagi penduduk estet telah dibincang dan dihantar ke Kementerian Pembangunan Sumber Manusia di mana semua perkhidmatan serta kemudahan dan peralatan yang diperlukan juga telah dimasukkan ke dalam kertas cadangan tersebut.

Berkaitan dengan lawatan pegawai perubatan ke estet-estet, pihak kementerian ini difahamkan bahawa pihak pengurusan estet ada menugaskan pegawai perubatan bekerja part-time di klinik yang terdapat di dalam estet untuk memberikan perkhidmatan. Mereka yang memerlukan rawatan lanjut, bolehlah dirujuk ke klinik kesihatan kerajaan yang berhampiran untuk dirawat oleh pegawai perubatan dan kesihatan yang mengendalikan klinik kesihatan tersebut.

Mengenai penswastaaan perkhidmatan kesihatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang, pada masa ini perkhidmatan kesihatan belum lagi diswastakan dan sekiranya perkara tersebut difikirkan perlu, Kementerian Kesihatan akan memastikan supaya kebajikan penduduk tidak akan terjejas dan adalah untuk kepentingan mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkhidmatan di bawah perkhidmatan kesihatan yang sedang dikaji kemungkinan untuk diswastakan dengan mengambil kira kepentingan penduduk-penduduk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta tolong satu, sebab orang kampung suruh tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersimpati bila kita baca dalam surat khabar, ada orang-orang kampung, ada orang-orang yang kurang bernasib baik meminta derma dari orang ramai.

Jadi, saya hendak tahu dari Kementerian Kesihatan, kita faham bahawa perubatan di Malaysia ini setakat hari ini boleh dikatakan percuma kita beri kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, kepada orang-orang miskin. Tetapi kes demi kes kalau kita baca dalam akhbar menunjukkan bahawa mereka ini merayu untuk mendapatkan sumbangan dari orang ramai supaya anak mereka, isteri atau suami mereka memerlukan wang untuk perubatan.

Jadi, apakah peranan Kementerian Kesihatan membiarkan benda-benda macam ini berlaku sedangkan Kementerian Kesihatan tidak memberi perkhidmatan percuma ataupun perbelanjaan percuma kepada mereka ini dan saya ada satu kes, kalau tidak silap saya di Kelantan. Ini pun Wakil Rakyat Kelantan bukan hendak bangkit bela, hak Kedah juga kena tolong.

Di Kelantan di mana kelima-lima anaknya menghadapi satu penyakit yang ganjil. Mungkin Kepong dapat tolong saya. Penyakit yang bila anak itu besar, dia akan jadi keras. Pergerakan badan dia pun tidak boleh bergerak lagi. Jadi, mereka ini memerlukan bantuan.

Jadi, di manakah peranan Kementerian Kesihatan untuk menolong masyarakat yang berpendapatan rendah, masyarakat yang tidak berkemampuan untuk meneruskan perubatan demi menyelamatkan nyawa mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bagi penyakit-penyakit yang kompleks atau yang rumit agaknya akan melibatkan kos perbelanjaan yang besar seperti yang Yang Berhormat sebutkan.

Jadi, sebenarnya ada panduan dan ada prosedur yang digunakan. Seperti yang pernah saya maklumkan dalam kes sakit jantung, biasanya doktor, pengamal perubatan biasa (medical officer) akan membuat perakuan tentang keadaan penyakit itu yang memerlukan treatment dari pakar.

Jadi, dengan itu, keperluan rawatan ini jika perlu mendapat sokongan daripada pihak yang berkenaan iaitu mengiktirafkan taraf sosio-ekonominya, biasanya dari pegawai kebajikan dan juga daripada Ahli Yang Berhormat pun boleh.

Jadi, sila beri tahu kepada saya kes, jika ada, yang mana tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak kementerian dan jika kes itu mungkin tidak mengikut peraturan atau prosedur yang ada dan kementerian akan mengambil tindakan segera.

Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena mencadangkan kepada kementerian supaya menimbangankan perancangan taraf kesihatan masyarakat luar bandar dan di bandar dengan mensyaratkan infrastruktur kesihatan mencukupi di kedua-dua sektor. Adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan untuk menyediakan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan mengambil kira keperluan penduduk. Setiap kemudahan kesihatan luar bandar yang dirancang adalah mengikut norma penduduk luar bandar dan bandar.

Kementerian Kesihatan dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan kesihatan seluruh negara telah mengambil beberapa langkah seperti peningkatan bilangan kemudahan kesihatan iaitu klinik-klinik kesihatan dan klinik-klinik desa, peningkatan bilangan anggota tenaga kemudahan tersebut dan perkembangan skop perkhidmatan yang memberi penekanan terhadap kesihatan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman meminta Menteri Kesihatan agar tidak mengimbangkan permohonan penubuhan Health Maintenance Organisation kerana sebahagian besar rakyat Malaysia masih belum mampu untuk

menanggung kos bagi mendapat khidmat badan berkenaan dan juga tidak mampu untuk membeli insurans perubatan. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, organisasi-organisasi yang menawarkan pengurusan Penyelenggaraan Khidmat Kesihatan atau HMO adalah merupakan cawangan atau pengubahsuaian konsep syarikat induk yang telah tertubuh dan sedang beroperasi di luar negara mahupun juga syarikat-syarikat tempatan yang telah diluluskan penubuhannya mengikut peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat penubuhan syarikat di Malaysia.

Adalah secara umumnya mereka bertindak sebagai pihak ketiga (third party) yang mengambil alih keseluruhan pengurusan khidmat kesihatan yang diberikan kepada pekerja-pekerja sesebuah syarikat berdasar kepada kelayakan yang telah ditetapkan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Biaya atau kos bagi perkhidmatan yang diberi ditanggung oleh syarikat dan disalurkan melalui organisasi-organisasi itu dalam bentuk kontrak. Rakyat awam yang bukan pekerja sesuatu syarikat atau pekerja sesuatu syarikat yang tidak menyertai sistem itu, adalah tidak terlibat.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat pula mengesyorkan supaya hospital yang sedia ada hendaklah diteruskan perkhidmatannya walaupun telah ada hospital gantian.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya, apabila hospital gantian dibina, ia adalah khusus untuk menggantikan hospital lama dan perkhidmatan yang sedia ada akan dipindahkan ke hospital baru. Walau bagaimanapun, hospital lama akan terus memberikan perkhidmatan rawatan pesakit luar dan lain-lain perkhidmatan yang didapati sesuai. Kementerian Kesihatan tidak dapat mengekalkan perkhidmatan yang sama di dua buah hospital yang berdekatan kerana ia tidak cost-effective.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan dan jawapan-jawapan saya kepada teguran.....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berani untuk memberi jawapan yang tepat kepada soalan-soalan yang tepat dan bukan secara tadi dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengkotakan janjinya dan saya masih menunggu jawapannya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kalau tak silap saya, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ialah kerana dikatakan bahawa jawapan saya dalam Dewan yang lepas mengenai penafian bahawa Health Maintenance Organization itu wujud di negara kita. Memanglah tidak wujud kerana jawapan sebelum itu yang dikatakan wujud itu adalah satu kekeliruan. Akibat daripada kontroversi di atas kekeliruan itu, maka satu kajian mendalam telah dijalankan dan kajian mendalam itu telah menunjukkan bahawa sebenarnya ia bukanlah HMO atau Health Maintenance Organization, tetapi, seperti yang saya katakan, satu organisasi atau dalam bentuk syarikat ditubuhkan bagi mengendalikan khidmat pengurusan perkhidmatan pesakit-pesakit secara kontrak seperti yang diterangkan.

Namun demikian, kita tidak perlu gembar-gemburkan perkara HMO ini untuk mengelakkan penentuan dasar yang tidak menentu, maka Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu jawatankuasa menilai dan mengkaji secara mendalam peranan HMO ini sebelum memutuskan sesuatu, sama ada diwujudkan, perlu atau tidak atau kalau perlu diwujudkan, apakah garis panduan. Jadi, kita di tahap itu. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu risau kerana Kementerian Kesihatan sangat bertanggungjawab dalam soal kebajikan dan kepentingan rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya bukan risau atau tidak risau. Tentulah orang ramai risau oleh kerana kekeliruan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang, beliau ada mengulangi bahawa pada pandangan Kementerian Kesihatan, tidak ada HMO dan beliau mengakui bahawa pada bulan Ogos apabila beliau kata ada HMO, itu adalah silap. Sekarang dia kata bahawa tidak ada HMO. Selepas siasatan, Kementerian Kesihatan mendapati tidak ada HMO, tetapi Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri dalam surat khabar ada mengatakan bahawa masalah ini jangan dibesar-besarkan dan masalah ini akan dikaji oleh Kementerian Kesihatan . Dia tidak kata tidak ada HMO, masalah HMO, kontroversi HMO ada oleh kerana MMC pun ada mengemukakan beberapa memorandum sama ada dari segi etika, dari segi sama ada HMO ialah untuk manfaat pekerja-pekerja, sama ada dari segi health care system ini baik untuk negara kita, sama ada kepentingan pekerja-pekerja akan dikorbankan oleh kerana motivation profit, tetapi sekarang, kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke Dewan ini yang mengatakan tidak ada HMO. Kalau tidak ada HMO, tidak ada kontroversi HMO. Kalau tidak ada kontroversi HMO, apa yang berlaku dalam dua, tiga atau empat bulan ini? Apakah pertikaian di antara MMC, MMA, HMO dan pekerja-pekerja? Ini bukan satu pendirian yang sangat tidak bertanggungjawab.

Bukankah apa yang perlu sekarang ialah sebelum perkara ini dipanjangkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan bukan sahaja menyeru semua pihak jangan membuat kenyataan dan memberi masa bagi Kementerian Kesihatan untuk menyiasat, tetapi bagi Kementerian Kesihatan untuk menggantung segala skim-skim HMO dan membuat siasatan dan mengadakan satu jawatankuasa yang terdiri daripada bukan sahaja wakil-wakil daripada Kementerian Kesihatan, tetapi MMA dan wakil-wakil pekerja atau wakil-wakil HMO supaya satu laporan boleh dibuat dan satu panduan boleh dikemukakan dan cadangan-cadangan

mengenai sama ada membenarkan HMO atau tidak dan kalau mahu membenarkan, apakah guidelines dan undang-undang atau peraturan-peraturan yang perlu diadakan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tak payahlah politikkan isu ini.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Sebab isu ini simple sahaja. Tidak ada isu sebenarnya. Seperti yang kita katakan, itu telah menjadi satu salah tanggapan. Setelah kita mengkaji dengan begitu mendalam, kita dapati bahawa ia bukan HMO atau Health Maintenance Organization seperti yang ditakrifkan. Ia adalah third party administrator dan itu bukan merupakan satu kesalahan.

Sebab itulah apabila kita hendak memutuskan pertimbangan sama ada harus atau tidak dan kita sebagai satu negara yang demokratik, kita mengamalkan satu sistem perkhidmatan yang pragmatik. Kalau sesuatu sistem atau apa juga sistem - HMO atau apa juga yang harus diwujudkan untuk kepentingan ramai dan sebagai pilihan kepada siapa yang memerlukannya. Kalau yang tidak mahu, tidak perlu pilih, tetapi soal perlu mengkaji dengan mendalam mendapat input yang luas dari semua pihak, itu harus dilakukan dan kementerian melakukan itu. Jadi, dengan sebab itulah saya rasa perkara ini tidak perlu dijadikan satu perkara yang besar kerana ini akan kita uruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Sumber Manusia.

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan, khususnya yang menyentuh fungsi dan

bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Ada terlalu ramai untuk saya menyebut satu persatu, tetapi memadai bagi saya untuk memberi jaminan dan keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa Kementerian Sumber Manusia menerima baik pandangan, cadangan dan teguran membina yang telah dikemukakan. Kementerian ini akan bertindak proaktif mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang telah diutarakan.

Pada umumnya, perkara-perkara yang diutarakan bersangkutan-paut dengan Kementerian Sumber Manusia berkisar kepada 4 isu utama, iaitu:-

- (i) masalah kekurangan tenaga kerja, baik yang mahir, separuh mahir mahupun yang tidak mahir;
- (ii) latihan-latihan untuk melengkapkan pekerja-pekerja tempatan dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan sejajar dengan usaha-usaha kerajaan untuk menggesa industri berintensif buruh beralih kepada teknologi tinggi serta automasi dan mekanisasi;
- (iii) penubuhan pusat-pusat asuhan kanak-kanak di sektor swasta; dan
- (iv) penggajian pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan tenaga kerja mahir, separuh mahir dan tidak mahir yang dihadapi oleh negara sekarang ini telah banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu ini bukanlah baru, tetapi sudah menjadi bahan tanya pada setiap sidang Parlimen.

Ingin saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa negara kita terus mengalami kekurangan tenaga kerana keadaan pasaran buruh yang tegar disebabkan oleh

pencapaian guna tenaga penuh atau full employment, dengan izin, dan perkembangan ekonomi negara yang pesat. Masalah kekurangan ini menjadi lebih runcing lagi apabila kedudukan permintaan guna tenaga melebihi penawaran.

Hakikatnya, negara mempunyai sejumlah hampir 4 juta orang yang disifatkan sebagai berada di luar tenaga buruh yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun ke atas, suri-suri rumah, pesara-pesara, penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan dan orang-orang cacat. Selain dari itu, adalah dianggarkan seramai 227,000 orang lagi terdiri daripada penganggur boleh memasuki pasaran buruh sebagai guna tenaga aktif.

Untuk menggembeleng sumber tenaga manusia tersebut supaya memasuki pasaran buruh bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja, Kementerian Sumber Manusia melaksanakan beberapa strategi yang di antara lainnya termasuklah:

- (i) menyeru majikan-majikan di sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat pekerjaan atau di tempat berhampiran;
- (ii) menggalakkan kerja separa masa (part-time) dan waktu kerja anjal (flexy time);
- (iii) menyeru majikan-majikan menaikkan kadar upah selaras dengan peningkatan produktiviti dan memperbaiki lagi terma dan syarat-syarat perkhidmatan;
- (iv) melaksanakan program sinar harapan bagi menggalakkan majikan-majikan menggaji penagih-penagih dadah yang telah selesai menjalani pemulihan di pusat-pusat serenti;
- (v) menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Menggalakkan Penggajian Orang Cacat di sektor swasta bagi menggalakkan

majikan menggaji orang-orang cacat serta membantu orang-orang cacat mendapatkan pekerjaan di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bahawa kerajaan akan menyediakan peruntukan secukupnya untuk penubuhan pusat-pusat asuhan kanak-kanak di setiap jabatan kerajaan disusuli dengan gesaan kepada pihak sektor swasta supaya turut serta telah mencetuskan banyak reaksi semasa perbahasan Belanjawan 1996. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat mengalu-alukan komitmen kerajaan, bahkan mendesak pihak swasta supaya segera menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja atau di tempat yang berhampiran.

Sehubungan dengan ini, sukalah saya memaklumkan bahawa kementerian ini telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Penggalakan Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak di sektor swasta untuk menyelaras bidang kuasa kementerian dan jabatan berkaitan dengan penubuhan pusat tersebut serta menggalak dan memudah cara syarikat-syarikat untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak ini. Jawatankuasa Kebangsaan ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Buruh dan dianggotai oleh 15 ahli terdiri daripada kementerian atau jabatan dan agensi kerajaan tertentu dan wakil-wakil persatuan majikan, persatuan sekerja dan badan bukan kerajaan.

Dalam pada itu, sebuah jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada berbagai agensi kerajaan yang ada kaitan di dalam proses memberi kelulusan menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak ini diwakili dalam jawatankuasa ini. Jawatankuasa tersebut bertindak sebagai pusat serenti bagi memudahkan dan mempercepatkan permohonan-permohonan untuk menubuhkan pusat asuhan ini oleh majikan-majikan termasuk mengenal pasti masalah dan halangan yang dihadapi oleh majikan dan menangani dengan sewajarnya.

Justeru itu, Kementerian Sumber Manusia telah menyediakan sebuah buku garis panduan mengenai penubuhan pusat asuhan kanak-kanak ini. Buku tersebut boleh diperolehi secara percuma daripada Jabatan Buruh dan ianya juga sesuai diguna pakai oleh sektor awam. Buku garis panduan ini memberi maklumat dan garis panduan terperinci kepada para majikan yang berhasrat untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di samping menangani kekeliruan dan kerumitan yang sering majikan alami ketika berusaha menubuhkan pusat-pusat ini.

Usaha-usaha mempertingkatkan galakan supaya majikan-majikan menubuhkan pusat-pusat asuhan kanak-kanak dibuat bukan sahaja untuk menarik lebih ramai lagi tenaga buruh wanita khususnya suri-suri rumah yang berkeluarga memasuki pasaran buruh, malahan juga untuk mengekalkan mereka yang sedang bekerja. Saya yakin bahawa sekiranya masalah penjagaan kanak-kanak dapat diatasi dengan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak yang serba lengkap dan sempurna oleh lebih ramai majikan, maka tidak ada sebab mengapa kaum wanita tidak boleh keluar untuk bekerja. Potensi tenaga buruh wanita meredakan tekanan kekurangan tenaga kerja tidak dinafikan kerana kajian menunjukkan sejumlah besar tenaga kerja di luar tenaga buruh adalah terdiri daripada suri-suri rumahtangga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menetapkan berbagai dasar dan melaksanakan banyak program bagi mengurangkan kemasukan pelaburan-pelaburan menubuhkan industri yang berintensifkan buruh sambil menggalakkan industri-industri berintensifkan buruh sedia ada beralih kepada teknologi tinggi atau meningkatkan automasi dan mekanisasi. Kerajaan menawarkan insentif dan strategi insentif untuk teknologi high-tech, insentif untuk industri-industri strategik, insentif penyesuaian industri, atau industrial adjustment, dengan izin, serta elaun pelaburan semula untuk menggalakkan industri-industri ini segera berubah bagi mengurangkan keperluan tenaga buruh.

Sebagai sokongan tambahan untuk mendorong industri-industri berkenaan supaya cepat mengambil langkah peralihan tersebut, kerajaan memperkenalkan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang ditadbirkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Skim ini menggalakkan majikan-majikan yang layak supaya menghantar pekerja-pekerja mereka untuk mengikuti latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran di dalam atau di luar negeri dengan menggunakan kemudahan-kemudahan kumpulan tersebut. Dengan adanya guna- tenaga yang terlatih dan berkemahiran, maka majikan-majikan terbabit akan lebih yakin untuk beralih ke teknologi tinggi serta automasi dan mekanisasi.

Sejak Julai 1995 sehingga 30hb. September 1995, seramai 545,460 iaitu lebih setengah juta orang pekerja telah mengikuti latihan semula atau latihan peningkatan kemahiran dalam bidang-bidang kemahiran teknikal, kraf, komputer, pengurusan kualiti, produktiviti dan sebagainya. Peruntukan kewangan yang telah diluluskan adalah RM107.28 juta dan jumlah ini ialah 70% daripada jumlah levi yang dipungut dan yang boleh dituntut oleh majikan-majikan. Daripada jumlah tersebut, 9,808 orang telah dilatih di luar negeri dengan peruntukan kewangan sebanyak RM21.77 juta.

Pada tahun hadapan, Kementerian Sumber Manusia akan menjalankan kajian impak berhubung dengan pelaksanaan skim kumpulan wang tersebut ke atas pekerja, majikan dan sektor yang terbabit. Walau bagaimanapun, kementerian ini telah menerima makluman balas awal yang positif daripada majikan-majikan yang telah menghantar pekerja-pekerja mereka mengikuti kursus-kursus di bawah Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini. Di antara maklum balas itu menyatakan pekerja-pekerja adalah lebih berkeyakinan di dalam kerja masing-masing dan senang menerima perubahan-perubahan kerja yang membabitkan peningkatan teknologi. Pekerja-pekerja adalah lebih berdisiplin, taat kepada syarikat dan kurang mencari kerja, job-hop dengan syarikat lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menambahkan lagi bilangan tenaga kerja mahir dan separuh mahir, lima buah institut latihan perindustrian dan dua buah institut latihan kemahiran teknologi lanjutan, dengan izin, Advanced Skills and Technological Training Centre (ASTECC) akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Institut-institut latihan perindustrian akan ditubuhkan di Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Sabah dan Sarawak. Manakala sebuah ASTEC akan ditubuhkan di Pulau Pinang dan satu lagi di Selangor. Selain dari itu, infrastruktur institut-institut latihan perindustrian sedia ada akan dipertingkatkan termasuk menggantikan peralatan latihan yang lebih terkini dan sesuai dengan keperluan industri negara. Melalui langkah-langkah ini kementerian ini menganggarkan pertambahan seramai 10,000 orang pekerja terlatih dapat dikeluarkan setiap tahun menjadi jumlah pengeluaran kepada 15,000.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dua perkara daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pertama, mengenai latihan tenaga buruh ini. Kita tahu di negara kita baby-sitter, dengan izin, adalah satu keperluan yang begitu mendesak di kalangan rakyat terutama mereka yang bekerja dan ini adalah satu profesion yang begitu penting kepada negara kita.

Jadi, soalan saya yang saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini adalah adakah kerajaan bercadang untuk memasukkan kajian mengenai latihan kepada baby-sitter ataupun pembantu rumah ini supaya mereka akan dididik dengan baik dan profesion mereka akan dianggap sebagai satu profesion yang mereka sendiri rasa

dihormati dengan mencarumkan di dalam KWSP dan juga SOCSO, supaya mereka juga ada masa hadapan dan mereka tidak terasa terhina di dalam melakukan pekerjaan itu?

Untuk maksud itu, adakah kementerian juga akan membuat kajian supaya mereka yang mencarum di dalam KWSP ataupun SOCSO bagi pihak pekerja nanti membuat satu rumusan kepada Kementerian Kewangan agar potongan cukai ataupun insentif cukai diberikan? Oleh kerana kalau ini tidak diambil kira, sudah tentu banyak majikan tidak akan mengambil pekerja pembantu rumah dan dengan latihan yang baik, saya rasa ini akan menjadi satu profesion yang baik.

Perkara yang kedua, saya ingin tanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai pekerjaan. Kita dengar begitu banyak sekali kekurangan buruh di negara kita ini sedangkan banyak juga pengangguran. Jadi, saya berpendapat sebenarnya ini satu masalah yang boleh diatasi dengan satu cara iaitu mengadakan satu undang-undang di mana pihak majikan perlu mendaftar di semua pejabat Jabatan Buruh. Perkara ini berlaku di England dan juga lain-lain negara di mana semua majikan tidak terus mengambil pekerja tetapi mestilah melalui atau mengiklankan melalui Jabatan Buruh ataupun Employment Agency, dengan izin, yang diluluskan oleh kerajaan. Demikian juga pekerja-pekerja juga haruslah mendaftar dan ada matching between employer and the employee, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ingin tanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kajian boleh dibuat dalam hal ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal latihan untuk baby-sitter, itu memanglah satu pandangan yang baik. Saya penuh yakin bahawa dalam menyediakan taman asuhan kanak-kanak itu sudah tentulah majikan-majikan akan menyediakan juga baby-sitter dan sedikit-sebanyak baby-sitter itu terpaksa

mempunyai kebolehan-kebolehan tertentu. Tetapi insya Allah, saya pun tidak tahu siapa yang melatih baby-sitter, pandangan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Keduanya, mengenai cara merekrut pekerja dan sebagainya. Dalam negara kita ini, kita seboleh-bolehnya tidak mahu perkenalkan terlalu banyak peraturan-peraturan ataupun undang-undang untuk mengongkong cara kita berniaga dengan bebas. Kita hendak perniagaan itu sebebaskan-bebas yang mungkin.

Jadi, memang dari dahulunya kita ada Jabatan Tenaga Rakyat di merata-rata, di mana kita minta employers pergi mendaftar tentang keperluan pekerja mereka dan kita minta juga supaya pekerja pula mendaftar di sana dan nyatakan apa kerja yang mereka suka dan sebagainya. Malangnya oleh sebab tight labour market situation ini, maka employers telah berusaha sendiri untuk menyelesaikan masalah mereka dan pekerja juga telah berusaha sendiri untuk mencari pekerjaan tanpa bergantung kepada pihak kerajaan. Ada baiknya dalam keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung. Pada masa yang sama perbincangan di antara kementerian-kementerian yang menjalankan pendidikan dan latihan kerap diadakan, bertujuan menyelaraskan program dan aktiviti latihan perindustrian vokasional dan teknikal. Ianya juga bagi memastikan setiap kementerian menjalankan program tersebut, jelas akan kumpulan sasaran masing-masing serta saling lengkap-melengkapi dalam usaha-usaha untuk menambahkan lagi tenaga mahir dalam negara.

Sementara itu Kementerian Sumber Manusia menjalankan program-program tertentu yang memfokuskan kepada belia-belia terdiri dari pelajar-pelajar, para lepasan sekolah dan pencari-pencari kerja supaya berminat di dalam bidang kemahiran dan teknikal. Di antara program yang dijalankan itu termasuklah:

- (i) menjalankan kursus-kursus yang tidak begitu memerlukan kelulusan akademik, tetapi yang lebih memfokuskan kepada corak latihan berbentuk on the job training ataupun 'hands-on' di Institut Latihan Perindustrian di bawah Jabatan Tenaga Rakyat, misalnya di dalam bidang binaan, pembuatan perabot dan plumbing;
- (ii) memperkenalkan skim perantisan di bawah Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Skim perantisan ini menggalakkan majikan mengambil lepasan sekolah di peringkat PMR dan SPM sebagai perantis dan memberi mereka latihan dalam bidang kemahiran tertentu;
- (iii) menjalankan aktiviti-aktiviti bimbingan kerjaya di sekolah-sekolah bagi menarik minat lepasan sekolah untuk memasuki bidang-bidang industri yang memerlukan guna tenaga, khususnya guna tenaga mahir dan terlatih serta memberi penerangan dan pendedahan mengenai peluang-peluang pekerjaan dalam bidang perindustrian kepada bakal-bakal lepasan sekolah; dan
- (iv) menjalankan program pendedahan kemahiran tertumpu kepada pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM dan SPVM dan lepasan SPM dan SPVM.

Program latihan satu minggu ini diberi cara percuma di 10 buah Institut Latihan Perindustrian di bawah kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan masalah mengenai kekurangan tenaga buruh, isu kemasukan dan pengambilan pekerja-pekerja asing tidak dapat dipisahkan, baik bagi mereka yang masuk secara sah mahupun mereka yang masuk secara tidak sah. Ini kerana kebenaran untuk mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja di negara kita

merupakan satu langkah sementara untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh. Pada masa yang sama beribu-ribu pekerja asing pula memasuki negara ini secara tidak sah untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang ada. Ini memudaratkan lagi oleh sikap dan tindakan yang tidak bertanggungjawab majikan-majikan tertentu yang dengan sewenang-wenangnya menggaji mereka.

Saya ingin menjelaskan kepada Dewan ini bahawa Kementerian Sumber Manusia amat peka dan sentiasa mengawasi penggajian pekerja-pekerja asing di negara ini, terutamanya mereka yang sah. Undang-undang buruh yang sedia ada sudah cukup untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing secara adil dan saksama tanpa memilih mana-mana tempat tanpa mendiskriminasikan mana-mana golongan pekerja mahupun majikan.

Setakat ini penggajian pekerja asing yang bekerja secara sah adalah terkawal. Yang menjadi masalah ialah pekerja-pekerja asing yang tidak sah serta sikap dan tindakan majikan-majikan tidak bertanggungjawab yang gemar dan sewenang-wenangnya menggajikan mereka. Justeru itu, bagi memantapkan lagi pengawasan dan pengawalan pengkajian pekerja asing, kerajaan bercadang mewujudkan satu undang-undang baru khususnya untuk menangani isu-isu penggajian pekerja asing. Di samping itu, undang-undang yang dicadangkan itu mampu menangani dan membanteras sikap tidak bertanggungjawab di kalangan setengah-setengah majikan yang gemar menggaji pekerja-pekerja asing yang memasuki negara secara tidak sah dengan mengadakan hukuman-hukuman berat dan tegas. Misalnya, mengenakan denda maksimum RM50,000 bagi setiap pekerja asing tanpa izin yang digajikan atau dipenjara 5 tahun atau kedua-duanya. Hukuman berat tersebut dicadangkan untuk dijadikan sebagai ingatan kepada majikan-majikan terbabit

supaya lebih bertanggungjawab dan bersama-sama dengan kerajaan membanteras masalah kemasukan pekerja asing secara tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan di atas saya percaya jawapan saya mencakupi perkara-perkara utama berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia yang telah ditimbulkan oleh di dalam perbahasan ini. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat saya menjawab, kementerian ini akan meneliti untuk pertimbangan dan tindakan sewajarnya. Dengan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberi pandangan bernas dan teguran yang membina serta sokongan kepada kementerian ini. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Pengangkutan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas butiran Belanjawan 1996, yang melibatkan Kementerian Pengangkutan. Izinkan saya memberi jawapan dan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bayan Baru telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan perkhidmatan Light Rail Transit (LRT) di Pulau Pinang.

Suka saya memaklumkan bahawa di bawah Seksyen 7 dan Seksyen 23 Akta Keretapi 1991, Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab dalam tugas pengawalseliaan iaitu meluluskan apa-apa skim kereta api dan juga mengeluarkan lesen untuk mengendalikan skim tersebut.

Keputusan untuk melaksanakan mana-mana projek LRT adalah di luar bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Jika projek tersebut merupakan projek penswastaaan, maka ia perlu kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin mewujudkan sistem pengangkutan LRT, maka cadangan tersebut perlu dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi terlebih dahulu.

Yang Berhormat dari Marudu meminta kerajaan mengadakan garis panduan mengenai jenis-jenis kereta yang dinaikkan cukai jalannya serta bertanyakan kedudukan cukai jalan bagi kereta berkapasiti 2,000 c.c ke atas yang lama usianya. Kerajaan telah pun menetapkan kenderaan mewah ataupun kereta saloon yang berkapasiti 2,000 c.c. ke atas sahaja yang terlibat dalam kenaikan bayaran cukai jalan. Bagi kenderaan yang lama usianya, ianya tidak dikecualikan dari kenaikan bayaran cukai jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Beaufort menyatakan dan Yang Berhormat dari Bintulu mencadangkan bahawa kenaikan cukai jalan bagi kereta mewah di Sabah dan Sarawak belum wajar ataupun perlu dibezakan berbanding dengan Semenanjung Malaysia disebabkan keadaan jalan raya di kedua-dua negeri tersebut adalah lebih teruk berbanding dengan jalan raya di Semenanjung, maka ianya perlu ditangguhkan atau perbezaan dilakukan buat sementara waktu.

Suka saya memaklumkan bahawa cukai jalan yang dikenakan di Sabah dan Sarawak adalah berbeza struktur cukai jalannya, di mana ianya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar cukai jalan di Semenanjung Malaysia bagi kereta saloon yang berkapasiti 2,000 c.c. ke atas. Dengan itu ianya tidak membebankan pemilik-pemilik kenderaan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Serai meminta supaya agensi-agensi kerajaan termasuk JPJ memberi keutamaan dan kerjasama kepada sektor-sektor

swasta ingin mendirikan pusat penjagaan kanak-kanak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak JPJ.

Yang Berhormat dari Bintulu juga telah membangkitkan 4 perkara iaitu:

Yang pertama, mengenai peraturan JPJ tidak membenarkan lori berusia lebih 10 tahun digunakan untuk latihan dan ujian memandu dan beliau memohon pengecualian syarat ini diberikan. Sukacita dimaklumkan bahawa syarat tersebut telah pun dibatalkan sejak 6hb Oktober 1995.

Yang kedua, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bintulu iaitu mengenai kejadian di mana JPJ Bintulu membenarkan pemandu baru memandu kenderaan yang disediakan oleh orang-orang perseorangan yang tidak mempunyai lesen mengajar dan hanya memandu uji forklift sudah dianggap lulus ujian lesen kelas H dan memandangkan perkara ini adalah perkara spesifik, maka JPJ akan menyiasat kejadian tersebut.

Sehubungan dalam perkara ini sukacita dijelaskan bahawa bagi sesuatu ujian memandu yang melibatkan kenderaan yang tidak dipunyai oleh sekolah memandu, maka kenderaan yang dipunyai oleh seseorang individu adalah dibenarkan untuk digunakan dalam ujian memandu. Kenderaan-kenderaan yang terlibat adalah seperti bulldozer dan forklift dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang dibangkitkan adalah mengenai bayaran caj pelabuhan yang dikenakan bagi barang-barang dari Semenanjung yang diangkut ke Sarawak, iaitu sebanyak dua kali, pertama di Pelabuhan Klang dan kedua di Kuching. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj-caj pelabuhan tersebut dikenakan atas prinsip bahawa bayaran dikenakan untuk setiap perkhidmatan yang diberi. Pelabuhan adalah merupakan sebuah entiti komersil dan menggunakan prinsip ini juga, tambahan pula beberapa juta telah

dibelanjakan untuk kemudahan di pelabuhan. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan memang sedar atas perkara ini dan untuk mengadakan satu sistem pengangkutan yang lebih berkesan iaitu melibatkan pelabuhan-pelabuhan, kementerian sedia menimbangkan supaya 'doubling handling charges', dengan izin, ini akan diberi pertimbangan supaya ianya dapat mengurangkan bebanan orang-orang yang mengguna pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat adalah mengenai caj yang dikenakan oleh MISC adalah lebih tinggi jika dibanding dengan pengangkutan lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, MISC adalah sebuah syarikat swasta yang menetapkan caj berdasarkan kepada permintaan dan penawaran kepada perkhidmatan yang diberi. Perbandingan caj perlu dilihat dalam konteks tahap perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelevu telah membangkitkan berbagai-bagai perkara serta cadangan yang berkaitan dengan pengangkutan jalan raya amnya dan JPJ khususnya. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:

Yang pertama, cadangan supaya nombor pendaftaran kenderaan khas yang ditender sekarang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen yang memintanya dengan harga token. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak dapat menimbangkan perkara ini.

Perkara yang kedua ialah, pengawalseliaan rapi ke atas PUSPAKOM kerana:

- (a) masih mendapat banyak kenderaan mengeluarkan asap berlebihan.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan sedikit kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan mengenai dengan

tender nombor pendaftaran yang satu digit, dua digit dan tiga digit ataupun empat digit. Oleh kerana dalam keadaan sekarang Kementerian Pengangkutan hanya mengkhususkan dan memberi peluang kepada Menteri-menteri yang menggunakan kenderaan rasmi yang dibolehkan mendapat nombor-nombor yang berkenaan. Jadi, masalahnya sekarang, apakah Kementerian juga sepatutnya memberikan peluang Ahli-ahli Parlimen ataupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri yang juga mempunyai kereta rasmi. Apakah keadaan ini tidak boleh dipertimbangkan supaya kita tengok dan kita lihat sekurang-kurangnya Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri juga dibolehkan dan boleh memakai nombor-nombor single ataupun double digit dan sebagainya? Saya berharaplah, sebab Ahli-ahli Parlimen, Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Exco dan sebagainya juga menggunakan tersebut sebagai kenderaan rasmi mereka. Saya mintalah kalau boleh kementerian juga menimbangankan saranan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Apa yang Yang Berhormat katakan adalah betul. Selain daripada kereta Menteri yang secara rasmi boleh memilih nombor-nombor bagi keretanya, lain-lain pegawai termasuk Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa memasukkan tender jika sesiapa ingin mendapatkan nombor yang diminati.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala harga-harga tender yang dikutip oleh JPJ di semua negeri adalah merupakan hasil kepada kerajaan. Jika pihak kerajaan bersetuju supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk ADUN, Ahli Parlimen termasuk Senator diberikan kemudahan seumpama ini, maka ianya akan menjadikan satu kerugian besar kepada kerajaan. Tetapi walau bagaimanapun, saya memang bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelebu sebab bagi saya juga dalam keadaan seumpama ini, memang saya juga berminat. Kalau boleh dapat tanpa bayaran, memang saya pun bersetuju, tetapi sebaliknya....

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apa yang saya ingin bangkitkan ialah, masalah tender ini tidak termaktub dalam RTA kita. Tender sebenarnya token ten dollars, dengan izin, RM10 sahaja. Jadi, apa yang berlaku sekarang, oleh kerana pengaruh budaya orang-orang Cina, dikatakan nombor ini memberikan luck atau nasib yang baik - nombor 3 -sum', 'ong'; nombor 1 'yat'; nombor 8 - 'fat' dan sebagainya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Inilah yang menyebabkan pengaruh-pengaruh ini.

Sebenarnya nombor itu boleh dijual dengan harga minimum RM10 sahaja. Jadi, apalah salahnya. Saya menyerulah, kalau boleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mempertimbangkan walaupun harga itu tertinggi, katakanlah RM20,000; jadi, 10% daripada harga itu diberikan keutamaan kepada pak-pak Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli Parlimen, Ahli Exco dan sebagainya. After all, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini bekerja untuk rakyat dan kereta yang dipakai pun adalah kereta rasmi mereka masing-masing. Jadi, apa yang ada di dalam RTA hanya mengkhususkan kepada pak-pak Menteri sahaja yang tidak merangkumi Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan sebagainya. Itu cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih sekali lagi, Yang Berhormat dari Jelebu. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mempunyai logiknyanya. Sebagai seorang Setiausaha Parlimen....

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kekeliruan berlaku, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya Menteri juga tidak ada pengecualian. Kalau kereta sendiri semua kena masuk tender. Kereta yang Menteri naik adalah kereta kerajaan dan kereta syarikat.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Menteri memang betul seperti apa yang saya terangkan tadi. Hanya Menteri yang mempunyai kereta rasmi yang dibekalkan oleh kerajaan

berhak untuk dapat nombor-nombor yang diminati. Selain daripada kereta-kereta rasmi, maka kereta persendirian sama ada kepunyaan Menteri ataupun Tuanku Sultan, pada masa sekarang harus juga seperti orang biasa membayar harga tender.

Berbalik kepada yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Jelebu, memang saya juga setuju iaitu cadangan Yang Berhormat mempunyai logik sebab sebagai Ahli Parlimen di seluruh negara ini bukan begitu ramai jika kita hendak kira dan sumbangan yang diberikan oleh Ahli Parlimen dan juga ADUN mempunyai nilainya. Oleh yang demikian, saya akan bawa balik perkara ini supaya ianya dapat dikaji semula sama ada kemudahan ini pada akhirnya dapat diberi atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara seterusnya, kemungkinan kenderaan DRB diberi layanan khas memandangkan PUSPAKOM dan DRB mempunyai pengurusan yang sama. Kerajaan telah pun mengadakan satu bahagian khas di JPJ iaitu Bahagian Kawalselia Teknik yang bertanggungjawab untuk mengawalselia aktiviti yang dijalankan oleh PUSPAKOM. Bahagian ini sering mengadakan lawatan mengejut (spot check), dengan izin, dan lawatan biasa bagi menentukan pihak PUSPAKOM mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Di samping itu, JPJ sering mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan PUSPAKOM bagi mengatasi sebarang masalah yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

Perkara yang ketiga yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Jelebu juga mengenai kajian semula ke atas sistem ujian memandu bertulis (objektif) kerana jawapan-jawapan adalah terlalu dekat. Terdapat ramai orang luar bandar yang buta huruf dan tidak boleh lulus ujian ini. Yang penting ialah skil memandu, bukan pengetahuan undang-undang, seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JPJ sebenarnya sedang mengkaji semula jawapan bagi ujian undang-undang lalu lintas bertulis.

Berkaitan dengan orang ramai buta huruf, mereka boleh merayu kepada Pengarah JPJ Negeri supaya kelonggaran diberi untuk mengambil ujian undang-undang lalu lintas secara lisan.

Mengenai cadangan membekalkan senjata api kepada salah seorang pasukan pihak swasta.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan masalah ujian bahagian I, ujian undang-undang secara bertulis. Yang saya pertikaikan, saya persoalkan ialah soalan yang sama dan juga buku yang sama sebanyak 50 soalan dan 150 jawapan juga diberikan, walaupun seorang calon bakal pemandu itu memohon secara lisan. Kalau sebelum tahun 1991 ada dua kurikulum ujian, secara lisan dan secara bertulis. Ceramah-ceramah secara lisan cuma mengandungi 20 soalan. Sedangkan secara bertulis 45 soalan, kalau tak silap saya. Jadi, ini yang saya hendak supaya kementerian memikirkan semula, kerana soalan-soalan secara lisan juga digunakan dalam bentuk bertulis. Jadi, kalau orang tidak begitu mahir dan faham dalam bahasa Malaysia dan sebagainya, yang saya katakan golongan Orang Asli, golongan orang awam kaum Cina di kawasan-kawasan luar bandar, golongan kaum India dalam estet dan sebagainya tak faham bahasa Malaysia yang standard.

Jadi, apa yang saya maksudkan kalau boleh dibezakan, dibuat dua jenis soalan, secara bertulis yang standard bahasanya dan juga secara lisan yang mementingkan soal gambar rajah, soalan yang mudah difahami. Kerana masyarakat di kawasan luar bandar mereka tidak faham apa maksudnya soalan-soalan yang standard. Jadi, ini saranan saya supaya dikaji, dipisahkan soalan bentuk lisan dan juga bertulis. Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat dari Jelebu. Memang Yang Berhormat dari Jelebu ini mahir tentang cara JPJ, sebab dia bekas seorang pegawai JPJ. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelebu mempunyai logik ataupun berasas. Oleh yang demikian, seperti yang saya katakan tadi, pihak Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji semula satu silibus baru, iaitu dinamakan KBSM (Kurikulum Baru Sekolah

Memandu), tetapi sukatan ataupun kurikulum ini masih belum diguna pakai oleh sekolah-sekolah memandu, sebab ia masih dalam peringkat kajian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan membekalkan senjata api kepada salah seorang pasukan pihak swasta yang beroperasi memandangkan risiko yang dihadapi semasa menjalankan tugas serta berlakunya insiden tidak diingini, pihak kementerian akan memberikan pertimbangan sewajarnya dalam perkara ini.

Mengenai cadangan menghadkan jumlah masa pemandu JPJ bekerja untuk mengelakkan kemalangan, Kementerian Pengangkutan akan mengambil perhatian atas cadangan ini.

Cadangan mengadakan insuran kelompok bagi pasukan penguat kuasa, JPJ diarah untuk meneliti cadangan ini sama ada ianya praktikal ataupun tidak diterima pakai.

Mengenai tambahan cukai jalan 25% ke atas kenderaan-kenderaan yang berusia 15 tahun ke atas, kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan atau mengecualikan kenderaan yang berusia melebihi 15 tahun daripada kenaikan bayaran cukai jalan ini.

Cadangan memasang kamera-kamera seperti yang tersedia ada di Lebuhraya Karak, di lebuhraya lain, ingin saya memberitahu perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan, sebab ianya adalah di bawah bidang kuasa pihak Polis DiRaja Malaysia. Oleh yang demikian, saya harap Yang Berhormat dari Jelevu dapat mengemukakan cadangan ini kepada kementerian yang berkenaan.

Mengenai cadangan menubuhkan institut khas bagi pemandu-pemandu perkhidmatan awam, kerajaan sedang mengkaji perkara ini.

Mengenai cadangan memberi kemudahan supaya cukai jalan bagi tempoh sebulan, dua bulan dan sebagainya bagi kenderaan petrol, saya ingin memberitahu kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kelonggaran kepada kenderaan berenjin petrol. Untuk

makluman yang lebih lanjut pada Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah memeri kelonggaran ini kepada kenderaan-kenderaan perdagangan, memandangkan kemerosotan ekonomi dan pada kebiasaannya kenderaan-kenderaan tersebut tidak digunakan untuk tempoh panjang dan tertakluk kepada aktiviti-aktiviti yang perlu dilakukan.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun lagi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Saya ingin meminta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan untuk maksud ini, bagi kenderaan-kenderaan yang tidak membayar cukai jalan melebihi 12 bulan akan dikenakan pemeriksaan keselamatan yang boleh digunakan di atas jalan dan sebagainya. Adakah cadangan kementerian untuk tidak menguatkuasakan peraturan ini, kerana ini adalah merupakan peraturan sahaja, bukan merupakan undang-undang yang ada di dalam RTA. Jadi, sekiranya kementerian bercadang untuk mengambil kira cadangan ini, saya menjangkakan bahawa pemilik-pemilik kenderaan di kawasan-kawasan luar bandar, umpamanya motosikal dan kereta-kereta yang telah lama tidak diperiksa, yang tidak dibayar cukai jalan tetapi masih digunakan akan dapat membayar cukai tersebut tanpa terpaksa menghantar kenderaan ke PUSPAKOM dan sebagainya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari Yang Berhormat boleh kita memberi pertimbangan, tetapi kita harus sebelum kita memberi pertimbangan segala faktor-faktor, keadaan-keadaan mengenai pembayaran dan juga dari segi pemeriksaan juga harus diteliti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pemilik kenderaan antik ataupun klasik yang digunakan sekali-sekala di atas jalan raya juga dapat diberikan kelonggaran dari segi pembayaran cukai jalan. Yang Berhormat dari Gelang Patah telah meminta supaya pembinaan Pelabuhan Tanjong

Pelepas dipercepatkan dan dipastikan bayaran pampasan yang kepada pekebun-pekebun kecil yang mana tanah mereka diambil untuk tujuan pembinaan pelabuhan itu. Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan sedang berusaha menyelaraskan pembangunan Pelabuhan Tanjong Pelepas supaya semua infrastruktur berkaitan dapat disiapkan dan beroperasi pada awal tahun 1999.

Mengenai pampasan kepada pekebun-pekebun kecil yang mana tanah mereka diambil alih untuk pembinaan tersebut, satu penilaian tanah akan dibuat dan bayaran pampasan akan didasarkan kepada penilaian itu.

Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan banyak pandangan dan pertanyaan berkaitan dengan Pelabuhan Kemaman. Beliau telah memberi beberapa cadangan supaya Pelabuhan Kemaman menjadi lebih cekap, iaitu melalui peningkatan kemudahan pelabuhan seperti penyediaan udang.....

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

Tuan Chor Chee Heung: Saya tak jawab lagi. Saya cuma menghuraikan apa yang ditanya, tidak mengapalah.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya tanya dari jawapan tadi, tentang pelabuhan baru di Tanjong Pelepas? Selain daripada pampasan yang akan diberikan mengikut nilai harta, apakah cadangan oleh Kementerian Pengangkutan tentang cara pendapatan baru untuk penduduk-penduduk di kawasan yang mana pelabuhan akan diadakan? Sekian, terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pampasan yang diberikan kepada orang-orang khususnya pekebun-pekebun kecil yang terlibat ataupun terkilang dalam pengambilan tanah ini, kerajaan akan dengan sedaya upaya cuba memberi peluang kepada mereka. Jika di Pelabuhan Tanjung Pelepas yang bila siap dibina mempunyai peluang-peluang untuk pekerjaan, maka semua yang terlibat mempunyai kesempatan ataupun peluang untuk meminta.

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua[Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak beri jalan lagi kah?

Tuan Chor Chee Heung: Ya.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, apa yang saya minat tentang apa yang saya tanya tadi ialah bagaimana pekebun-pekebun kecil dan penduduk-penduduk di kawasan yang mana pelabuhan akan dibina, apa cara pendapatan baru untuk mereka, bukan peluang pekerjaan, itu kemudian. Yang penting, tempat itu akan diambil alih untuk membina pelabuhan. Yang penting sekali, di manakah mereka akan ditempatkan dan apa cara yang sempurna akan dijalankan oleh pihak berkuasa iaitu Kementerian Pengangkutan dengan pembinaan pelabuhan baru itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebelum pihak kerajaan menjelaskan segala pampasan kepada pekebun-pekebun kecil yang terlibat, maka satu pakatan akan dibuat. Buat sementara ini Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai apa-apa cadangan lagi iaitu sebab terlalu awal dan bila mereka akan diberikan pampasan, maka kita harap satu pakatan akan diwujudkan supaya mereka dapat ditempatkan di suatu tempat yang tidak begitu jauh dari Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk membina gudang di Pelabuhan Kemaman, sukacita saya maklumkan bahawa perkara ini sedang dalam pertimbangan Lembaga Pelabuhan Kemaman. Bagi pembinaan dermaga cecair di Pelabuhan Kemaman disegerakan, sukacita saya juga memaklumkan bahawa perkara ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk menjadikan Pelabuhan Kemaman sebagai pusat bagi kemasukan beras dari negara-negara pengeksport dengan membina gudang penyimpanan beras import di Pelabuhan Kemaman dan seterusnya edaran dibuat ke gudang-gudang BERNAS, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini tertakluk kepada logistik perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman juga menyentuh tentang pembangunan Lembaga Pelabuhan Kemaman adalah lembab disebabkan ianya dibiayai oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan yang telah established, dengan izin, lebih awal dan terletak agak berhampiran dan pengurusan serta pekerja-pekerja Pelabuhan Kemaman pula dipinjamkan dari Lembaga Pelabuhan Kuantan. Beliau seterusnya ingin tahu kedudukan Pelabuhan Kemaman seterus selepas penswastaaan Pelabuhan Kuantan serta juga bentuk penswastaaan pelabuhan-pelabuhan berkenaan dan juga syarikat konsortium yang dikenal pasti untuk melaksanakan penswastaaan tersebut.

Berhubung dengan perkara ini, saya ingin membetulkan anggapan Yang Berhormat dari Kemaman bahawa kelembapan ke atas pembangunan Kemaman disebabkan oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan, sebaliknya melalui kontrak pengurusan dengan Lembaga Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman telah berurus dengan baik dan mendapatkan keuntungan setiap tahun. Segala pendapatan yang diperolehi oleh Pelabuhan Kemaman dimasukkan dalam akaun Lembaga Pelabuhan Kemaman. Dalam erti kata lain, Lembaga Pelabuhan Kemaman adalah self-financing, dengan izin. Untuk makluman lanjut juga,

penwastaaan Pelabuhan Kemaman akan dibuat secara berasingan dari penwastaaan Pelabuhan Kuantan. Dengan demikian, Pelabuhan Kemaman akan dibangunkan secara berasingan daripada Pelabuhan Kuantan. Setakat ini, kementerian tidak dapat memaklumkan tentang konsortium yang akan mengambil alih Pelabuhan Kemaman kerana kini dalam peringkat rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan dua perkara iaitu masalah pengangkutan simen yang sampai di Pelabuhan Kelang yang mana mengambil masa satu bulan atau sekurang-kurangnya 28 hari untuk diangkut keluar dari pelabuhan. Adalah dimaklumkan bahawa simen yang diimport dari Pelabuhan Kelang boleh diambil keluar sebaik sahaja didaratkan. Tempoh sebulan atau 28 hari yang disebutkan itu mungkin merujuk kepada tempoh yang perlu ditunggu oleh pengedar simen untuk ujian kualiti simen yang dikenakan oleh pihak tertentu iaitu SIRIM.

Bagi masalah yang kedua, iaitu permohonan PPSP untuk menaikkan kadar tambang feri Butterworth-Pulau Pinang, saya ingin menyatakan permohonan PPSP untuk menaikkan kadar tambang feri tersebut sedang dikaji oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Yang Berhormat dari Sibul telah menyeru kerajaan supaya membenarkan penerbangan asing mendarat di Lapangan Terbang Sibul.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Setiausaha Parlimen sama ada Menteri Pengangkutan telah menerima permohonan dari PPSP?

Tuan Chor Chee Heung: Untuk rekod, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang permohonan untuk menaikkan kadar tambang bagi feri.

Yang Berhormat dari Sibul telah menyeru kerajaan supaya membenarkan penerbangan asing mendarat di Lapangan Terbang Sibul sebagai usaha untuk mengembangkan pembangunan dan pelancongan di Sibul. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membenarkan penerbangan asing mendarat di Sibul kerana Lapangan Terbang Sibul adalah diklasifikasikan sebagai lapangan terbang domestik. Buat masa ini hanya Lapangan Terbang Kuching diklasifikasikan sebagai lapangan terbang antarabangsa di Sarawak yang mana penerbangan antarabangsa dibenarkan mendarat.

Yang Berhormat dari Sipitang telah menyentuh tiga perkara iaitu mengenai kenaikan tambang domestik MAS dikaji semula. Setakat ini Kementerian Pengangkutan tidak menerima apa-apa permohonan dari MAS untuk menaikkan tambang domestiknya. Cadangan Yang Berhormat akan dipertimbangkan jika sekiranya pihak MAS mengemukakan permohonan kelak. Yang kedua, permintaan supaya perkhidmatan feri ke Sabah dan Sarawak dihidupkan semula. Kerajaan tidak menguruskan perkhidmatan feri penumpang. Kementerian ini tiada halangan ke atas sebarang pengusaha swasta yang ingin mengendalikan perkhidmatan feri ke Sabah dan Sarawak.

Mengenai permintaan pengecualian cukai jalan ke atas Four-Wheel Drive, dengan izin, yang melebihi daripada 2,000 c.c., saya suka menyatakan bahawa kenderaan Four-Wheel Drive adalah tidak terlibat dalam kenaikan cukai jalan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Yang Berhormat dari Kemaman juga meminta Kementerian Pengangkutan menimbangkan supaya Lapangan Terbang Kuala Terengganu atau Kerteh dijadikan lapangan terbang antarabangsa. Buat masa ini, bilangan lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang sedia ada di negara ini adalah mencukupi. Oleh itu, kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menambahkan bilangannya buat masa ini.

Yang Berhormat dari Sepang juga meminta penjelasan berhubung dengan larangan pembinaan bangunan sekitar 11 km. radius dari KLIA sama ada dikira daripada pusat landasan kapal terbang ataupun dari sempadan kawasan 10,000 hektar.

Larangan pembinaan bangunan di sekitar 11 kilometer radius KLIA bukannya bermula dari sempadan kawasan 10,000 hektar, walau bagaimanapun, bagi menjamin keselamatan Lapangan Terbang KLIA beberapa zon kawasan larangan telah pun ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bersama-sama dengan jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan penerbangan awam bagi menentukan jenis-jenis pembangunan yang boleh didirikan di dalam zon-zon yang terlibat.

Larangan yang lebih ketat dikenakan terutamanya di kawasan yang melibatkan penerbangan dan pendaratan pesawat ataupun dalam bahasa Inggeris, flight park, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tawau telah meminta supaya pihak yang berkenaan memastikan bahawa rancangan pembinaan lapangan terbang baru di Tawau dilancarkan secepat mungkin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya sekali lagi ingin mengatakan Lapangan Terbang Tawau

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kerajaan bercadang di masa-masa yang akan datang apabila kita membina lapangan terbang, kita

memastikan bahawa dalam keadaan tertentu jangan terlampau banyak atau jangan ada lapangan terbang di mana ada tempat-tempat perumahan supaya ini akan mengelakkan seandainya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, maka orang-orang yang duduk di dalam kawasan-kawasan yang berkenaan tidak akan terlibat semacam di Tawau. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya. Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan itu bukan perkara yang baru, [*Ketawa*] sebenarnya selama ini dalam negara kita

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun ini.

Tuan Chor Chee Heung: Belum habis jawab lagi!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ini kali yang kedua, Yang Berhormat mainkan saya. [*Ketawa*] Dulu dia kata, saya ketinggalan masa. Tuan Yang di-Pertua, tetapi benda ini kenyataan, di Tawau baru-baru ini berapa ratus rumah telah berada di dalam kawasan lapangan terbang? Jadi, mungkin benda ini susah

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, di Subang, restoran-restoran, saya takut kapal terbang itu dia gelonsor lebih dia masuk dalam restoran, masyarakat

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak mengulaskah?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, saya hendak memberi penjelasan supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun up-to-date dengan informasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu kerja dia untuk memberi penjelasan. Yang Berhormat sepatutnya menyoal!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sama jugalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bertujuan untuk memainkan Yang Berhormat seperti yang dikatakan oleh beliau. Jika dia mempunyai anggapan itu, saya minta maaf, tetapi walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan sekali lagi, segala pembangunan di sekitar lapangan terbang harus mendapat keizinan dari semua agensi-agensi kerajaan yang melibatkan dari segi pembangunan khususnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga Majlis-majlis Perbandaran ataupun Majlis-majlis Daerah yang mengawal tempat-tempat di mana lapangan terbang diadakan.

Oleh yang demikian, segala pembangunan jika ada perancangan pembangunan harus mendapat keizinan ataupun kerediaan ataupun kebenaran ataupun persetujuan dari semua agensi-agensi kerajaan dan buat masa ini kita dapat melihat sama ada di Subang ataupun di Tawau segala pembangunan adalah diberikan ataupun diluluskan oleh semua agensi. Kemalangan yang berlaku di Tawau adalah special sedikit, dengan izin, sebab ada pembangunan jika kita rujuk kampung di situ yang mana pesawat terhempas atau nahas berlaku di situ, itu bukan pembangunan yang sah sebenarnya. Sebenarnya orang-orang termasuk rumah-rumah yang didirikan berdekatan Lapangan Terbang Tawau adalah kampung setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya sekali lagi ingin mengulas di sini atau memberi jaminan iaitu Lapangan Terbang Tawau memang selamat untuk kegunaan jet-jet termasuk jet 373, tetapi bukan jet 747, hanya setakat 737 untuk menaiki dan untuk mendarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jet apa itu, 373?

Tuan Chor Chee Heung: Jet Boeing 737, pesawat penumpang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Boeing 737.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang baru Tawau akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Reka bentuk terperinci projek ini dijadualkan siap pada bulan Ogos 1996. Kajian sedang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Kerja Raya Sabah mengenai cara pelaksanaan yang terbaik supaya projek ini dapat siap dilaksanakan dalam tempoh yang singkat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, sedarkah beliau bahawa lapangan terbang di Hong Kong atau di Kowloon, sebenarnya di sekeliling lapangan terbang ini bangunan-bangunan tinggi semua ada di sekeliling mereka dan apabila kapal terbang hendak mendarat, kalau berdiri di atas bumbung flat atau rumah pangsa itu, boleh nampak dengan terang kapal terbang yang begitu besar. Jadi, apa pandangan Setiausaha Parlimen di atas keadaan ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya keadaan di Hong Kong dan di Malaysia berlainan. Kita orang Malaysia. *[Tepuk]* Dan memang kita guna Hong Kong sebagai satu lapangan terbang. Lapangan Terbang Kaitak sebagai satu rujukan dan saya tidak bersetuju dengan pembangunan di sekeliling Lapangan Terbang Kaitak. Oleh yang demikian, mereka harus membina satu lagi lapangan terbang yang begitu besar di Chep Lak Kok.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Libaran bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada accident di Lapangan Terbang Tawau baru-baru ini, adakah kementerian membuat cadangan supaya penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran di kawasan tersebut dipindahkan ke kawasan lain?

Tuan Chor Chee Heung: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sebelum kemalangan berlaku pada hari itu, Kerajaan Negeri Sabah melalui Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah di situ telah memberi arahan supaya semua kumpulan-kumpulan ataupun orang-orang yang tinggal di kawasan setinggan itu dikeluarkan ke tempat yang lain. Tetapi sebelum pemindahan dibuat, kemalangan telah berlaku. Walau bagaimanapun, mereka telah pun diberikan tempat yang lain supaya dipindahkan jauh dari lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab telah mencadangkan supaya perindustrian Haulage Container diliberalisasikan supaya dapat meningkat persaingan demi kemunculan perkhidmatan dalam aspek pelabuhan-pelabuhan dan beliau bertanya mengenai kapasiti Pelabuhan Kelang dari segi pengendalian kontena. Kementerian Pengangkutan berterima kasih ke atas cadangan yang juga diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab tentang perkhidmatan di pelabuhan dan pada masa yang sama sukacita Kementerian Pengangkutan ingin membetulkan sedikit statistik yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab tentang jumlah kontena yang dikendalikan di Pelabuhan Kelang.

Bagi tahun 1990 jumlah kontena yang dikendalikan di Pelabuhan Kelang adalah 496,526 twenty foot equivalent units (TEUs), dengan izin. Dan bagi tahun 1995 dijangka mengendalikan sebanyak 1.16 juta TEUs. Kementerian Pengangkutan serta pihak pelabuhan sedang mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan di Pelabuhan Kelang.

Dan memang kerajaan amat prihatin tentang kemajuan di Pelabuhan Kelang dan dengan apa yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan, kita mempunyai satu objektif iaitu pada tiga tahun yang akan datang, kemungkinan TEUs-TEUs yang dikendalikan di Pelabuhan Kelang akan mencapai 3 juta TEUs.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Mas telah bertanya mengenai pembinaan Lapangan Terbang Limbang. Memang benar kerajaan mempunyai cadangan untuk membina sebuah lapangan terbang di Limbang tetapi ianya masih dalam kajian oleh Unit Perancang Ekonomi dan jika munasabah, ianya akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah beliau sedar bahawa sewaktu pilihan raya Dewan Undangan Negeri di Sarawak pada tahun 1991, iaitu di mana saya berada di sana dan bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Lapangan Terbang Limbang akan dibina tetapi kita mendengar bahawa ia akan dikaji dan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya ingin bertanya adakah ia akan dibina ataupun akan dikaji ataupun di mana jawapan yang tetap. Oleh kerana saya tengok mulai saya berada di dalam Dewan ini, dalam tiap-tiap kita mengadakan belanjawan, Lapangan Terbang Limbang ada peruntukan ataupun anggaran RM45 juta. Sekarang sudah di dalam Penggal Kedua. Saya ingin bertanya betul-betul dalam kajiankah ataupun akan dilaksanakan, dibina oleh kerana sekarang ini kita akan mengadakan pilihan raya Dewan Undangan Negeri kali yang kedua pada tahun yang akan datang. Rakyat di Limbang akan bertanya bilakah lapangan terbang ini dapat dibinakan. Oleh kerana ia dijanji bukan oleh Yang Berhormat seperti saya, orang biasa, tetapi bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia sewaktu berkempen di Limbang. Saya ingin minta penjelasan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas memang saya tidak ada. Saya harap jika Yang Berhormat dapat

memberi sedikit-sebanyak bantuan kepada kementerian kita iaitu untuk memanjangkan sepucuk surat kepada kita, memberitahu keadaan pada tahun 1991 yang mana Yang Amat Berhormat bekas Timbalan Perdana Menteri telah membuat pengumuman, mungkin saya akan mengambil tindakan jika perlu.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebetulnya Lapangan Terbang Limbang terletak di bawah bukit, ataupun dengan izin, on the foothill of Bukit Mas. Oleh kerana itu, pada suatu masa dahulu semua pilot tidak mahu mendarat oleh kerana sekiranya waktu cuaca yang tidak baik, memang sukar untuk mendarat di Lapangan Terbang Limbang. Adakah kementerian sedar bahawa Persatuan Pilot telah menghantarkan satu memorandum oleh kerana mereka tidak mahu memandu Twin Otter ke Limbang? Saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian dan mengkaji dengan teliti.

Saya juga ingin merayu oleh kerana kalau boleh kementerian sendiri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pergilah ke Limbang. Sekiranya kita pergi ke Limbang, cuaca tidak bagus, kita terpaksa tinggal 2-3 hari di Miri dan keadaan begini serupa semenjak 30 tahun sampai sekarang. Kalau boleh, tolong.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Yang Berhormat dari Bukit Mas tentang Lapangan Terbang Limbang ini memang adalah satu perkara yang amat baik dan saya harap Yang Berhormat dapat ataupun saya menjemput Yang Berhormat ke pejabat, Kementerian Pengangkutan supaya beliau dapat memberitahu dengan lebih lanjut dan kita akan cuba dengan sedaya-upaya supaya permintaan Yang Berhormat direalisasikan.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian mengenai isu-isu melibatkan Kementerian Pengangkutan. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab pada hari ini, sukalah saya memberi jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua Yang Berhormat Menteri menggulung perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 1996 atau pada jam 8.45 malam, yang mana yang terkemudian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua Yang Berhormat Menteri menggulung perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 1996 atau pada jam 8.45 malam, yang mana yang terkemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diminta jawab.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibu, Johor Bharu, Beaufort, Balik Pulau, Gelang Patah, Keningau, Kota Bharu, Senai, Larut, Kota Melaka, Sungai Benut, Kapar, Libaran, Tambun, Petaling Jaya Selatan, Mentakab, Seremban, Pokok Sena, Cheras, Mersing, Dungun, Sri Aman dan Batu Pahat telah menyentuh perkara-perkara mengenai perumahan.

Mengenai kenaikan harga rumah yang telah berlaku di bandar-bandar utama di negara ini, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum beberapa tindakan telah pun diambil untuk meredakan peningkatan harga rumah-rumah ini. Ini termasuklah langkah-langkah oleh Bank Negara untuk menghadkan pinjaman bagi pembelian rumah-rumah kepada 60% sahaja

bagi pembelian unit-unit yang melebihi harga RM150,000 seunit dan bukan untuk tujuan tempat tinggal pembeli.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 1996 yang telah juga mengumumkan mengenai langkah-langkah untuk menghadkan pembelian oleh warganegara asing kepada pembelian rumah-rumah yang berharga RM250,000 seunit ke atas dengan dikenakan levi sebanyak RM100,000. Cukai ke atas keuntungan harta juga telah dinaikkan kepada 30% bagi penjualan yang dibuat dalam tempoh 2 tahun selepas pembelian, 20% selepas 3 tahun dan 15% selepas 4 tahun.

Mengenai pembinaan rumah-rumah kos rendah dengan lebih banyak di negeri-negeri di Semenanjung, di Sabah dan di Sarawak, suka saya menyatakan bahawa peruntukan akan terus disediakan bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah di bawah program perumahan kos rendah oleh kerajaan. Dari segi penyediaan rumah kategori rumah kos rendah ini, sektor swasta telah diberi tanggungjawab untuk membina sebahagian besar rumah kos rendah yang diperlukan di negara ini.

Mengenai insentif untuk pembinaan rumah kos rendah, beberapa buah negeri telah pun mengadakan beberapa kemudahan seperti premium yang nominal untuk pembinaan rumah kos rendah.

Mengenai pinjaman kepada individu untuk membiayai rumah kos rendah, kementerian memang pun mempunyai satu skim pinjaman bagi golongan sasaran yang berpendapatan RM700 ke bawah dan terdiri dari petani, nelayan, peniaga kecil dan sebagainya.

Bagi mengurangkan kesesakan dan masalah setinggan di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan Persekutuan akan terus membantu Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek perumahan yang berkepadatan tinggi di kawasan-kawasan bandar. Masalah kekurangan

tanah untuk perumahan seharusnya juga diberikan penekanan dan diusahakan dengan lebih kreatif dan inovatif lagi.

Bagi memperbaiki pengagihan dan penjualan rumah kos rendah yang lebih adil dan melibatkan golongan sasaran, kementerian juga telah mengambil langkah untuk melaksanakan satu sistem pendaftaran yang seragam di semua negeri berpandukan kepada garis panduan pemilihan yang berdasarkan pendapatan, bilangan ahli keluarga dan lain-lain. Melalui sistem ini, pembeli rumah kos rendah yang layak akan dipilih dari satu senarai yang telah ditapis oleh Kerajaan Negeri. Pemaju swasta juga akan dikehendaki menggunakan senarai pembeli ini. Sistem ini juga dapat mengelakkan pembelian rumah kos rendah lebih daripada sekali oleh golongan tersebut.

Mengenai cadangan supaya memberi keutamaan kepada anggota bekas pasukan keselamatan untuk mendapatkan kemudahan rumah kos rendah, sukalah saya nyatakan Kerajaan-kerajaan Negeri memang memberi keutamaan kepada mereka.

Mengenai isu penyediaan kemudahan bagi orang kurang berkeupayaan oleh pihak berkuasa tempatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, pindaan telah dibuat kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 pada tahun 1990 untuk memasukkan peruntukan berkaitan penyediaan kemudahan bagi orang yang kurang keupayaan di bangunan-bangunan yang digunakan oleh orang awam.

Sehingga kini hampir keseluruhan negeri di Semenanjung telah mewartakan pindaan ini. Di bawah pindaan ini semua bangunan yang melibatkan penggunaan oleh orang awam adalah diwajibkan untuk menyediakan kemudahan bagi orang yang kurang keupayaan.

Mengenai isu pembuangan sampah di Pulau Ketam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar, kerajaan akan mengadakan projek percubaan untuk melupuskan

sampah sarah dengan menggunakan mini-incinerator, dengan izin, di beberapa buah pulau peranginan pada tahun hadapan.

Projek percubaan ini sekiranya berjaya akan diperluaskan pelaksanaannya di kawasan-kawasan lain termasuk Pulau Ketam. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula akan mempergiatkan program kitar semula sisa di semua kawasan. Dengan pelaksanaan program ini jumlah sisa yang perlu di hapuskan akan berkurangan. Dalam pada itu, kerajaan akan menswastakan perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah sarap ke seluruh negara.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan pada 10hb. November, 1995 telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Daerah Kuala Pilah. Mengenai satu projek yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerajaan Tempatan telah menasihati Majlis Daerah berkenaan sewajarnya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau berhubung dengan isu supaya Kerajaan Tempatan di sebelah Pulau Pinang dipecahkan kepada dua mengikut daerah pentadbiran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah difahamkan bahawa perkara tersebut pernah dibangkitkan di dalam satu pertemuan di antara kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pihak-pihak berkenaan. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan negeri telah mengambil maklum mengenai perkara tersebut. Ada pula pihak-pihak yang mengesyorkan supaya kedudukan sekarang dikekalkan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, iaitu banjir kilang di Seberang Perai Tengah dan Utara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberi peruntukan sebanyak RM800,000 pada tahun 1994 untuk membantu pihak MPSP melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan.

Yang Berhormat dari Seputeh dan Ipoh Barat menyebut mengenai kelewatan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CFO). Antara sebab utama adalah kerana kegagalan pemaju atau juru perunding mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh pihak Berkuasa Tempatan dan peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984. Sekiranya pemaju mematuhi kehendak-kehendak ini termasuk kehendak pembedaan, tidak akan timbul masalah kelewatan. Disamping itu, kementerian ini sedang berikhtiar agar prosedur yang diamalkan oleh pihak berkuasa tempatan dapat di kemaskinikan lagi untuk melicinkan pengeluaran CFO. Mengenai isu parit-parit yang tersumbat dan jalan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Akankah kerajaan atau kementerian yang berkenaan memastikan bahawa semua kerajaan tempatan akan mematuhi prinsip akauntabiliti, oleh kerana keputusan mereka yang menyebabkan kerugian-kerugian yang berlaku di dalam kerajaan tempatan, semacam di MPSP, oleh kerana keputusan Majlis tidak mahu mengeluarkan CF, selain daripada developer mematuhi syarat-syarat yang baharu dan kemudian perkara ini di bawa ke mahkamah dan diisytiharkan bahawa keputusan MPSP itu tidak sah, melanggar undang-undang, dan di mana MPSP dikehendaki untuk membayar pampasan berjuta-juta ringgit. Ini bukan kesalahan pembayar-pembayar cukai (rate payer di MPSP) dan sebab kenapa rate payers perlu menanggung kerugian itu. Akankah kerajaan, khasnya Kementerian Kerajaan Tempatan membangkitkan dalam perkara semacam ini bahawa anggota-anggota atau ahli MPSP yang dilantik di kehendaki untuk memikul tanggungjawab di mana mereka patut ada satu 'surcharge' di mana ganti rugi yang diarahkan oleh mahkamah di bayar dengan cara kolektif oleh ahli-ahli MPSP supaya di masa depan

tidak ada anggota Majlis Kerajaan Tempatan mengambil keputusan yang tidak mengikut undang-undang?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi, sebenarnya, kementerian telah pun mengarahkan supaya CFO ini dikeluarkan dua minggu selepas Borang "E" dikemukakan oleh pihak pemaju kepada Majlis-majlis Daerah. Seandainya Borang "E" ini dibereskan dan dikemukakan, maka pihak Majlis Tempatan mestilah meluluskan CF tadi dalam masa dua minggu selepas Borang "E" di submit kepada mereka. Sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, seandainya pihak pemaju mendapati bahawa mereka rugi kerana tindakan yang lewat daripada Kerajaan Tempatan, maka mereka sememangnya boleh pergi ke mahkamah untuk mendapatkan ganti rugi dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Jika diarahkan oleh mahkamah, siapa yang akan memikul tanggungjawab itu - rate payers, MPSP atau mereka yang bertanggungjawab? Di sini mereka yang bertanggungjawab ialah Ahli-ahli Majlis Tempatan, dan di sini ialah Ahli-ahli MPSP dan kita perlu ada satu sistem 'surcharge' dimana kalau MPSP dalam perkara ini tidak keluarkan CFO, pemaju pergi ke mahkamah dan dapat perintah untuk ganti rugi, ganti rugi patut di 'surcharge' ke atas ahli-ahli MPSP dan bukan keluar daripada tabung pembayar-pembayar cukai (rate payers MPSP) dan ini adalah prinsip.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, seandainya kita telah mengenakan syarat bahawa selepas CF dikemukakan kepada Majlis Tempatan, dalam masa dua minggu maka Borang "A" dikemukakan kepada Majlis Tempatan. Dalam masa dua minggu CF mesti dikeluarkan dan seandainya ini tidak dilakukan oleh Majlis-majlis Tempatan bermakna pegawai-pegawai yang terlibat bersalah, tetapi sebelum mereka boleh menerima Borang "E" ini, maka semua kehendak-kehendak dalam borang "E" ini mesti

dipatuhi oleh pemaju dan ini termasuklah, misalnya, borang-borang dari Bomba, dari Tenaga Nasional, Telekom dan lain-lain lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Bermakna bahawa jika pihak berkenaan didapati bersalah bererti ada ganti rugi dan pegawai-pegawai berkenaan perlu buat bayaran ini secara sendiri dan bukan oleh tabung Majlis Tempatan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan akan mengambil tindakan selaras dengan kuasa-kuasa yang ada kepada kerajaan. Tetapi kalau kita mengatakan bahawa kalau ada orang yang bersalah, maka dia kena bayar, saya rasa tidak mungkin akan ada orang yang berani berkhidmat dengan MPSP, kerana kalau mereka bersalah dan kalau tuntutan sampai berjuta-juta ringgit, sudah tentu mereka tidak mampu, tetapi pihak kerajaan sudah tentu ada cara-caranya sendiri untuk mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai yang cuai ataupun yang bersalah dalam perkara-perkara yang disebutkan tadi.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bagan, bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Mengenai perkembangan tentang hal yang diceritakan oleh Ketua Pembangkang, sebenarnya dalam ucapan saya, saya ada sentuh perkara ini dan saya telah ceritakan dengan jelas bagaimana ia berlaku. Sebenarnya bukan pemaju tidak memohon untuk CF. Sebenarnya pemaju telah membina pangsapuri itu mengikut plan yang telah diluluskan oleh MPSP dan apabila bangunan itu siap, semua telah ditunaikan, mereka telah meminta CF dan MPSP menambah syarat supaya pemaju ini diperlukan membina sebatang parit atau sebatang longkang yang ada di sebelah tanah pemaju ini. Tanah itu bukan dipunyai oleh pemaju yang disyaratkan oleh membina parit ini. Bagaimana pemaju ini hendak pergi ke tempat orang dan mengorek sebatang parit?

Jadi, inilah masalah dan kita pernah membangkitkan hal ini di beberapa peringkat dan tidak dipedulikan sehingga pemaju ini tidak ada jalan lain tetapi mengambil tindakan mahkamah dan kini Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah menjatuhkan keputusan bahawa MPSP adalah didapati bersalah kerana enggan mengeluarkan CF dan segala kerugian kena ditanggung oleh MPSP dan saya kira tidak kurang dari RM2 juta, mungkin sampai RM3 juta.

Kalau wang pampasan ini perlu ditanggung oleh rakyat jelata, ini tidak patut, tidak adil. Apa yang kami maksudkan di sini, ahli-ahli Majlis Tempatan dan pegawai-pegawai Majlis Tempatan yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan ini perlu menanggung tanggungjawab mereka dengan memberikan ganti rugi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji bahawa perkara ini akan saya siasat dan seandainya keputusan telah didapati, saya akan memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu parit-parit yang tersumbat dan jalan-jalan dibanjiri oleh air semasa hujan lebat seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan sedar mengenai perkara ini. Tindakan untuk menyelenggarakan kemudahan perparitan di pihak-pihak berkuasa tempatan telah pun dijalankan. Bagi tahun 1995, sebanyak RM50 juta telah pun diperuntukkan untuk tujuan tersebut manakala bagi tahun 1996, RM100 juta lagi telah pun diperuntukkan.

Mengenai keadaan longkang yang tidak memuaskan di Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kinta Barat yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah tersebut dengan pemberian peruntukan untuk memperbaiki sistem perparitan.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat dari Klang mengenai CFO dikeluarkan tetapi keadaan rumah tidak sesuai diduduki, adalah satu kenyataan yang umum dan diminta agar Yang Berhormat berkenaan dapat mengemukakan kes secara spesifik supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai masalah penjaja seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai dan Bukit Bintang, kerajaan sedar dan prihatin mengenai masalah tersebut. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengarahkan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menempatkan penjaja-penjaja yang terlibat ke tempat atau pusat-pusat penjaja yang sesuai dan mengandungi kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Kerajaan Persekutuan ada memberikan bantuan kewangan kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan untuk membina pusat-pusat penjaja yang diperlukan. Mengenai pasar-pasar lama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat, kerajaan memang ada rancangan membina pasar-pasar baru sebagai program berterusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Ipoh Timur, Bagan, Bukit Bintang dan Ipoh Barat telah membangkitkan beberapa perkara mengenai perkhidmatan pemetungan dan Indah Water Konsortium. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pemetungan adalah satu perkhidmatan yang penting untuk perlindungan kesihatan awam dan alam sekitar negara ini. Oleh itu, caj untuk membiayai perkhidmatan ini tidak dapat dielakkan. Caj ini dikenakan selepas perkhidmatan ini mula diambil alih oleh Indah Water Konsortium dalam kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan.

Dakwaan yang mengatakan IWK mengenakan caj tetapi tidak memberikan perkhidmatan adalah tidak tepat kerana sebaik sahaja IWK diarah untuk mengambil alih perkhidmatan pemetungan daripada sesebuah pihak berkuasa tempatan, maka bermulalah

serta-merta tanggungjawab untuk kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan sistem pembedungan awam.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai perkhidmatan pembedungan dan kompelin-kompelin terhadap perkhidmatan, caj dan lain-lain. Adakah kita tahu bahawa kita ada seorang Ketua Pengarah Pembedungan yang bertanggungjawab untuk menjaga, menentukan, memastikan bahawa perkhidmatan pembedungan mengikut standard yang ditetapkan oleh kerajaan? Berapa kakitangan yang ada dalam pejabat Ketua Pengarah Pembedungan?

Bukankah benar bahawa semacam di banyak negeri, langsung tidak ada kakitangan yang boleh menjalankan tugas, tanggungjawab menguatkuasakan atau monitor perkhidmatan Indah Water Konsortium? Kalau begitu, bukankah masa belum siap, belum sampai untuk dikenakan caj sepenuhnya dan perlu satu kajian dalam perkara ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu badan kerajaan diswastakan, maka untuk mengawal selia badan yang telah pun diswastakan tadi, kita tubuh jabatan. Misalnya kalau Tenaga Nasional diswastakan, kita ada Jabatan Bekalan Elektrik dan apabila Jabatan Telekom Malaysia diswastakan, kita juga ada Jabatan Telekom untuk mengawal selia badan yang telah pun diswastakan tadi.

Begitu juga dengan pembedungan. Apabila pembedungan ini diswastakan kepada IWK, maka kita telah menubuhkan Jabatan Pembedungan untuk mengawalselia supaya pembedungan ataupun sewerage di seluruh negara kita ini dapat dipertingkatkan sama ada daripada kuantiti dan juga dari segi kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kementerian untuk memastikan bahawa IWK merancang,....

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:mereka-bentuk, membina dan memulakan penggunaan sistem pembedungan awam baru supaya mencapai matlamat iaitu 85% penduduk di 49 buah pihak berkuasa tempatan yang maju disambung ke sistem pembedungan berpusat, dan 30% penduduk di 95 buah pihak berkuasa tempatan yang kecil disambung ke sistem pembedungan berpusat pada tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja negara kita tetapi di Jepun sendiri pun kalau....

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat kata ada ditubuhkan satu jabatan sewerage untuk mengawal selia perkhidmatan IWK tetapi bukannya benar bahawa tidak ada pejabat-pejabat Jabatan Pembedungan di Ipoh, Perak atau di negeri-negeri yang lain, yang menunjukkan bahawa Jabatan Pembedungan belum siap untuk mengawal selia perkhidmatan ini dan kalau begitu, bukannya lebih wajar bahawa caj yang dikenakan, ditanggung sehingga Jabatan Pembedungan siap untuk menjalankan tugas mengawal selia perkhidmatan pembedungan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, mungkin di Ipoh tidak ada pejabat-pejabat di daerah, tetapi kita ada pejabat Jabatan Pembedungan di Ipoh iaitu untuk mengawasi keseluruhan negeri Perak dan apabila kita mengambil alih negeri Selangor, maka akan ada juga Jabatan Pembedungan untuk negeri Selangor.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita mengakui oleh kerana jabatan ini baru sahaja ditubuhkan iaitu IWK ini baru sahaja diswastakan pada tahun 1993 dan ianya baru sahaja beroperasi tahun sudah dan sudah tentulah ada kelemahan-kelemahan tetapi untuk mengatakan bahawa kita tidak cuba untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi keupayaan Jabatan Pembedungan, saya rasa perlulah kita beri mereka sedikit masa untuk menunjukkan kemampuan dan kebolehan mereka.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Yeong Chee Wah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat. Ini hendak beri siapa dahulu? Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Atas dasar tiada perkhidmatan, tiada bayaran, bolehkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbangkan supaya untuk rumah-rumah kediaman atau kedai atau mana-mana bangunan yang masih menggunakan tangki najis dan penapis yang berasingan atau individu di mana pada masa yang lalu, sebelum pembedungan diswastakan, mereka cuma perlu membayar kepada pihak berkuasa tempatan tatkala tangki najis mereka tersumbat atau belum sempat mereka fikir perlu disedut atau 'sludge' tangki najis itu, mereka pergi kepada pihak berkuasa tempatan untuk meminta perkhidmatan dan cuma membayar. Kalau di Johor Bahru, apa yang saya tahu, cuma RM75 sekali sedut untuk satu lori. Kalau dua lori muatan, RM150 sahaja.

Biasanya, frequency menyedut najis yang diadakan puratanya adalah dalam tempoh satu tahun atau satu setengah tahun. Dalam IWK, cara caj yang dikenakan kepada rumah kediaman yang masih menggunakan tangki najis individu adalah pihak IWK berjanji akan memberikan perkhidmatan menyedut tangki najis dalam dua tahun sekali. Tetapi, memandangkan perkhidmatan ini belum dijalankan, bolehkah cara yang lama dikendalikan? IWK cuma memberikan perkhidmatan bila diminta dan mengenakan bayaran terhadap mereka. Cuma untuk mereka yang sekarang menggunakan tangki logi pembersihan berpusat, barulah IWK boleh mengenakan bayaran kerana, seperti apa yang dikatakan tadi, tiada perkhidmatan, tiada bayaran.

Tangki tangki najis individu itu, mereka tidak mengenakan apa-apa perkhidmatan daripada pihak IWK selain daripada perkhidmatan menyedut najis itu. Ini adalah satu permintaan saya supaya dapat kerjasama daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menimbangkan perkara ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dan saya pun memang telah ada tersedia jawapan. Jadi, saya akan terus baca jawapan ini dan kalau Ahli Yang Berhormat ada apa-apa soalan, saya sedia menjawabnya. Jadi, saya baca dahulu jawapannya, kerana jawapan ini ada tersedia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tangki septik direka bentuk sedemikian rupa supaya enapcemarnya disedut keluar dua tahun sekali. Jika tidak, walaupun tangki tersebut tidak menunjukkan ia telah penuh, hakikatnya air kumbahan yang dilepaskan ke dalam tangki tersebut dilepaskan terus ke longkang-longkang di tepi jalan dan menjadikannya seperti pemetungan terbuka, dengan izin, open sewer.

Sebelum penswastaan, ianya menjadi tanggungjawab pengguna untuk memastikan enapcemar disedut. Malangnya, perkara ini jarang dilakukan. Oleh yang demikian, untuk menentukan tangki septik berfungsi dan hanya melepaskan air kumbahan terawat, IWK telah diarah untuk menyediakan jadual menyedut enapcemar tersebut di tempat yang selamat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, rumah saya sendiri pun saya rasa sudah lima tahun saya tidak sedut. Cuma apabila saya sampai ke kementerian ini baru saya sedar bahawa kita perlu menyedut ataupun di'sludge', dengan izin, dua tahun sekali.

Caj pemetungan yang dikenakan adalah untuk kerja-kerja sedemikian dan ianya.....

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya habiskan dahulu. Dan ianya adalah berpatutan dan munasabah kerana ia adalah untuk kepentingan kita semua dan keselamatan alam sekeliling. Sebelum Indah Water Konsortium menghantar bil-bil pemetungan kepada para penduduk, syarikat tersebut telah melantik sebuah juru perunding untuk menjalankan kerja-kerja penyiasatan bilangan penduduk yang perlu dikenakan bil pemetungan.

Maklum balas yang diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Pemetungan dari Indah Water Konsortium mengenai kesilapan-kesilapan bil menunjukkan bahawa hanya 1% dari hampir 300,000 bilangan bil yang dikeluarkan mengandungi kesilapan. Jumlah ini adalah kecil dan Indah Water Konsortium sudah pun menyelesaikannya.

Asas pengiraan caj yang dikenakan adalah berdasarkan kepada penggunaan air yang bersih sebulan dan bukan jumlah air sebenar yang masuk ke dalam sistem pemetungan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya habiskan dahulu, selepas itu boleh soal. Jika faktor jumlah sebenar air kumbahan memasuki paip pemetungan diambil kira, kosnya mungkin lebih tinggi dan akan membebankan para penduduk.

Mengenai dakwaan bahawa kadar caj pemetungan IWK adalah terlalu tinggi untuk sektor komersil, pihak kerajaan telah mengkaji impak kadar caj pemetungan dan ia menunjukkan kenaikan kos yang kecil sahaja untuk premis komersil apabila diambil kira purata bilangan pelanggan. Sebagai contoh, terdapat kenaikan kos hanya antara 1 sen hingga 8 sen untuk setiap pelanggan kedai kopi ataupun restoran.

Mengenai program capital works Indah Water Konsortium supaya penduduk atau pengguna lebih faham dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Indah Water Konsortium. IWK telah diarah untuk menjalankan promosi secara besar-besaran mengenai perkhidmatannya dan menggunakan segala jenis media yang ada supaya mesej yang hendak disampaikan mencapai matlamat dan berkesan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat berusaha untuk menjawab soalan-soalan mengenai IWK, di sini saya hendak menekankan bahawa kami dari sebelah sini pun pada mula-mula lagi menyangka masalah ini akan berlaku. Sebab itu kita tidak setuju dengan sistem yang digunakan sekarang.

Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dari se masa ke semasa saya ada berhubung dengan pihak IWK untuk menyelesaikan masalah seperti septic tank, inhawk tank dan sebagainya. Tetapi masalahnya, mungkin pihak IWK setakat ini tidak mempunyai kakitangan yang cukup mahir ataupun tidak cukup modal untuk memperbaiki keadaan. Misalnya di Kampung Batu di Kepong sekarang ini, ada inhawk tank system. Hampir tiap-tiap minggu saya terpaksa menelefon kepada IWK kerana masalah pembedungan. Entah sudah berapa bulan - apakah masalahnya? Ini masalah. Mungkin tidak cukup orang yang mahir yang dapat memperbaiki keadaan. Dan juga di Batu 6 1/2, Kepong, ada tempat pam pembedungan di mana penagih-penagih dadah masuk ke situ kerana pam ini menjadi tempat persembunyian mereka kerana ada pokok-pokok, ada yang merangkak dan sebagainya, jadi ia jadi tempat persembunyian.

Entah berapa kali saya bangkitkan perkara ini supaya IWK memperbaiki keadaan dengan membersihkan tempat itu dan sebagainya tetapi susah mereka hendak melakukan kerja seperti ini. Apakah masalahnya?

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan bahawa dari segi kementerian, kita hanya mempertahankan daripada segi dasar penswastan kerana kita mahu supaya penswastan pemetungan ini berjaya dan semoga matlamat kita untuk mendapatkan keadaan alam sekitar yang lebih baik dan bersih dapat kita capai. Tetapi seandainya ada kelemahan-kelemahan operasi IWK, maka pihak kementerian tidak akan teragak-agak untuk meminta supaya IWK memperbaiki perkhidmatan mereka kerana yang kita perlukan ialah kita mempertahankan dasar penswastan pemetungan, tetapi kita tidak akan mempertahankan seandainya ada operasi ataupun pelaksanaan kerja oleh IWK yang tidak memuaskan. Perkara ini, kementerian bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat akan memastikan bahawa IWK akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti, yang baik dan yang memuaskan kepada pelanggan-pelanggan.

Tuan Ho Cheong Seng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang mana? Sila.

Tuan Ho Cheong Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang jurutera perunding ingin memaklumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa cara pemerosesan pelan pengkhususan adalah terlalu lewat. Ini adalah disebabkan semua cadangan untuk sewerage treatment plan atau cadangan tangki najis untuk individual seperti rumah banglo dan rumah kampung bagi seluruh negara ada diluluskan oleh seorang jurutera

sahaja dan ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk mendapatkan kelulusan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelan-pelan yang dikemukakan kepada majlis-majlis tempatan, sememangnya Jabatan Pembetungan tidak mempunyai kakitangan yang cukup kalau kita hendak proses semua pelan-pelan ini. Tetapi pelan ini sebenarnya ada juga dihantar satu salinan kepada IWK dan akhirnya IWK sendirilah yang terpaksa memproses dan meluluskan pelan.

Ini serupa juga apabila kita misalnya melaksanakan sistem penswastan kereta-kereta kerajaan kepada Spanco. Kalau dahulu kita hantar kereta-kereta ini untuk dibaiki, kita kena pastikan yang kereta ini betul-betul dibaiki dan kos untuk membaiki ini adalah kos yang sebenar. Tetapi sekarang oleh kerana kita membayar bulanan kepada Spanco, maka Spancolah yang terpaksa memastikan yang kereta ini dijaga dengan baik "maintenance"nya dan kerosakan-kerosakannya, bilnya bertepatan kerana kalau ini tidak dapat dipastikan oleh Spanco maka sudah tentulah Spanco akan menghadapi kerugian. Begitu juga dengan IWK. Mereka mesti memastikan bahawa pelan yang dikemukakan kepada mereka adalah pelan yang bertepatan kerana akhirnya apabila perumahan ini siap, maka IWK terpaksa mengambil tugas tanggungjawab untuk mengendalikan sistem pembetungan (sewerage) yang telah pun diluluskan oleh mereka. Jadi, kalau mereka luluskan sesuatu yang tidak tepat, tidak baik, maka akhirnya IWKlah yang terpaksa menanggung risiko ataupun kosnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.....

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Teng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi setelah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan tentang mengapa tangki-tangki najis individu pada masa sekarang dikenakan caj oleh IWK atas sebab dari segi pencemaran yang kemungkinan berlaku kerana tangki najis overflow. Apa yang saya ketahui bahawa kes-kes begini memang kurang, kerana bila sesuatu labusi ada backflow, pemilik sudah tahu bahawa tangki najis mereka sudah tersumbat dan akan terus berhubung dengan pihak berkuasa tempatan untuk perkhidmatan menyedut. Itu adalah apa yang berlaku pada masa sebelum diswastakan. Tetapi pada masa sekarang, sebelum apa-apa tindakan perkhidmatan yang diberikan oleh IWK, pemilik-pemilik sudah dikenakan bayaran, ini tidak wajar kerana atas prinsip tiada perkhidmatan, tiada bayaran. Saya harap kalau boleh dengan kerjasama daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mendapatkan kerjasama dari pihak IWK memberikan perkhidmatan dahulu baru mengutip bayaran daripada pemilik-pemilik yang menggunakan tangki najis individu kerana kalau tidak kita Wakil Rakyat dari semua kawasan yang mana penswastaan pembetungan yang sedang dijalankan sering mendapat banyak aduan daripada mereka yang menggunakan tangki najis individu atau yang menggunakan tandas curah di kampung. Ini memang tidak mengenakan apa perkhidmatan harian daripada mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: ...saya harap...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membuat ucapan, Yang Berhormat. Yang Berhormat membuat ucapan itu.

Tuan Chang See Teng: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan kepada saya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun dibangkitkan semasa beliau membuat ucapan membahaskan peruntukan dan saya ingin menegaskan di sini bahawa sejak kita mencapai kemerdekaan, kurang sekali kita membaiki sistem pmbetungan di negara kita ini. Kalau kita lihat berapa banyak tangki air yang ada di negara kita ini, reservoir, dengan izin, misalnya kalau kawasan-kawasan di luar bandar di Perak, hampir 80% sekarang ini telah pun mendapat air bersih. Air yang treated dengan klorin dan sebagainya. Bermakna kita mengambil air daripada punca-punca air dan kita "treat"kan air ini supaya air ini sampai boleh diminum. Tetapi apabila kita pergi ke tandas, dengan izin, najis-najis yang kita lepaskan ini terpaksa juga dibersihkan (treat) sebelum ianya dilepas masuk semula ke sungai. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini apabila ada desludge ataupun penyedut enapcemar, maka najis-najis yang disedut tadi dilepaskan balik ke dalam parit ataupun ke dalam sungai.

Tetapi apabila kita menswastakan pmbetungan ini kepada IWK, kerajaan telah pun memberi amaran kepada mereka bahawa mereka tidak dibolehkan membuang enapcemar yang disedut tadi ke dalam sungai ataupun ke dalam parit dan seandainya ini berlaku, maka tindakan yang tegas akan diambil oleh pihak kerajaan kepada IWK. Jadi, Tuan Yang di-Pertua bermakna apa yang...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat cukuplah. Kita kurang masa. Banyak lagi jawapan. Ada lima lagi. Teruskan ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak kementerian pun akan mengadakan sesi dialog dengan Wakil-wakil Rakyat di Selangor, oleh kerana IWK baru sahaja mengambil alih pmbetungan di negeri Selangor. Kita akan mengadakan dialog dengan Wakil-wakil Rakyat Selangor pada 20hb. nanti. Bermakna

kementerian tidak berlepas tangan dalam masalah ini dan kita akan cuba untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau berhubung perkembangan pembangunan termasuk kawasan perumahan di Pulau Pinang. Bagi kawasan yang dimaksudkan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menyediakan dan mewartakan rancangan struktur mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172. Sehubungan dengan ini, segala permohonan pembangunan fizikal hendaklah berpandukan kepada rancangan struktur itu.

Pada masa kini, pembangunan di kawasan luar bandar adalah berpandukan kepada pelan non-statutory iaitu rancangan pembangunan daerah dan pelan pusat pertumbuhan desa. Walau bagaimanapun, kawasan tersebut perlu diisytiharkan sebagai kawasan pihak berkuasa perancang tempatan dan memakai peruntukan Akta 172 yang sedia ada bagi rancangan struktur dan rancangan tempatan. Maka tidak perlu mengadakan satu undang-undang khusus rancangan pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat dan Selangau iaitu mengadakan khidmat pengiring bermotosikal (outrider), ianya adalah bidang kuasa Polis Trafik di negara kita. Buat masa ini Polis Trafik memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pihak bomba apabila diperlukan bantuan outrider. Maka pihak bomba tidak perlulah mengadakan outrider sendiri.

Bagi kawasan bandar yang mempunyai kesesakan lalu lintas, strategi yang baik bagi keberkesanan pergerakan bomba adalah dengan menubuhkan lebih banyak balai-balai kecil di pusat-pusat bandar. Kementerian dan bomba juga sedang memikirkan.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Bagan bangun Yang Berhormat. Bagan bangun, hendak beri jalankah tidak?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya habis dulu. Kementerian juga bersama-sama dengan bomba sedang memikirkan langkah iaitu untuk mengadakan pasukan bomba bermotosikal untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk menubuhkan balai-balai bomba kecil di pusat bandar telah dimulakan dan diharap dapat diperkembangkan lagi.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya rasa masa pun sudah singkat, saya terus habislah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya sedia untuk berbincang dengan Ahli Yang Berhormat di luar Dewan seandainya ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Selangau iaitu pembinaan balai bomba di pekan Selangau, Jabatan Bomba belum dapat tapak yang sesuai bagi pembinaan balai bomba yang tersebut. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberi apabila dikenal pasti tapak yang sesuai kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan peruntukan kementerian....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: ... dan bagi perkara-perkara yang tidak dapat saya jawab ianya tetap akan dipertimbangkan oleh kementerian. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

6.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan komitmen Yang Berhormat bersama-sama membantu kementerian ini untuk membangunkan kawasan luar bandar.

Sepanjang perbahasan tersebut banyak perkara berkaitan dengan kementerian ini telah dibangkit dan dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara tersebut adalah berkenaan dengan Program Pembangunan Rakyat Termiskin; KEMAS; peruntukan pembangunan luar bandar; bekalan air luar bandar; bekalan elektrik luar bandar; jalan kampung; jalan luar bandar; penyelenggaraan jalan-jalan kampung; Program Pembinaan Insan dan aktiviti-aktiviti ekonomi di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pada keseluruhannya Program KPLB akan dibuat dengan pelbagai pengubahsuaian selari dengan falsafah dan strategi baru KPLB iaitu untuk memajukan kawasan luar bandar supaya ia maju, menarik dan menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin 9 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara. Yang Berhormat dari Kangar,

Yang Berhormat dari Arau dan Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan keperluan perlunya kesungguhan dan iltizam kerajaan dalam memerangi kemiskinan tanpa mengira kaum, usia dan jantina serta pelaksanaan mestilah terancang dan tersusun.

Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan sememangnya beriltizam untuk mengurangkan kadar kemiskinan dari 17.1% kepada 7.2% menjelang tahun 2000. Manakala kadar termiskin pula akan dikurangkan kepada 0.8% pada tahun 2000 berbanding dengan 4% pada tahun 1990. Pada angka ini kerajaan menganggap masalah rakyat termiskin telah dapat diatasi sepenuhnya dan hanya segelintir sahaja rakyat termiskin yang wujud pada masa itu adalah terdiri daripada kes-kes kebajikan, iaitu golongan tua, cacat dan yang uzur.

Bagi memastikan objektif ini tercapai kerajaan telah menggariskan strategi-strategi berikut dalam usahanya mempergiatkan pelaksanaan program kemiskinan khususnya program rakyat termiskin.

- (i) Mewujudkan dan mengemaskini secara berkala daftar dan profail keluarga termiskin, ianya digunakan sebagai asas perancang untuk merangka program-program PPRT.
- (ii) Menyediakan pelan-pelan tindakan PPRT kebangsaan, negeri dan daerah yang dijangka siap pada awal tahun 1996.
- (iii) Pelaksanaan Program PPRT diberi tumpuan kepada 6 buah negeri iaitu, Sabah, Kelantan, Kedah, Sarawak, Terengganu dan Perak kerana negeri-negeri ini mempunyai bilangan keluarga termiskin yang tinggi.
- (iv) Pakej bantuan PPRT disusun pula dengan menitikberatkan kepada pembangunan projek-projek ekonomi untuk umur yang boleh bekerja, pembangunan insan, latihan kemahiran dan pendidikan. Ianya juga akan dibuat secara bersepadu dan melibatkan semua peringkat agensi

Persekutuan dan Negeri. Untuk itu satu garis panduan pelaksanaan PPRT akan diwujudkan.

Yang Berhormat dari Tenom dan Beaufort mencadangkan supaya satu program khusus mengenai kemiskinan digubal dan dilaksanakan untuk negeri Sabah mengambil kira keunikan masalah sosio-ekonomi yang wujud di negeri itu. Mengenai ini memang bagi negeri Sabah dan Sarawak, kita mengambil kira keunikan masalah kedua-dua negeri ini, maka pelaksanaan akan dilaksana melalui satu strategi khusus untuk kedua negeri ini untuk strategi, untuk pembangunan wilayah dan pembangunan secara bersepadu. Ini berlandaskan kepada pengwujudan rangkaian perhubungan dengan mencetuskan kegiatan ekonomi dan pengwujudan pusat-pusat pertumbuhan baru.

Yang Berhormat dari Baram dan Yang Berhormat dari Selangau mencadangkan supaya usaha mendaftar rakyat termiskin di Sarawak dipercepatkan dan untuk menentukan tidak ada rakyat termiskin tidak didaftar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pendapatan Isu Rumah 1992 bilangan rakyat termiskin di Sarawak ialah 10,700 keluarga dan sekarang daftar ini akan dikemaskini di bawah urusan penyemakan semula daftar dan profail keluarga termiskin. Ianya dijalankan di seluruh Sarawak sekarang, jadaai sekiranya ada senarai-senranai ataupun keluarga-keluarga termiskin yang tidak termasuk dalam kajian ataupun daftar ini, yang diketahui oleh Yang Berhormat, kita minta Yang Berhormat sekalian memberi laporan kepada pegawai daerah supaya mereka ini dapat dimasukkan dalam senarai tersebut.

Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan keraguannya ke atas keupayaan kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan ke tahap sifar pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut di atas tadi kerajaan memang beriltizam dan komited untuk memerangi masalah kemiskinan. Kita tahu ini adalah satu usaha yang bukan

mudah, tetapi kita penuh yakin bahawa kita boleh mengatasi masalah ini dengan segala strategi yang telah diatur untuk memastikan matlamat membasmi kemiskinan dapat dicapai menjelang tahun 2000 dan jua merupakan satu daripada objektif dasar pembangunan negara. Bagi mencapai matlamat ini, seperti saya sebut awal tadi, perkara ini bukan mudah, maka kita perlu kerjasama dari semua pihak termasuk Yang Berhormat dari Keningau supaya usaha kita untuk membasmi kemiskinan ini dapat berjaya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Matlamat kerajaan untuk mencapai kemiskinan sifar di Sabah pada tahun 2000, sekarang sudah tahun 1995, lagi 5 tahun, sangat dekat. Bolehkah kita dengar apa target tahunan mengenai pembasmian kemiskinan di Sabah sekarang dan tahun-tahun sehingga tahun 2000 atau sampai sekarang belum ada target target tahunan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional tidak menjanjikan bahawa kadar kemiskinan akan mencapai tahap sifar. Itu hanya tuduhan dari Yang Berhormat dari Keningau. Walau bagaimanapun, untuk matlamat keseluruhan negara kita telah merancang bahawa menjelang tahun 2000 kadar kemiskinan di seluruh negara bagi rakyat termiskin adalah dapat dikurangkan kepada 0.8%. Untuk mencapai usaha ini.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut untuk mendapat penjelasan. Mungkin Yang Berhormat

Tuan Douglas Uggah Embas: Boleh saya habiskan dahulu?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Douglas Uggah Embas: Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan telah mengarahkan bahawa satu bancian, satu daftar untuk mengemaskinikan daftar keluarga termiskin dibuat di seluruh negeri Sabah untuk menentukan bahawa kita dapat mengenal pasti mana rakyat yang termiskin ini.

Yang kedua, selepas ini telah dibuat, selepas kita mengenal pasti, kita telah mengarahkan tiap-tiap daerah untuk mengadakan satu plan tindakan masing-masing. Tujuan kita mengarahkan plan tindakan ini supaya mereka yang tahu dengan masalah setempat akan mengatitkan satu rancangan yang kita harapkan rancangan itu dapat menyelesaikan masalah di kawasan tersebut. Maka dengan tujuan ini, dengan cara ini, kita yakin bahawa menjelang tahun 2000 kita akan dapat mengurangkan kadar kemiskinan seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat kata bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak berjanji bahawa kemiskinan akan diturunkan ke kadar sifar di tahun 2000, bahawa inilah yang didakwakan oleh Yang Berhormat dari Keningau.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Sarawak bukan dari Sabah, mungkin beliau tidak tahu bahawa dalam pilihan raya besar di tahun 1994 di negeri Sabah, satu jaminan, satu program Barisan Nasional di negeri Sabah ialah untuk membasmi kemiskinan di Sabah sehingga tahap sifar.

Adakah sekarang kerajaan Barisan Nasional menarik balik janji pilihanraya Barisan Nasional ini di negeri Sabah di tahun 1994 dan mengatakan bahawa ini tidak lagi menjadi janji Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong memang suka bermain politik dan suka hendak mencari di mana dia dapat menyusahkan ataupun mencari kesilapan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita pada dasarnya berusaha untuk menyelesaikan masalah kemiskinan ini dengan seberapa boleh, tetapi Yang Berhormat mesti tahu apa

bezanya kadar kemiskinan dan kadar termiskin yang kita sebut untuk matlamat kita pada tahun 2000. Tetapi keseluruhannya, memang kita berusaha dan kita harap, walaupun saya dari Sarawak, saya pun sama-sama orang dari Malaysia dan sama-sama sedar bahawa Barisan Nasional sentiasa berpegang kepada apa-apa janji yang dibuat. Kalau kita dapat, kita memang hendak menyelesaikan masalah kemiskinan seperti yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun pula.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya merasa amat gembira di atas keprihatinan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk mempertingkatkan ekonomi dan kedudukan orang-orang yang miskin walaupun banyak lagi perlu dibuat, saya kira kita kena beri masa untuk kementerian menjalankan tugasnya. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dapat lihat banyak syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi yang telah mendapat keuntungan yang begitu baik. Apakah kementerian mempunyai cadangan untuk kita bekerjasama dengan syarikat-syarikat ini supaya syarikat-syarikat ini mengadakan sistem anak angkat untuk membangunkan ekonomi orang-orang yang miskin ini dan segala perbelanjaan itu mungkin kita boleh cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya bantuan disalurkan daripada keuntungan perniagaan syarikat-syarikat ini, seperti Telekom, Petronas dan agensi-agensi lain dikecualikan daripada cukai?

Jadi, peruntukan yang diberi untuk menolong orang-orang miskin ini dikecualikan daripada cukai. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya ini supaya tanggungan bukan semua kepada kerajaan tetapi juga kepada syarikat-syarikat yang mendapat

keuntungan daripada pertumbuhan ekonomi negara kita ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Douglas Uggah Embas: Terima kasih saya ucapkan kepada kawan saya dari Yan yang sentiasa membuat cadangan yang baik. Memang dalam usaha kita mengatasi masalah penduduk di luar bandar, kita mengambil berbagai pendekatan. Satu pendekatan yang kita akan ambil ialah seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, untuk melibatkan pihak swasta yang telah berjaya mendapat keuntungan bahawa mereka juga menaburkan bakti kepada rakyat di luar bandar.

Untuk makluman Dewan ini, kita memang sudah ada satu program yang kita hendak jalan yang sedang dirancang sekarang yang kita sebut sebagai 'Bakti Desa' di mana kita berharap syarikat-syarikat besar ini akan mengambil bahagian untuk menganakangkatkan kampung-kampung di luar bandar dan telah jug dibuat pengumuman oleh Menteri Kewangan bahawa pertimbangan akan diberi kepada syarikat-syarikat ini supaya apa-apa perbelanjaan yang mereka buat untuk membantu atau menganakangkatkan kampung-kampung di luar bandar akan dipertimbangkan mengenai cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Selangau mencadangkan supaya kadar bantuan rumah PPRT ditingkatkan. Memang perkara ini sekarang dalam pertimbangan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang berkaitan dengan KEMAS telah dibangkit oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Tambun mencadangkan supaya skim perkhidmatan KEMAS disusun semula dan mewujudkan jawatan-jawatan tetap. Kementerian sedar akan keperluan untuk mengemaskinikan skim perkhidmatan kakitangan kontrak/sambilan KEMAS dan untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju

untuk membuat kajian menyeluruh mengenai perkara ini supaya skim-skim perkhidmatan kakitangan kontrak ini dapat diubahsuai mengikut perkembangan semasa.

Yang Berhormat dari Sibu telah mencadangkan supaya lebih banyak lagi Tadika di luar bandar di Sarawak, seperti di rumah panjang ditubuhkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti-aktiviti KEMAS di kawasan luar bandar di Sarawak termasuk rumah panjang akan juga dipertingkatkan mengikut keupayaan seperti kesesuaian tempat dan keperluan kakitangan yang terlatih.

Yang Berhormat dari Ledang pula ingin mengetahui sama ada pertambahan peruntukan pengurusan kementerian ini melibatkan kenaikan gaji kakitangan KEMAS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertambahan peruntukan pengurusan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam Belanjawan 1996 tidak termasuk perkiraan kenaikan gaji kakitangan kontrak sambilan KEMAS. Walau bagaimanapun, seperti mana saya sebutkan tadi, perkara ini dalam kajian yang menyeluruh yang sedang dibuat oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan program infrastruktur luar bandar, sepuluh daripada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara bersabit dengan infrastruktur.

Yang Berhormat dari Santubong mencadangkan supaya proses pengagihan peruntukan bagi jalan luar bandar dan jalan kampung, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar dipercepatkan. Sebenarnya tidak timbul isu kelewatan pengagihan peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan. Umpamanya, projek jalan luar bandar dan peningkatan taraf jalan kampung. Apa yang sentiasa berlaku yang telah melambatkan pelaksanaan projek-projek ini dan memperuntukkan peruntukan kepada negeri-negeri ialah kerana ada beberapa negeri yang sentiasa mengubah

senarai-senarai asal yang diberikan kepada kementerian. Apabila perubahan dibuat, ianya akan melambatkan kementerian untuk memberikan peruntukan. Maka peruntukan tidak dapat diberikan lebih awal. Berdasarkan amalan kementerian, waran pertama peruntukan tahunan biasanya akan dikeluarkan pada awal bulan Februari bagi tahun yang berkenaan manakala waran berikutnya dikeluarkan selepas kementerian membuat kajian prestasi dalam bulan Julai di mana peruntukan akan dikeluarkan bergantung kepada keperluan pihak negeri.

Walau bagaimanapun, kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi kita maklum balas mengenai apa-apa masalah yang timbul kerana kadang-kadang di peringkat daerah timbul masalah pelaksanaan di mana projek itu tidak dapat dilaksanakan untuk akhir tahun.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah menyentuh mengenai dengan infrastruktur.

Mengenai dengan pelaksanaan bekalan elektrik di luar bandar, memang ada kelambatan, yang dikenal pasti adalah dikatakan bahawa di Sabah, Lembaga Letrik Sabah lambat membuat survey ataupun costing dan juga terlalu banyak red tape dari segi pelaksanaan. Ini mungkin dikenal pasti oleh kementerian. Apakah kementerian bercadang ataupun ada cadangan untuk membuat pakej secara besaran supaya dilaksanakan sekali gus untuk pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar untuk mengelakkan red tape yang begitu banyak?

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sekarang sedang mengkaji pendekatan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar di Sabah. Kita berharap keputusan akan dibuat secepat mungkin supaya kita dapat menentukan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar dapat dipercepatkan kerana liputan bekalan elektrik luar bandar di Sabah masih rendah. Kita

tahu sekarang banyak masalah pelaksanaan dan oleh itu, kementerian sedang berusaha mencari apakah pendekatan yang sesuai untuk negeri Sabah.

Yang Berhormat dari Bandau meminta peruntukan lebih besar diperuntukan bagi projek jalan kampung di Sabah. Begitu juga Yang Berhormat dari Sibu minta peruntukan yang adil diberi kepada Sarawak bagi projek jalan luar bandar atau jalan kampung. Untuk makluman Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, strategi pengagihan peruntukan untuk projek-projek kampung dan sebagainya adalah mengikut keperluan negeri-negeri, yang pertama. Yang kedua, mengikut keupayaan negeri-negeri tersebut untuk melaksanakan projek-projek jalan kampung dan jalan luar bandar. Itu secara umumnya.

Dalam proses ini, kementerian amat prihatin dan mengambil kira tahap pembangunan sesebuah negeri. Pada masa ini, agihan kepada negeri-negeri untuk 1996 memang belum muktamad. Tetapi untuk negeri Sabah adalah dianggarkan RM6 juta akan disalurkan bagi projek peningkatan taraf jalan kampung. Seterusnya untuk membaiki projek-projek yang tidak sempat disempurnakan pada tahun 1995. Jumlah peruntukan ini adalah terbesar berbanding negeri-negeri yang lain, dan ini ditimbang atas berdasarkan tahap pembangunan, dan pengagihan ini juga dibuat mengambil kira pembangunan seperti apa yang saya sebut tadi. Demikian, tidak timbul masalah ketidakadilan dari segi pengagihan peruntukan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada kementerian kerana diperuntukkan sebanyak lebih kurang RM4 juta untuk menaikkan dan memperbaiki jalan-jalan luar bandar sejauh 2,102 kilometer. Tetapi itu hanya menaik dan membaiki jalan. Jadi, peruntukan untuk jalan baru saya tak nampak. Adakah peruntukan asing yang kementerian dapat untuk jalan baru? Kerana bandar makin besar,

orang masuk kampung, buka kampung baru, tetapi jalan tidak ada. Jadi, saya hendak tahulah kalau boleh, adakah peruntukan asing untuk jalan-jalan baru. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu, keseluruhan negara berapa jauh dan berapa panjang jalan yang perlu diperbaiki supaya keseluruhan tanah air kita ini di Malaysia ini mempunyai jalan yang baik dan setaraf dengan negara kita yang maju?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat menyebut tadi RM408 juta untuk menyelenggara.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Menyelenggara dan menaikkan taraf jalan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pada tahun 1996, kementerian mendapat RM70 juta untuk menyelenggara jalan luar bandar dan jalan kampung. Selain itu, Kementerian Kemajuan Tanah dan Koperasi juga kepada FELDA telah memperuntukkan RM30 juta untuk menyelenggara. Bagi KPLP, RM70 juta itu adalah untuk menyelenggara di kawasan Kemajuan Wilayah. Ada juga peruntukan dalam Jabatan Perdana Menteri untuk Unit Penyelarasan Pelaksanaan adalah RM100 juta. Jadi, itulah jumlah bagi menyelenggara jalan-jalan luar bandar dan jalan kampung dalam perbelanjaan tahun 1996, bukan RM408 juta sepertimana kata Yang Berhormat tadi.

Untuk jalan baru, jalan kampung.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, beri dia habis dahulu jawab.

Tuan Douglas Uggah Embas: Untuk jalan kampung, kementerian dapat peruntukan RM40 juta untuk jalan-jalan kampung yang baru. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah dapat permohonan untuk 18,911 kilometer jalan-jalan kampung di seluruh negara yang perlu dinaik taraf. Untuk menaik taraf ini kepada standard yang diperlukan, kita memerlukan RM1,134 juta. Kita harap kementerian akan berusaha untuk mencari peruntukan

ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dari luar bandar yang bercakap di Parlimen ini sama-sama berusaha merayu kepada kerajaan membantu kita dalam mendapat peruntukan ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada peruntukan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi juga merangkumi jalan-jalan PJK bagi kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli? Dan adakah juga peruntukan ini termasuk untuk jalan-jalan ke kawasan-kawasan FELCRA, di mana peserta FELCRA juga terdapat di dalam kawasan tersebut. Umpamanya, di kawasan saya sendiri di Jelebu, iaitu FELCRA Kampung Esok yang jauhnya 13 kilometer daripada jalan besar.

Tuan Douglas Uggah Embas: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi sama ada peruntukan ini termasuk menyelenggara jalan kampung di perkampungan Orang Asli. Memang termasuk dalam yang diperuntukkan kepada Jabatan Perdana Menteri, Unit Pelaksanaan Penyelarasan tadi. Bagi FELCRA, memang FELCRA ada peruntukan sendiri. Kalau tidak, mungkin dianggapkan sebagai peruntukan dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkitkan bahawa kurang dari 50% dari rakyat termiskin di Sabah menikmati bekalan elektrik, hanya 10% mendapat bekalan air. Begitu juga Yang Berhormat dari Baram pun minta supaya peruntukan lebih diberi kepada pembekalan air luar bandar dari kawasan desa Sarawak, termasuk umpamanya di Baram. Dalam menyediakan bekalan elektrik di kawasan luar bandar, beliau mencadangkan supaya penjanaan dibolehkan dari sumber-sumber alternatif seperti tenaga solar dan hidro.

Yang Berhormat dari Selangau juga membangkit mengenai masalah bekalan air bersih di kawasan rumah panjang yang tidak ada bekalan elektrik. Mengenai perkara ini, saya menjelaskan di sini kerajaan memang sedar bahawa liputan bekalan air dan elektrik yang sederhana di Sabah dan Sarawak. Liputan bekalan elektrik di luar bandar di Sarawak ialah 97%, di Sabah hanya 65%. Manakala bekalan air luar bandar liputan di Sarawak adalah 62% dan di Sabah 64%. Kedudukan demikian bukan merupakan masalah ketidakupayaan kerajaan untuk melaksanakan projek-projek itu, tetapi adalah disebabkan kedudukan rumah-rumah dan kampung-kampung yang berselerak serta terpencil di pedalaman menyebabkan kos pembekalan elektrik dan air melalui sistem konvensional menjadi terlalu tinggi dan tidak munasabah.

Bagi mengatasi masalah tersebut dan untuk mempercepatkan liputan bekalan elektrik dan air, sejak tahun 1995 akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan menggunakan sistem alternatif bagi pembekalan elektrik dan air di kedua-dua negeri ini. Antaranya adalah sistem solar, hydride, gen-set dan hidro bagi melaksanakan bekalan elektrik. Bagi bekalan air pula, kaedah alternatif yang dikenal pasti ialah menggunakan loji air untuk air payau, loji air menggunakan penapis 'slow sand', dengan izin, loji air bawah tanah dan rawatan air berkuasa suria.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Serai membangkitkan isu penyelenggaraan jalan-jalan luar bandar perlu dipertingkatkan dan hendaklah adanya kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan dan swasta untuk melaksanakan kerja tersebut. Kerja-kerja seperti pemasangan pengaliran paip, kabel dan sebagainya oleh pelbagai badan harus dirancang dan diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum akan saranan berkenaan, dan sukacita dimaklumkan bahawa dalam pelaksanaan jalan luar bandar yang dilaksanakan oleh

Jabatan Kerja Raya. Agensi berkenaan akan menyelaras aktiviti-aktiviti kerja fizikal dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Bekalan Air, Tenaga Nasional Bhd. dan sebagainya. Kementerian ini sentiasa meminta semua agensi, jabatan terlibat dalam melaksanakan jalan luar bandar memberi perhatian di atas perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Lumut meminta peruntukan yang secukupnya disalurkan ke kawasan beliau bagi melaksanakan program kemudahan asas. Kementerian mengambil perhatian perkara ini dan beliau bolehlah berjumpa dengan pegawai di kementerian ataupun dengan menteri untuk berbincang mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas telah meminta supaya peruntukan pembangunan luar bandar dapat diagih-agihkan dan dibelanjakan secara baik mengikut saluran tertentu, janganlah hanya disalurkan melalui pejabat pusat Persekutuan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat walaupun negeri Kelantan sekarang ini diperintah oleh kerajaan Perpaduan Ummah, dari segi peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Keenam, negeri Kelantan mendapat lebih kurang 10% daripada jumlah peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ianya merupakan lebih dari purata peruntukan yang diperolehi bagi negeri-negeri di seluruh negara.

Mengenai tuduhan Yang Berhormat bahawa peruntukan itu hanyalah dibelanja di kawasan Peringat dan kawasan Jeli, ingin saya menjelaskan di sini bahawa peruntukan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah diberi mengikut keperluan dan permohonan dan ini juga dibelanjakan bukan hanya di dua kawasan yang disebut tadi, dibelanjakan di beberapa kawasan yang lain; di Gua Musang, Tanah Merah, Kuala Krai dan sebagainya. Dari segi saluran peruntukan mengikut arahan No. 1 tahun 1991, garis panduan pelaksanaan

menetapkan projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, peruntukannya perlu diselaraskan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan. Amalan ini bukan sahaja di negeri Kelantan tetapi juga di negeri-negeri yang lain. Maka, ianya akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat dari Ledang membangkitkan masalah kesulitan pengusaha-pengusaha kecil untuk mendapat pinjaman mengesyorkan supaya kementerian ini mengesan dan memandangkan pengusaha-pengusaha kecil melalui Wakil-wakil Rakyat dan Jabatan KEMAS negeri supaya bantuan dapat diberi secara terancang dan teratur. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat itu, saya ingin memaklumkan bahawa program memberi pinjaman kepada pengusaha kecil bukan merupakan program di bawah kementerian ini. Walau bagaimanapun, kementerian adalah memberi bantuan di bawah projek peningkatan ekonomi kampung dalam bentuk peralatan dan mesin.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi ucap terima kasih kepada pihak kementerian kerana memberi bantuan bukan pinjaman untuk industri kecil di luar bandar. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi sedikit masalah, bila kita beri jentera, kita beri alat untuk dia orang berniaga tetapi masalah yang mereka hadapi adalah masalah pemasaran, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kadang-kadang dia buat kopi di Yan, Tuan Yang di-Pertua, dia jual di Yan sahaja, dia tak boleh jual di Alor Star, modal tak sampai. Jadi boleh dak kementerian bekerjasama dengan FAMA untuk FAMA memasarkan barang-barang ini dan kita dapat menolong membantu mereka mempertingkatkan perniagaan mereka. Ini, cadangan Tuan Yang di-Pertua, kalau kementerian boleh mengambil satu inisiatif yang baru, kita boleh mencadang dengan Kementerian Pertanian supaya FAMA menjadi agensi memasarkan barang-barang keluaran

orang-orang kampung ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Ini Pengerusi FAMA kah? [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar, satu masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha industri kecil di luar bandar ialah pemasaran. Oleh yang demikian, maka kementerian sekarang meneliti segala bantuan yang akan diberi kepada pengusaha-pengusaha kecil ini dan kita dalam bahagian industri luar bandar, kita telah meneliti dan merancang dan merencana mana-mana kita dapat memberi bantuan yang lebih, lebih berkesan yang dapat meningkatkan kejayaan mereka ini dan saya rasa cadangan Yang Berhormat dari Yan itu adalah baik dan kalau FAMA bersedia untuk memasarkan keluaran-keluaran dari pengusaha-pengusaha kita, kita dapat berunding. Saya harap kedua-dua pihak dari Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bahagian berkenaan boleh mula memikirkan bagaimana FAMA dapat membantu kita memasarkan produk kerana bagi kementerian, bahagian industri kita, usaha kita adalah untuk to complement usaha-usaha dari kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dari kementerian-kementerian yang lain di mana mereka juga membangunkan pengusahawan-pengusahawan di luar bandar. Oleh itu, kementerian kita mengadakan bantuan peralatan dan mesin secara bantuan bukan secara pinjaman dan selain daripada itu kita juga ada memberi nasihat dan sebagainya kepada pengusaha dan juga sekarang kita hendak fikir bagaimana kita hendak membantu mengenai masalah pemasaran. Jadi, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat, kita harap kita dapat memulakan kerjasama untuk membantu pengusaha kita di luar bandar supaya mereka ini dapat.... *Mesyuar*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: ...dapat sama-sama berjaya dalam usaha mereka.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan terima kasih atas kelulusan kementerian untuk memberi bantuan industri kampung (PPEK). Tetapi bagi negeri Sabah, pada dua tahun yang lalu, kita mempunyai banyak permohonan daripada kawasan ataupun daripada Parlimen tetapi bagi kawasan saya satu pun tidak ada yang diluluskan. Jawapan yang diberikan kerana peruntukan begitu sedikit, jadi agaknya pada Rancangan Malaysia Keenam ataupun tahun hadapan, berapakah peruntukan untuk negeri-negeri supaya dapat kelulusan tiap-tiap kawasan untuk projek PPEK?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang baru-baru ini projek bantuan mesin ini kita bekukan. Apa sebab kita bekukan kerana kita sedang mengkaji apakah kelemahan-kelemahan yang telah dialami dalam kita melaksanakan program peralatan mesin ini. Maka, setelah kita meneliti masalah ini, lepas itu kita dapat cari cara bagaimana kita mencari pendekatan yang lebih baik supaya program ini dapat dijalankan semula dan supaya tahap kejayaan kita boleh dapat dicapai dengan lebih.

Mengenai peruntukan tahun 1996, saya tidak ada angka yang tepat di sini tetapi ada peruntukan dan saya berharap kita juga dapat memberi bantuan kepada siapa yang layak. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang permohonan yang telah diterima oleh kementerian yang belum dilulus sampai ke tahap 50 juta. Jadi, itulah besarnya permohonan dan permintaan mengenai bantuan mesin ini dan saya harap Yang Berhormat dapat menggambarkan betapa susahnyanya kita menentukan segala permohonan dapat kita luluskan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya inginkan penjelasan sedikit sebanyak daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apa yang saya dimaklumkan bahawa mesin-mesin dan bantuan yang telah diberikan oleh kementerian melalui KEMAS ataupun bahagian industri kampung, bahagian industri kecil di kementerian telah mengalami banyak kerosakan. Umpamanya, di kawasan saya di Jelebu kita dapati mesin pemotong buluh yang telah dibekalkan sejak lima tahun yang lalu telah mengalami kerosakan yang tidak boleh diperbaiki oleh pihak-pihak yang pakar daripada negeri kita. Ini dimaklumkan oleh pihak KEMAS sendirilah. Saya hendakkan penjelasan, sama ada betul ataupun tidak, mesin-mesin yang telah mengalami kerosakan tersebut hanya boleh dibaiki di tempat di mana jentera itu dibeli, iaitu di luar negeri. Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kita kena praktikal sedikit mengenai masalah ini. Saya percaya kalau pembekal itu adalah dari luar negeri adalah tidak munasabah untuk kita memerlukan orang luar negeri untuk datang memperbaiki mesin tersebut, kerana itu akan memakai ongkos yang lebih besar. Tetapi, kita akan mengkaji apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan saya rasa pendekatan yang lebih praktikal haruslah diambil oleh kementerian dan juga pengusaha kerana matlamat akhir kita ialah untuk membantu mereka, bukan untuk menyusahkan para pengusaha tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, yang telah memberi pendirian mengenai kementerian dan jika ada perkara-perkara lain yang disebut dan tidak saya sentuh, sukacita saya tegaskan di sini bahawa segala pandangan-pandangan itu akan diberi perhatian oleh kementerian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

7.21 mlm.**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:**

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Ahli Yang Berhormat dari Marang membangkitkan perihal rakyat yang teraniaya dan mendapat hak yang sewajarnya daripada semua projek pembangunan yang melibatkan hak milik mereka seperti yang berlaku dalam perkara pengambilan tanah dengan senjata Kanun Tanah Negara dan perobohan kawasan-kawasan setinggian tanpa timbang rasa yang sebenarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan pula menimbulkan isu mengenai pengambilan balik tanah dan menyarankan agar akta berkaitan dengannya dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan memang sedar akan rungutan yang ditimbulkan oleh rakyat berhubung dengan pengambilan tanah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri semenjak Akta Pengambilan Tanah 1960 dipinda melalui Akta A 804 yang mula berkuatkuasa pada 13hb. September, 1991.

Bagi mengatasi kelemahan yang terdapat kepada akta ini, pihak kerajaan melalui Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah pun selesai mengkaji pindaan-pindaan yang perlu dibuat terhadap akta tersebut dan akan dibentangkan dalam Parlimen tidak lama lagi. Saya penuh yakin bahawa segala yang dibangkitkan itu akan dapat diselesaikan.

Selain dari memperbaiki kelemahan yang ada, pindaan terhadap akta ini juga akan menjadikan proses pengambilan tanah lebih telus dengan memperjelaskan tatacara pelaksanaan seksyen 3B Akta Pengambilan Tanah 1960 supaya ianya seragam dan mudah dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri. Di samping pindaan kepada seksyen 3B tersebut,

terdapat juga lain-lain pindaan yang dicadangkan terhadap akta ini yang bermaksud untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Dengan pindaan yang dicadangkan ini adalah menjadi hasrat kerajaan supaya rakyat tidak lagi merasakan hak dan kepentingan mereka tidak terjamin.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, oleh kerana jaminan Kerajaan Barisan Nasional untuk meminda Akta Pengambilan Tanah ada dibuat sebelum pilihan raya umum dan selepas pilihan raya umum ada jaminan bahawa pindaan itu akan dikemukakan di Parlimen pada akhir tahun ini. Bolehkah kita dapat tahu sama ada rang undang-undang di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sudah selesai di peringkat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, adakah ia diluluskan dan diterima oleh Kabinet?

Yang kedua, sama ada rang undang-undang ini akan dibentang dalam sesi ini atau di sesi depan pada bulan Mac?

Dan ketiga, sama ada kerajaan berhasrat untuk mengumumkan isi kandungan rang undang-undang ini, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, selepas rang undang-undang ini dipinda, proses pengambilan tanah akan lebih telus, kalau begitu bukankah mustahak bahawa proses penggubalan pindaan ini pun perlu transparent?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah katakan tadi, proses pindaan peringkat kementerian telah selesai tetapi pindaan ini perlu ditimbang oleh Majlis Tanah Negara dan juga Jemaah Menteri dan apabila selesai proses pertimbangan oleh pihak-pihak yang berkenaan, pindaan ini akan dibawa ke Parlimen. Saya tidak dapat

memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada pada sesi ini atau pada sesi yang akan datang kerana proses keputusan dalam kerajaan masih belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa apabila selesai dan dicetakkan pindaan ini akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Kerajaan bersikap terbuka sekiranya pindaan ini masih belum sempurna, masih boleh lagi diperbaiki, kami akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana tujuan pindaan ini ialah untuk memastikan proses pengambilan tanah lebih transparent, kenapa kita tidak boleh mengadakan atau kerajaan tidak boleh menimbangkan bahawa untuk kali yang pertama, penggubalan pindaan ini pun transparent, bererti bahawa cadangan-cadangan mengenai pindaan-pindaan diumumkan, mungkin sebagai satu 'green paper' (kertas hijau) yang biasa di Parlimen-parlimen negara-negara Komanwel di mana ada satu proses mendapat pandangan orang ramai atau public participation dalam proses penggubalan undang-undang yang bererti dan demokratik. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengemukakan pandangan ini supaya kita ada satu proses lebih demokratik dan lebih penggubalan supaya rakyat pun boleh memberi input sebelum cadangan-cadangan ini sampai ke satu peringkat yang sangat rigid?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, proses sangat transparent kerana pindaan ini akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan dan meminda sekiranya diperlukan. Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, bahawa dalam proses penggubalan pindaan ini, banyak pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, juga oleh NGO di luar Dewan, juga oleh pakar-pakar yang lain, semua diambil kira oleh kami. Dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat bersikap terbuka dan apabila pindaan ini dibentangkan, beliau dijemput membahaskan secara mendalam.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan soal sama ada pihak kerajaan sedar ada tanah di negeri Melaka yang diperuntukkan khas untuk pembinaan rumah kos rendah tetapi telah diubah tukar milik, tukar syarat dijual untuk membina rumah kos mewah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Goh Cheng Teik: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh? Ini kali yang akhirnya. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan bahawa beberapa fasal-fasal dalam Akta Pengambilan Tanah yang dalam proses pindaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan atau memberi jaminan bahawa antara pindaan-pindaan yang akan dibawa kepada Akta Pengambilan Tanah ialah peruntukan-peruntukan di mana, yang pertama, tuan punya tanah ada hak untuk pembangunan iaitu dia ada 'first right' untuk pembangunan sama ada secara direct atau melalui joint-venture dengan syarikat-syarikat untuk membangunkan tanah-tanah di mana beliau ada bahagian milikan.

Kedua, bahawa peruntukan di mana selepas pindaan Rang Undang-undang itu diluluskan bahawa quantum ganti rugi dan pampasan tentulah lebih tinggi daripada yang sedia ada.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tiada kuasa untuk memberi jaminan bahawa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu akan termasuk dalam pindaan yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini kerana keputusan terakhir masih belum dibuat oleh Majlis Tanah Negara dan Jemaah Menteri, tetapi saya

hendak meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa pandangan-pandangan yang semacam ini pun sudah di ambil kira dalam proses penggubalan pindaan ini.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dari siasatan yang dijalankan didapati tanah tersebut tidak disyaratkan untuk pembinaan rumah kos rendah. Mengikut syarat nyata, tanah tersebut adalah seperti berikut dan izinkan saya membacakan:

“Tanah ini hendaklah digunakan untuk tujuan bangunan (perumahan) sahaja. Pemajak hendaklah mendirikan di atas tanah yang diberi milik ini bangunan-bangunan (perumahan) dalam tempoh dua tahun dari tarikh surat hak milik didaftarkan. Bangunan hendaklah mengikut bentuk-bentuk yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.”

Berdasarkan dari syarat di atas pihak tuan tanah adalah bebas membina jenis bangunan kediaman di atas tanah tersebut mengikut kehendak tuan tanah. Dari semakan yang dibuat, juga didapati tiada Timbalan Menteri yang terlibat dalam projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang hujah-hujah lain yang dibangkitkan, kementerian juga memberi perhatian berat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Belia dan Sukan.

7.23 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan teguran kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1996.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyatakan bahawa Program Rakan Muda yang diamalkan sekarang memisahkan agama dan akhlak. Dalam mengolah Program Rakan Muda, hasrat kerajaan adalah untuk melahirkan generasi muda yang bertanggungjawab terhadap bangsa, negara dan agama. Melalui program tersebut generasi muda boleh didedahkan dengan pelbagai kegiatan yang memberi manfaat khususnya dari segi meningkatkan disiplin dan moral yang sekali gus boleh mencegah mereka dari terbabit dalam gejala negatif. Masalah yang dihadapi oleh generasi sekarang boleh diatasi jika membabitkan kerjasama semua pihak. Program Rakan Muda membentuk peribadi yang sihat dan mulia selaras dengan tuntutan Islam seperti Rakan Masjid, selain daripada membabitkan akidah kebajikan. Program ini juga diperluaskan dengan meliputi bidang-bidang keusahawanan dan kepimpinan kepada golongan muda.

Melalui program ini, mereka dibentuk menjadi usahawan dan pemimpin yang berkualiti. Program Rakan Muda menawarkan pelbagai hidup yang merupakan pendekatan bersepadu untuk menyemarakkan generasi muda dari segi pembangunan minda, fizikal dan rohani.

Untuk menjawab soalan beberapa orang Ahli Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat dari Sri Gading dan Kuala Nerus yang memberi pandangan bahawa Rakan Muda harus diterapkan dengan program pembangunan rohani, sukacita saya memaklumkan bahawa walaupun program ini bukan khas untuk menanamkan nilai-nilai moral, ianya boleh membantu keyakinan diri, konsep sendiri, atau dengan izin, self-esteem dan ketahanan dalaman seperti disiplin dan etika.

Dalam pelaksanaan program, usaha dibuat untuk:

- (I) menyusun kurikulum yang tidak bercanggah dengan ajaran agama;

- (ii) menyusun jadual kegiatan yang selaras dengan tuntutan amalan agama seperti waktu solat, puasa dan sebagainya;
- (iii) mengadakan peraturan yang mengelakkan percanggahan dengan ajaran agama seperti percampuran bebas lelaki dan wanita.

Tuan Yang di-Pertua , Kementerian Belia dan Sukan telah pun menggubal kod etika untuk penganjur, pelaksana dan pembawa program dan rukun Rakan Muda untuk peserta-peserta program. Peranan pembentukan sahsiah dan kerohanian tidak boleh ditangani semata-mata melalui Program Rakan Muda. Program khas pembangunan akhlak/sahsiah akan diadakan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuan yang telah menyokong supaya Program Rakan Muda dikaji semula supaya mempunyai sasaran yang lebih tepat.

Sukacita saya maklumkan bahawa kementerian telah menjalankan kajian penilaian Program Rakan Muda untuk menentukan kesesuaian program dan tinjauan untuk memastikan supaya ianya menjurus kepada kumpulan belia sasaran.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun. Hendak beri jalan?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun yang lepas, bila kementerian mengadakan konsep Rakan Muda ini, bolehkah Yang Berhormat membuat penjelasan mengenai peruntukan sejak tahun lepas untuk melaksanakan Program Rakan Muda, dan apakah pengawalseliaan ke atas peruntukan kepada pelbagai Program Rakan Muda ini, kerana kita hanya tahu ada peruntukan, ada konsep dan ada program, tetapi kita tahu keberkesanan dan hasil daripada peruntukan program tersebut?.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa insya-Allah semua peruntukan yang dibuat untuk

Program Rakan Muda telah pun diagihkan dengan saksama. Peruntukan ini adalah berdasarkan permintaan oleh pihak-pihak penganjur, khususnya oleh pihak NGO dan setakat ini pengagihan dibuat atas kepala atau peserta yang mengikuti Program Rakan Muda dan saya yakin bahawa memandangkan daripada response, dengan izin, daripada belia-belia yang ada, nampaknya Program Rakan Muda ada mempunyai keberkesanan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa kementerian telah menjalankan kajian penilaian Program Rakan Muda untuk menentukan kesesuaian program dan tinjauan untuk memastikan supaya ianya menjurus kepada kumpulan belia sasaran. Hasil dari kajian dan penilaian yang telah dijalankan satu cadangan pembaharuan telah dikemukakan untuk dilaksanakan pada tahun hadapan: antaranya adalah supaya program ini dijuruskan kepada kumpulan sasaran belia bermasalah.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga menyatakan bahawa beliau belum pasti maklum balas remaja terhadap Program Rakan Muda, berapakah jumlah wang yang digunakan dan apakah pulangan yang diterima dari program ini setimpal dengan jumlah wang yang telah dicurahkan?

Sejak bermulanya Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, sesi Parlimen Kesembilan, banyak pertanyaan tentang Program Rakan Muda telah dikemukakan dan telah dijawab. Dari segi bilangan belia dan beliawanis yang berdaftar, pecahan mengikut jantina, negeri, keturunan, gaya hidup yang diminati, pecahan umur, tahap pendidikan, penglibatan NGOs, swasta dan agensi kerajaan dan lain-lain.

Setakat ini, lebih kurang RM30.8 juta telah digunakan dari peruntukan sejumlah RM48.1 juta. Selain dari statistik yang telah diberi dalam persidangan Parlimen ini dan yang lepas, pulangan yang diterima adalah agak sukar diukur kerana program ini bersifat jangka panjang dan bertujuan memupuk sistem dan orientasi nilai.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Labuan bahawa jumlah peruntukan yang besar untuk program latihan para atlit dan ahli sukan untuk persediaan Sukan Komanwel tidak menjamin bahawa mutu sukan akan meningkat. Kementerian ini....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi, semasa sesi Soal Jawab, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan kita kena memakan masa 6 tahun untuk melatih seseorang atlit itu supaya mereka sampai ke tahap peringkat internasional. Jadi, kita hanya melatih 4 tahun. Soalan saya, adakah Yang Berhormat bersetuju kita barangkali membuat perhitungan yang silap? Kalau kita sudah tahu bahawa 6 tahun diperlukan untuk melatih, mengapa kita melatih 4 tahun? Sepatutnya kita latih 6 tahun.

Jadi, saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, kerana latihan ini diperlukan. Di samping itu, makanan dan welfare para atlit ini perlu juga diambil kira. Kalau dia latih pun macam di kampung, makan sayur, makan ikan masin, mana hendak ada tenaga? Jadi, adakah kementerian memastikan makanan ahli-ahli sukan ini diambil satu keutamaan, beri vitamin yang baik dan sebagainya?

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak ahli-ahli sukan kita yang kehidupan mereka tidak begitu baik. Jadi, kita perlu beri satu inspirasi untuk mereka hidup. Kalau katalah dia ini ahli gusti, makanan dia kena baik, kedudukannya kena baik, barulah dia menjadi seorang ahli gusti yang berjaya. Jadi, mungkinkah ini juga salah satu sebab kelemahan atlit kita mencapai tahap internasional?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Yan, untuk latihan para atlit bagi Sukan Komanwel, negara Malaysia memang, dengan izin, beat dan kita finalised, kita menamatkan negotiation

dalam masa setahun sahaja. Maka permulaan untuk latihan dan penyediaan para atlit kita bermula dengan cara sepadu, intensif hanya tahun yang lalu.

Tetapi, insya-Allah, pada masa-masa akan datang setelah kita memulakan program sebegini rupa, kita akan meningkatkan lagi. Jadi, oleh kerana itu, kita tidak dapat mula latihan untuk atlit kita dalam jangka masa 6 atau 8 tahun.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Labuan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Duduk dahulu, dia belum habis jawab.
[Ketawa]

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua tentang makanan dan diet, dengan izin, para atlit kita, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat. Saya kira bahawa di dalam membangunkan satu masyarakat yang bersukan, maka dengan itu dapatlah kita mencungkil bakat-bakat ahli-ahli sukan.

Saya rasa bahawa semua Ahli Parlimen yang ada di sini dapat mengagih-agihkan peruntukan yang ada di kawasan masing-masing, mungkin dapat membuat beberapa aktiviti sukan semasa. Kita mula dari awal dan, insya Allah, di antara program yang mungkin Ahli Yang Berhormat hendak buat adalah program nutrition. Walau bagaimanapun, untuk jawatankuasa yang menjaga penyediaan atlit ini, insya Allah, Ahli Yang Berhormat, kita menjaga mereka dengan begitu baik.

Untuk menjawab soalan yang akhir iaitu sama ada kehidupan para atlit ini baik atau tidak, saya juga bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat tadi bahawa pada masa ini tahap pencapaian kerjaya iaitu, dengan izin, career atau professionalism yang ada pada ahli-

ahli sukan kita bukan tahap yang membanggakan oleh kerana mereka rasa bahawa, dengan izin, there is no career in sports.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian sedang merangka satu pelan jangka masa panjang di mana kita hendak menggalakkan banyak lagi atlit muda terutama sekali supaya memulakan kerjaya mereka, dengan izin, even in their infancy dan insya-Allah kalau diterima cadangan pihak Kementerian Belia dan Sukan supaya diadakan satu maktab sukan, maka para atlit apabila sudah tamat usia mereka bersukan dan beratlit, mungkin dapat memanjangkan kerjaya mereka di maktab-maktab tersebut.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Labuan bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada petunjuk yang menyatakan bahawa yang pertama, kita cuma memulakan latihan untuk atlit negara bagi menyertai Sukan Komanwel (SUKOM) pada 1998 ini dimulakan hanya setahun lalu iaitu 1994.

Apakah ini menunjukkan bahawa kementerian ataupun Majlis Sukan Negara tidak mempunyai satu perancangan jangka panjang untuk melatih atlit kita kerana hanya bila Malaysia diberikan tanggungjawab untuk menaja SUKOM '99 ini barulah kementerian dan Majlis Sukan Negara memulakan langkah-langkah untuk melatih dan kita tahu bahawa untuk melahirkan seorang atlit yang bertaraf antarabangsa memerlukan 8 hingga 10 tahun. Apakah ini bererti kementerian tidak mempunyai satu rangka latihan yang berpanjangan selama ini untuk melahirkan atlit-atlit di peringkat antarabangsa?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat tadi. Oleh kerana kami di

kementerian khususnya pihak MSN mengadakan satu pelan jangka panjang. Sepertimana yang telah pun diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kelmarin bahawa beberapa ribu, dengan izin, potential ahli sukan telah pun melalui latihan yang telah diadakan oleh pihak MSN.

Pada saat ini, pihak MSN sedang menghadapi fasa kedua di dalam proses latihan para atlit. Jadi, sepertimana yang telah saya katakan tadi, tidak begitu bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin di sini meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Labuan bahawa kita tidak akan, dengan izin, shirk our responsibilities.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini amat bersetuju.....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Libaran bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan persiapan bagi Sukan Komanwel adalah dari pihak swasta di bawah program Rakan Sukan. Bagaimanapun, beberapa penaja telah menarik balik tajaan mereka baru-baru ini. Apakah sebabnya penaja berkenaan berbuat demikian dan adakah ini menjejaskan persiapan tersebut dan apakah sumber kewangan lain kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa projek Rakan Sukan ini bukan hanya untuk melatih atlit-atlit SUKOM. Sebenarnya, Rakan Sukan ini adalah untuk sukan masa as well, dengan izin. Budget untuk melatih atlit kita, kita tidak hanya menanti atau menunggu penajaan daripada pihak swasta di

dalam latihan atlit kita oleh kerana pihak kementerian mempunyai rangka budgetnya sendiri. Walau bagaimanapun, jika ada pertolongan sumbangan daripada mana-mana pihak lain, dengan izin, we welcome it.

Saya rasa bahawa jikalau ada apa-apa masalah di antara Rakan Sukan dengan persatuan-persatuan yang ada, ini tidak akan menjejaskan persediaan latihan para atlit kita.

Untuk menjawab soalan yang kedua dari Ahli Yang Berhormat, jikalau saya tidak silap dengar tentang masalah-masalah yang ada dan dilalui oleh persatuan-persatuan sukan, saya kira bahawa semua persatuan sukan mesti mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku, dengan izin, do some house cleaning. Jika mereka hendak mengutarakan satu imej yang positif, bukan hanya untuk ahli-ahli persatuan dan para atlit, tetapi kepada potential Rakan-rakan Sukan mereka.

Walaupun bagaimanapun, setelah melalui satu period yang agak negatif di mana kita selalu mendengar bahawa seolah-olah semua persatuan sukan melalui masalah, dengan izin, which is not true, saya kira selepas ini, persatuan-persatuan sukan akan mengatur program dan perjalanan persatuan mereka dengan baik, maka dengan itu dapat menambatkan hati lebih ramai Rakan-rakan Sukan yang ada.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sungguh kagum dengan jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen kita. Memang layak beliau menjadi seorang Setiausaha Parlimen. *[Ketawa]* Cuma, satu persoalan, selain daripada kita melatih atlit ini menjadi atlit yang berjaya, adakah secara psikologi kita melatih mereka iaitu kita membentuk satu pemikiran yang memandang jauh ke hadapan? Kerana kita tidak mahu lagi atlit-atlit kita minum minyak kuda ataupun peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan berlaku kerana maklumlah, kalau kita hendak latih macam saya ini, kalau hendak masuk, tak boleh dah. Round ketiga, collapse fasal umur lebih.

Kita hendak ambil yang muda-muda. Kita takut orang-orang yang diamanahkan melatih mereka ini memecahkan amanah, harapan pagar, pagar makan padi. Jadi, terpaksa kawan kita pergi minum minyak kuda supaya dia lari deras lagi! Jadi, yang ini adakah kementerian mengambil benda-benda macam ini? Maklumlah, kalau saya ada anak perempuan pun, kalau hendak suruh pergi masuk menjadi ahli sukan negara pun kita seriau juga kalau benda di dalam tak betul. Jadi, yang inilah saya minta Puan Setiausaha Parlimen memberi satu jaminan pada hari ini supaya ibu bapa berasa megah kalau anak mereka itu menjadi seorang pelari yang pantas di dunia, tetapi keselamatan mereka ini terpelihara dan terjaga. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua....*[Ketawa]* saya dengan ini ingin memberi satu jaminan bahawa pihak kementerian, khususnya Majlis Sukan Negara akan mengadakan satu jihad kepada mana-mana pihak, jikalau mereka mengambil kesempatan atau salah laku di dalam penyediaan atlit-atlit kita, tidak kiralah sama ada untuk Sukan Komanwel atau mana-mana sukan di mana mereka ini diletakkan di dalam satu situasi yang diamanahkan. Insya-Allah, pihak kementerian akan sentiasa mengawal selia anak-anak dan remaja-remaja di bawah jagaan kami.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan saya ingin tahu, mungkin rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini juga ingin tahu, setakat hari ini, di atas perancangan yang telah dibuat oleh kementerian, apakah bentuk kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan di dalam memberikan peluang berlatih di kalangan pelajar-pelajar di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah.

Yang keduanya, bagaimanakah response ibu bapa terhadap pelawaan dan pilihan yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang berwajib ke atas anak-anak mereka yang difikirkan berpotensi sebagai atlit negara?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, setakat ini kerjasama di antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan begitu baik. Mengikut maklumat yang diterima oleh pihak kementerian, response daripada ibu bapa kepada potential athletes tidak begitu menggalakkan oleh kerana negara kita ini, minda masyarakat umumnya terhadap sukan sebagai satu kerjaya begitu negatif, dengan izin, quite dismay.

Jadi pihak kementerian sedang dalam perancangannya ingin membawa unsur-unsur positif kepada masyarakat umum supaya dapat ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang mempunyai potensi yang begitu baik untuk menjadi super athletes, dengan izin, untuk negara kita dapat membimbing mereka ini ke tahap kejayaan yang cemerlang supaya negara kita dapat menumpang kecemerlangan yang ada untuk para atlit. Tetapi, setakat ini kami rasa bahawa response daripada pihak ibu bapa tidak menggalakkan. Insya-Allah, pada satu masa akan datang di mana ibu bapa dapat melihat bahawa anak-anak mereka yang membabitkan diri dalam bidang sukan mempunyai satu masa hadapan yang cemerlang.

Mungkin mereka dapat menjadikan ini sebagai satu profesion. Insya-Allah, saya yakin bahawa mereka akan menggalakkan anak-anak muda mereka menceburi diri dalam bidang sukan.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, salah satu daripada perkara yang kita mula lihat akibat daripada pembangunan pertambahan penduduk yang pesat dan kurangnya pembangunan fizikal di sekolah-sekolah ialah kita mula mendapati misalnya di dalam kawasan saya yang menghadapi keadaan yang sebegitu, pertambahan bangunan yang dibina di atas padang-padang yang dahulunya digunakan untuk tujuan bersukan dan sebagainya dan juga kemudahan-kemudahan dari segi bersukan yang bukan dalam padang pun tidak disediakan pada nisbah yang sepatutnya.

Misalnya, baru dua tiga bulan lepas saya banyak pergi merasmikan hari sukan di sekolah-sekolah rendah yang mana upacaranya hanyalah setakat boleh berlari 50 meter straight line. Bagi murid di dalam Darjah 5 atau Darjah 6 berlari 70 meter, setakat itu sahaja.

Satu lagi perkara ialah kemudahan bersukan dari segi padang dan sebagainya dalam pembangunan perbandaran pun adalah berkurangan. Jadi, diminta penjelasan dari segi kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pendidikan dan juga Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dalam menentukan bahawa facilities yang kita perlukan ini wujud sebab kita nampak memang secara nisbahnya, purata per kapitanya saya ingat ianya berkurangan sekarang berbanding dengan dahulu.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya kita memang bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat tadi bahawa di negara kita ini tidak mencukupi padang-padang bola sepak, misal kata. Walau bagaimanapun, ini bukan di dalam bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan dan pada umumnya adalah di bawah bidang kuasa majlis-majlis tempatan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa memberi

rangsangan dan galakan kepada pihak-pihak yang berkuasa supaya jika boleh, jangan menghapuskan padang-padang bola yang sedia ada pada masa kini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kami di Kementerian Belia dan Sukan sentiasa prihatin tentang kemudahan-kemudahan sukan yang ada dan pihak kementerian sedang dalam perancangannya, insya-Allah, akan meningkatkan facilities yang ada, khususnya facilities yang terdapat di semua Kompleks Belia dan Sukan negara iaitu di bawah bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ada yang bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat menggulung, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang ramai yang mengatakan bahawa *there is no future in sport in this country*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat bersetuju tentang ini? Sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang spesifik, yang lebih tepat untuk memberikan keyakinan kepada masyarakat di negara kita ini bahawa ada future dari segi kerjaya melalui sukan di negara kita ini?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa bidang sukan ini mempunyai banyak potensi. Jikalau kita lihat, misal kata apa yang sedang berlaku dalam bidang sukan bola sepak, kita tengok sebagai satu contoh, kita baca dalam berita bahawa pemain-pemain bola sepak di negeri Selangor misalnya; mereka mendapat ganjaran yang begitu baik setelah menunjukkan satu permainan yang menggalakkan. Kita boleh juga mengambil sebagai satu contoh iaitu ganjaran yang telah diberi kepada pemain-pemain badminton kita. Jadi, saya rasa masa hadapan ahli-ahli sukan kita, insya-Allah, begitu baik.

Walau bagaimanapun, saya rasa ini tidak akan berlaku jika masyarakat tidak bekerjasama dengan kerajaan untuk menggalakkan dan membina satu masyarakat yang bersukan. Saya rasa bahawa kerajaan sendiri, dengan izin, the government alone cannot do this. Sepertimana saya kata, ini adalah satu soalan minda rakyat Malaysia jikalau kita sendiri mahu negara kita ini adalah satu negara yang sihat. Kalau semua rakyat kita bersukan bukan hanya untuk mendapat pingat tetapi sebagai satu cara hidup, dengan izin, a lifestyle, insya-Allah, ganjaran lain seperti mendapat pingat untuk negara, dengan izin, will be one of the result.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang. Bila kita bincang berkaitan dengan minda terhadap sukan, saya ingin ulaskan sedikit berkaitan dengan apa peristiwa-peristiwa yang berlaku di arena sukan macam rasuah football, ambil ubat steroid dan urut...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan Yang Berhormat hanya boleh....

Dr. Tan Chong Keng: Hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: ...minta penjelasan. Bukannya hendak buat ulasan.

Dr. Tan Chong Keng: Tetapi saya mesti beri sedikit pendahuluanlah sebelum masalah itu boleh dibangkitkan. Ini dia masalah. *[Ketawa]* Oleh kerana peristiwa-peristiwa seperti itu yang berlaku di arena sukan, barangkali orang ramai di Malaysia tidak begitu menganggap sukan itu sebagai satu arena yang ada prospektif untuk masa depan.

Jadi, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mempertingkatkan lagi imej atlit-atlit dan juga ahli-ahli sukan dalam Malaysia ini? Contohnya, elakkan penglibatan dalam urut-mengurut, elakkan ambil ubat steroid, elakkan ambil ataupun beri rasuah football dan sebagainya dan barangkali boleh minta Kementerian Pendidikan beri galakan memberikan biasiswa sukan untuk ahli-ahli sukan yang mahir dalam sesuatu bidang supaya mereka boleh melanjutkan pelajaran ke universiti dalam bidang tertentu; dalam badmintonkah, football atau apa-apa pun yang boleh menjadi jurulatih kemudiannya untuk mempertingkatkan lagi prestasi ahli-ahli sukan Malaysia ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kita perlu lihat sukan secara dua cabang. Pertamanya, competitive sport. Yang keduanya, sukan masa (mass sport). Jadi, saya rasa jikalau ada beberapa gejala yang telah pun melanda sebahagian kecil daripada sukan negara, itu tidak menjejaskan prestasi sukan-sukan yang lain. Saya rasa jikalau kita hendak menukar minda rakyat negara kita, haruslah kita bersama media massa dan lain-lain pihak, kita harus memandangnya dengan secara positif. Gejala-gejala negatif yang ada hanya satu percentage yang kecil. Malahan ada atlit-atlit yang lain yang bekerja kuat, yang bertungkus-lumus untuk menaikkan nama dan taraf negara di bidang sukan, kita harus memberi perhatian. Jadi, pada pendapat saya ini tidak akan menjejaskan prestasi ahli-ahli sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah pun membangunkan sebuah sekolah sukan di mana kita menggalakkan para pelajar untuk hadir di sekolah sukan ini dan mereka diberi beberapa pelepasan daripada apa yang terdapat di sekolah-sekolah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini amat bersetuju bahawa perbelanjaan yang besar dalam menyediakan kemudahan prasarana tidak menjamin penyediaan atlit yang berwibawa yang mampu meraih pingat. Walau bagaimanapun, penyediaan infrastruktur ini merupakan satu pelaburan jangka panjang untuk meningkatkan serta mengetengahkan Kuala Lumpur khususnya dan Malaysia amnya sebagai tempat yang mampu menyediakan kemudahan sukan yang bertaraf antarabangsa. Oleh itu, adalah diharapkan pada masa akan datang, Malaysia akan dipilih sebagai tuan rumah kejohanan sukan yang lebih besar.

Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk maksud penyediaan para atlit untuk menghadapi Sukan Komanwel 1998. Peruntukan ini termasuk bayaran untuk mendapatkan khidmat jurulatih luar negeri yang dijangka mampu meningkatkan prestasi atlit-atlit negara. Projek ini merupakan usaha jangka panjang untuk melahirkan atlit-atlit yang mampu membawa cabaran negara. Kecemerlangan atlit-atlit ini mungkin tidak dapat dilihat semasa Sukan Komanwel 1998, namun ianya merupakan satu langkah permulaan.

Mengenai komen Ahli Yang Berhormat dari Labuan bahawa dana besar yang diperuntukkan untuk menyediakan infrastruktur Sukan Komanwel 1998 tidak menjamin pengurusan yang cekap seperti yang dapat dilihat dalam pengendalian persatuan-persatuan sukan, saya bersetuju sangat kerana kedua-duanya memang tiada berkaitan.

Mengenai persatuan-persatuan sukan yang lemah dan menghadapi masalah, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai kuasa yang tertentu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan sukan. Kementerian hanya dapat memberi nasihat dan cuba mengatasi masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan berkenaan.

Bagi persatuan-persatuan sukan yang tidak dapat menjalani program masing-masing, pihak Majlis Sukan Negara akan mengambil alih peranan tersebut daripada persatuan-persatuan sukan untuk kepentingan dan kebajikan atlit. Untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan sukan, kementerian sedang mempertimbangkan cadangan mewujudkan Akta Pembangunan Sukan untuk memberi kuasa kepada Menteri Belia dan Sukan untuk mengawasi hal ehwal persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan negeri ke arah menangani gejala-gejala buruk yang mungkin berlaku dalam persatuan-persatuan sukan yang boleh menjejaskan pembangunan sukan.

Akta ini bukan bertujuan untuk menghalang autonomi persatuan-persatuan sukan melaksanakan tanggungjawab dan akauntabiliti seperti yang dibekalkan oleh perlembagaan masing-masing. Kementerian ini akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin sukan untuk mendapatkan pandangan mengenai Akta Pembangunan Sukan ini sebelum ianya dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban meminta supaya kerajaan memberi perhatian kepada masalah sosial yang meningkat di kalangan belia.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah membangkitkan tentang keperluan untuk memberi keutamaan kepada belia kerana mereka adalah pemimpin masa hadapan negara. Beliau mengesyorkan supaya kemudahan dan tempat atau gelanggang untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Rakan Muda dipertingkatkan terutama di peringkat daerah supaya belia-belia tidak terjerumus dalam aktiviti-aktiviti tidak berfaedah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga menyentuh tentang keperluan mengambil kira belia kawasan-kawasan luar bandar di seluruh pelusuk negara. Saya menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban, Batu Gajah dan Kuala

Nerus dan ingin memaklumkan bahawa kerajaan sedar akan masalah yang melanda warga belia negara kita dan keadaan kekurangan prasarana dan kemudahan untuk aktiviti sukan dan rekreasi untuk mereka sama ada di bandar atau di luar bandar.

Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi di seluruh negara dan hasil kajian ini akan digunakan dalam penyediaan pelan pembangunan kemudahan sukan untuk tempoh 20 tahun sepertimana yang diamalkan di negara-negara Barat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang mengkaji perkara ini. Tetapi adakah kementerian juga sedar bahawa media elektronik dan media cetak juga memainkan peranan, kadang-kadang yang negatif, yang menyebabkan belia-belia yang membaca majalah atau menonton TV terikut-ikut dengan cara hidup yang dipaparkan oleh media cetak dan media elektronik? Seperti kita tengok di kaca TV, Tuan Yang di-Pertua, Kuiz Pop itu, kalau dia menang dapat point, bertepuk-tepuk, hang tepuk aku, aku tepuk hang, kemudian buat calit jari *[sambil menunjukkan ibu jari]* ini perangai apa? Saya pun tidak tahu. Di zaman saya dahulu tidak ada, kalau menang ‘sua’ jari. Ini tepuk jari macam itu, cuit-cuit, kemudian pakai pakaian yang tidak senonoh. Ini juga akan diturut oleh belia kita, ini kenyataan. Anak saya biasa dia tengok, dia tanya “ayah, mengapa dia pakai subang?” saya kata “tidak tahulah”, besok dia cuba pakai subang, dia ambil subang emaknya, dia pakai. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini juga budaya yang disalah pamerkan oleh media cetak dan media elektronik.

Oleh itu saya harap kalau boleh kementerian Yang Berhormat berkerjasama dengan kementerian-kementerian lain demi untuk bangsa Malaysia yang berwibawa di masa hadapan, kita perlu membimbing supaya media cetak dan juga media elektronik memainkan peranan bersama, Tuan Yang di-Pertua. Macam kita biasa tengok 'Asia Bagus' perangai mereka macam yang 'duduk di pokok' itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jadi, apa soalnya Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri penjelasan?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan setengah daripada saranan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, apabila beliau menyatakan bahawa besar kemungkinan pihak media sama ada media cetak atau media elektronik memainkan peranan yang begitu besar dalam mempengaruhi remaja dan belia di negara ini - itu saya setuju.

Walau bagaimanapun, ingin saya tekankan di sini di dalam melahirkan satu generasi belia yang berdisiplin, komited, positif dan lain-lainnya. Saya rasa jikalau kita sebagai ibu bapa yang melahirkan anak-anak kita, dengan izin, in the first place ya, tugas dan tanggungjawab kita terutamanya adalah untuk memberi ajaran-ajaran, nilai-nilai asas, norma-norma yang kuat, kukuh kepada anak-anak kita dan insya-Allah jikalau kita sebagai ibu bapa, kita tidak dengan izin, abdicate from our responsibility, dengan izin atau kita menyalahkan orang lain seperti media misal kata, saya rasa kita tidak begitu bertanggungjawab.

Saya berpendapat bahawa jikalau ajaran asas kepada anak-anak, jikalau ini kita perkukuhkan dengan ajaran, nilai-nilai, norma-norma yang baik, berteraskan agama dan budaya dan pandangan Timur misalnya, di dalam melahirkan satu generasi muda yang dapat menghadapi cabaran-cabaran masa kini dengan izin, mutlimedia information highway, super highway, Internet dan lain-lain, kita tidak boleh dengan izin, we cannot hide our children in the cupboard, misal kata. Jadi, kalau kita sebagai ibu bapa dapat menjalankan tugas kita dengan baik, senegatif-negatifnya media massa dalam negara itu, insya-Allah tidak tidak dapat menjejaskan belia yang ada di negara kita. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa pihak media massa dapat seperti orang kata, dengan izin, a free hand. Mereka juga mesti bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas mereka supaya mengawasi pengaruh mereka itu adalah pengaruh positif.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan akan memberi penekanan kepada beberapa program teras bertujuan untuk menyemarakkan generasi muda kita. Program-program ini termasuklah Program Latihan Kepimpinan Belia; Program Pembangunan Kemahiran; Program Kecergasan; Program Pembangunan Akhlak dan Sahsiah serta pembinaan pusat-pusat Rakan Muda di bandar-bandar besar, kawasan industri dan kawasan luar bandar.

Kementerian juga akan berkongsi usaha membangunkan belia dengan lain-lain agensi kerajaan dengan bantuan pihak swasta serta Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen yang memimpin pertubuhan belia dan badan-badan sukarela.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan sedikit. Dalam negara kita ini belia boleh dibahagi dua, satu belia yang ada persatuan dan satu lagi belia yang memang tidak ada persatuan langsung, kebanyakan mereka ini bekerja di kilang-kilang, sebagai contoh. Jadi, apakah langkah-langkah kementerian untuk menarik minat belia-belia yang tidak ada persatuan ini untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam program-program Kementerian Belia dan Sukan, khasnya pekerja-pekerja yang ada di kilang-kilang?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, usaha pertama yang dijalankan oleh pihak kementerian adalah untuk menggalakkan belia-belia yang belum berpersatuan supaya mula berpersatuan. Sebab itu pihak kementerian telah pun menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji berapa aktifnya semua NGOs, yang ada di negara kita, dengan izin, with the view untuk meningkatkan lagi keahlian persatuan-persatuan ini oleh kerana semua NGOs adalah menjadi jentera Kementerian Belia dan Sukan menurunkan semua program-program yang ada khususnya Program Rakan Muda.

Keduanya untuk kilang-kilang, misal kata, pihak kementerian sentiasa memberi dorongan kepada majikan-majikan sebegini rupa yang mempunyai sebilangan besar remaja di bawah naungan mereka, supaya mula mengadakan kelab-kelab di kilang-kilang ini. Kita menggalakkan kelab-kelab ini mengadakan beberapa program yang akan membawa kebaikan seperti sukan, agama dan lain-lain. Insya-Allah saya rasa pada satu masa akan datang kelab-kelab ini akan menambahkan bilangannya.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita sedia maklum bahawa lebih 10,000 pertubuhan sukarela yang berdaftar di negara kita ini dan lebih daripada 50% yang tidak aktif dari segi kegiatannya. Apakah 'magic' formula

kementerian yang baru ini untuk memastikan bahawa kelab-kelab yang akan ditubuhkan di kilang-kilang ini akan lebih berjaya daripada persatuan-persatuan yang ada pada hari ini. Apa dia strategi yang baru yang ada pada kementerian yang boleh mengatasi masalah yang sedia ada?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya kira memang tidak ada magic formula untuk apa-apa masalah di dunia ini, apatah lagi masalah belia dan remaja kita. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di antara 10,000 NGOs yang berdaftar, salah satu daripada alasan kenapa NGOs ini tidak aktif adalah kerana tujuan dan matlamatnya telah bertukar. Misal kata, jikalau pada 10 tahun yang lalu matlamat persatuan itu adalah untuk membuat begini rupa, pada masa kini matlamat itu bukan begitu ketara.

Alasan yang kedua kenapa setengah daripada persatuan itu tidak begitu aktif adalah kerana penghijrahan ahli-ahli mereka, misal kata daripada kampung ke bandar. Ini adalah salah satu daripada sebab-sebab mengapa NGOs tidak aktif. Walau bagaimanapun, oleh kerana kita hendak mulakan, ini saya hendak menekankan bahawa pihak kementerian tidak akan mengadakan kelab-kelab ini untuk semua kilang-kilang. Kita hanya sebagai ejen motivasi, kita memberi satu idea kepada bukan sahaja kilang-kilang ini tetapi mana-mana majikan atau mana-mana masyarakat yang mempunyai golongan belia yang besar, bahawa kita minta supaya mereka ini lebih bertanggungjawab.

Jadi, kita motivasikan majikan-majikan seperti pekilang-pekilang ini supaya mengadakan kelab-kelab tersebut dan oleh kerana kelab-kelab ini baru, dengan izin, it is just going to be set up, maka kita kira bahawa motivationnya begitu kuat dan seperti mana kita tahu where the things is new, dengan izin, benda itu akan berjalan dengan baik. Jadi, mungkin kita patut pre-empt mungkin dalam masa lima tahun kelab-kelab di kilang-kilang ini

matlamatnya mungkin lain pula. Saya rasa kelab-kelab ini atau apa-apa jentera lain untuk menggerak generasi muda kita akan berjaya untuk beberapa tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada apabila kita membincang mengenai masalah-masalah pemuda-pemudi, adakah Kementerian Yang Berhormat menganggap 'cyber lepak' sebagai satu masalah atau bukan satu masalah?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan sedikit, Ahli Yang Berhormat menyatakan 'cyber lepak'. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang begitu mencabar daripada Ahli Yang Berhormat. Saya kira jikalau di dalam menjalani cyber lepak sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ini membawa kesan-kesan positif, misal kata, walaupun remaja ini duduk dan cyber lepak tetapi duduk dalam cyber lepak itu mereka mempelajari ilmu-ilmu yang baik, yang baru, yang terkini, saya rasa itu dapat kita terima. Tetapi kalau ada di antara mereka yang mengalami budaya cyber lepak ini tidak mempelajari apa-apa, hanya oleh kerana malas dan tidak mahu keluar bekerja misal kata, saya rasa mungkin ini adalah satu gejala yang patut kita hapuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Mungkin Yang Berhormat tidak tangkap apa soalan saya mengenai cyber lepak - cyber space ialah 'net surfing' cyber lepak. Adakah ini dianggap sebagai satu masalah atau bukan satu masalah di kalangan pemuda-pemudi. Sama ada kita mahu menggalak pemuda-pemudi kita boleh cyber serve Internet, information highway atau kita menganggap cyber lepak sebagai satu masalah atau bukan satu masalah.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya ini bukan satu masalah. Ini adalah satu cabaran terkini kepada masyarakat kita terutama kepada

masyarakat belia. Mungkin kesannya belum dapat kita rasai pada saat ini oleh kerana ini adalah satu fenomena yang baru tetapi mungkin dalam masa beberapa bulan apabila kita, dengan izin, trace effect - kesannya, mungkin saya dapat menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dengan lebih terperinci.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana cyber lepak belum dianggap sebagai satu masalah dan oleh kerana ada seorang Ketua Menteri mengatakan cyber lepak ini satu masalah di negara kita, itu saya mahu tanya sahaja.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang supaya kementerian memberi perhatian kepada soal tahap umur kumpulan pemimpin yang tidak sebaya dengan belia-belia, sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian akan mengkaji perkara ini dengan mendalam dan berunding dengan pihak-pihak yang terlibat sebelum membuat apa-apa penetapan.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading menyarankan supaya latihan untuk melahirkan tenaga buruh yang tahan lasak harus dipertingkatkan. Beliau mencadangkan supaya dianjurkan Kursus Jatidiri Penggerak Wawasan. Saya menyambut baik pandang Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan memang memberi perhatian utama kepada ketahanan diri anak-anak muda termasuk ketahanan dalaman dan fizikal.

Tuan Noh bin Rahmat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun.

Tuan Noh bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Tadi semasa membincangkan masalah sukan telah pun dijelaskan bahawa seolah-olah Kementerian Belia dan Sukan ini tidak ada kuasa kepada persatuan-persatuan sukan. Itu sebab hendak diadakan akta pembangunan sukan. Jadi, saya ingin tanya masalah belia. Masalah belia ini pun saya rasa serupa yang

mana kementerian tidak ada kuasa secara terus kerana semua NGO ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Jadi, adakah kementerian bercadang juga untuk mengadakan akta belia untuk mengawal ataupun untuk memberi bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan belia hampir 10,000 yang berselerak dan banyak juga yang kita dapati tidak sah penubuhannya?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Belia dan Sukan adalah seperti ‘singa yang tidak bergigi’. Menteri Belia dan Sukan tidak mempunyai banyak bidang kuasa untuk mengawasi atau tidak mempunyai banyak kuasa untuk menentukan perjalanan persatuan-persatuan individu itu sama ada persatuan itu belia ataupun sukan.

Setakat ini Kementerian Belia dan Sukan masih mengumpul fakta-fakta tentang persatuan-persatuan yang ada, sama ada perlunya diadakan satu akta khususnya untuk belia. Ingin saya ingatkan kepada kita semua bahawa kita tidak mahu melahirkan satu generasi, dengan izin, which is dependent. Maknanya, bahawa untuk menentukan perjalanan yang baik persatuan kita mesti mengadakan satu akta. Saya rasa ini, dengan izin, does not augur well for our young. Kita mahu pemimpin-pemimpin belia kita dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik mengikut undang-undang tanpa perlunya mengadakan akta belia.

Walau bagaimanapun, jikalau dalam pengutipan fakta-fakta ini kita dapati bahawa perlunya ada akta belia, insya-Allah, kita akan membuat satu syor yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, selain daripada aktiviti rekreasi sukan dan kecergasan yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan di bawah briged Rakan Muda, semua peserta diwajibkan menjalani modul bina disiplin yang merupakan latihan separa military. Sungguhpun begitu, Kementerian Belia dan Sukan akan

mengkaji kemungkinan menyediakan latihan mandatori selepas peperiksaan SPM yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, sokongan kepada kementerian sepanjang tempoh perbincangan. Pada saya, pada hari ini adalah cabaran pertama menjawab soalan-soalan. Sekiranya ada cadangan dan syor yang tidak sempat saya menjawab di sini, saya ingin memberi jaminan bahawa perkara tersebut akan Kementerian Belia dan Sukan memberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat diminta gulung.

8.32 mlm.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh kementerian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah telah diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Parit yang mencadangkan supaya diwajibkan setiap pasar raya, gedung-gedung membeli-belah, tempat-tempat persiaran, perhentian bas, kereta api, feri, bot, tandas awam dan lain-lain untuk menyediakan kemudahan bagi orang-orang cacat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah

mengambil beberapa tindakan untuk meningkatkan kemudahan asas bagi orang-orang cacat di tempat awam, yang mana adalah selaras dengan deklarasi penyertaan menyeluruh, dan penyamaan peluang bagi orang-orang cacat yang telah dipersetujui oleh kerajaan.

Di antara tindakan yang telah diambil itu adalah meminda undang-undang kecil bangunan seragam 1994 yang menghendaki semua bangunan awam disediakan dengan kemudahan asas untuk membolehkan orang cacat masuk atau keluar dan bergerak di dalamnya. Menyediakan kemudahan untuk kegunaan orang cacat, iaitu facilities, dan menyediakan kemudahan untuk membolehkan orang cacat menyelamatkan diri ketika kecemasan. Pihak SIRIM (Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia) telah menyediakan penentuan garis panduan mengenai acces bagi orang cacat di luar bangunan yang disebut 'code of practice for acces for disable people outside building' untuk melengkapkan code yang sedia ada bagi access orang cacat di dalam bangunan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara telah menyarankan supaya diwujudkan keperluan untuk meneliti kepentingan dan keperluan golongan warga tua di dalam perancangan dan pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa tidak sesiapa pun dapat mengelakkan diri daripada menjadi tua. Justeru itu, setiap individu harus bertanggungjawab untuk berusaha bagi menjaga kesihatan, pemakanan dan keselamatan supaya tidak timbul masalah penjagaan ketika penuaan. Kerajaan telah mengambil langkah positif terhadap mengingatkan rakyat agar lebih prihatin serta bersedia untuk menghadapi

masalah berkaitan penuaan dengan mengisytiharkan 1hb Oktober setiap tahun sebagai Hari Warga Tua. Usaha ini telah mendapat sokongan padu daripada semua pihak yang meliputi semua agensi perkhidmatan awam, swasta, NGOs dan media masa. Segala aspek keperluan warga tua adalah terangkum di dalam dasar warga tua yang telah pun diluluskan oleh

kerajaan. Tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah untuk menyusun pelan tindakan bagi merealisasikan dasar bagi warga tua yang memerlukan jagaan dan perlindungan. Mereka boleh mendapatkan perkhidmatan ini di Rumah-rumah Orang Tua yang disediakan oleh kerajaan. Pihak swasta dan NGOs mengikut kategori yang sesuai dengan keadaan mereka. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan kewangan bagi membantu warga tua yang daif dan tidak berupaya untuk menyara hidup harian dalam bentuk bantuan orang tua sebanyak RM70.00 sebulan seorang.

Yang Berhormat dari Selangau telah mencadangkan supaya elaun bulanan bagi warga tua ditambah daripada RM50.00 kepada RM150 sebulan. Tuan Yang di-Pertua, bantuan orang tua adalah merupakan bantuan kewangan bulanan yang diberi kepada warga tua yang tidak mempunyai anak atau saudara-mara yang sanggup membiayai kehidupan mereka. Syarat untuk mendapatkan bantuan ini ialah warga tua yang telah berumur 60 tahun ke atas dan mempunyai tempat tinggal serta jiran atau kenalan yang sanggup mengambil tahu hal makan, minum serta sakit demam warga tua yang berkenaan. Tujuan bantuan tersebut ialah untuk membolehkan warga tua terus tinggal bersama komuniti dan dapat pula menyertai kegiatan masyarakat setempat. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah pun mengkaji kadar bantuan ini dan telah bersetuju menambah kadar bantuan warga tua dari RM50.00 kepada RM70.00 sebulan mulai Mac 1994.

Yang Berhormat dari Kota Baru mencadangkan iaitu bagi benar-benar menyokong keputusan Persidangan Wanita Sedunia Ke-4 di Beijing dan pelan tindakan yang telah disediakan harus diberi sokongan yang sewajar, khususnya dari segi peruntukan dan menambah kakitangan awam. Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong keputusan Persidangan Wanita Sedunia Ke-4 di Beijing, kerajaan akan memastikan peruntukan yang secukupnya

akan disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh agar semua program dalam pelan tindakan dapat dilaksanakan dan sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita secara lebih efektif dalam setiap proses pembangunan negara.

Dari segi penambahan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang merupakan agensi utama kerajaan yang menyelaras dan mengawasi program-program peningkatan status dan kemajuan wanita selaras dengan Dasar Wanita Negara akan terus diperkukuhkan dengan penambahan kakitangan serta peningkatan kepakaran mulai tahun 1996. Di peringkat negeri dan daerah telah pun diwujudkan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita yang menjadi saluran penyebaran maklumat mengenai isu-isu wanita ke peringkat akar-umbi agar wanita di semua peringkat dapat dilibatkan bersama dalam melaksanakan program bagi memanfaatkan mereka.

Yang Berhormat dari Yan meminta kerajaan membantu seberapa banyak yang boleh kepada persatuan-persatuan wanita yang ingin mempertingkatkan martabat darjat wanita dalam perniagaan ataupun di bidang sosial. Tuan Yang di-Pertua, bagi memperlengkapkan lagi usaha-usaha kerajaan dalam mengintegrasikan wanita dalam pembangunan, kerjasama dipereratkan lagi dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, NGOs yang merupakan satu jentera pelaksanaan program pembangunan wanita yang telah lama menjalin hubungan erat dengan NGOs dan memberikan bantuan kewangan secara tetap kepada lima NGOs dan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita, negeri-negeri serta NGOs yang lain-lain secara ad-hoc. Pertubuhan-pertubuhan wanita ini telah mengendalikan banyak projek untuk wanita, dan di antaranya menyediakan pusat jagaan anak-anak, pusat perlindungan wanita dalam krisis, pusat aduan remaja, menganjurkan forum, seminar, bengkel dan beberapa latihan keusahawanan dengan kerjasama lain-lain agensi kerajaan, di samping menjalankan projek-

projek ekonomi yang mendatangkan pendapatan, seperti memproseskan makanan, kraf tangan dan jahitan untuk wanita, termasuk wanita luar bandar.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri jalan, Yan bangun.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Kalau tidak panjang.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, pendek sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada kementerian, banyak pusat yang telah ditubuhkan untuk membela kaum wanita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian mengambilkira masalah buangan anak yang begitu meningkat pada hari ini. Boleh dikatakan tiap-tiap bulan ada kes. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan pusat bagi ibu-ibu yang nasib mereka malang ini, melahirkan anak-anak di tempat yang berkenaan kerana kadang-kadang, ibu ini teraniaya, wanita ini teraniaya dengan pujukan sang muda dan mereka terjebak di dalam gejala yang tidak baik. Jadi, mereka malu, bila malu mereka buang anak. Jadi, kalau ada tempat yang mereka ini boleh melahirkan anak dan anak ini diambil bela dan nama mereka tidak disiarkan, maka saya kira boleh menyelesaikan masalah buang anak di merata-rata tempat ini. Adakah kementerian Yang Berhormat, yang begitu baik menolong masyarakat akan mengadakan pusat ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan yang sentiasanya pada petang ini mengadakan soalan tambahan kepada kementerian-kementerian berkenaan dengan apa-apa masalah yang terdapat di kawasan kita semua di dalam negara ini dan sekarang pun beliau telah mencadangkan supaya kementerian membuat satu pusat ataupun tempat supaya yang

mengandung itu akan mengadakan anak di dalam tempat itu [*Ketawa*]. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa walaupun ada kita buat rumah ataupun apa tempat, beliau yang akan melahirkan anak yang kita selalu dengar dibuang, barangkali tiap-tiap hari kita baca dalam surat khabar, saya rasa beliau tidak mahu datang ke tempat itu sebab beliau telah malu, apa sebab dia buang anak. Tentulah saya rasa anak itu tidak ada bapa ataupun kalau ada memang dia sudah bercerai, jadi oleh kerana itu apa pun kita buat memang tidak dapat dia datang ke tempat itu.

Jadi, apa yang perlu kita buat saya rasa masyarakat kita ini oleh kerana pada masa ini pembangunan kita telah pesat, jadi manusia pun makin banyak Tetapi sungguhpun begitu, kalau tiap-tiap kita ini masih ingat iaitu daripada orang tua, orang tua kita dulu memang cukup memberi pengajaran kepada anak-anak. Kalau semua kita ini ingat iaitu sekeluarga itu cukup menjaga anak dan kita mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu memberi ucapan iaitu “Negara akan maju memang datangnya dari keluarga”. Kalau keluarga itu betul-betul menjaga anak dan menjaga ibu bapa ataupun mertua, tentu perkara seperti itu, walaupun ada terjadi tetapi memang semakin berkurangan. Jadi, oleh kerana itu, walaupun kita buat rumah, mereka tidak mahu datang.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Manamana cadangan dan ulasan Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, pihak kementerian akan mengkaji dan meneliti cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan diminta maenggulung.

8.44 mlm.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik

Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dalam peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas ada membangkitkan langkah-langkah bagi meningkatkan pelancongan dalam negeri di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Beliau juga mencadangkan MAS mengadakan pakej tour bagi meningkatkan integrasi nasional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menggubal dan sedang melaksanakan pelan tindakan pembangunan dan menggalakkan pelancongan domestik. Di antara pelan tindakan tersebut termasuklah usaha-usaha untuk pembangunan dan mempertingkatkan pelancongan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak bukan sahaja dengan mengadakan dan menawarkan tambang istimewa kepada package tour dan perjalanan berkeluarga oleh pihak MAS, malah kerajaan berusaha melonggarkan peraturan Imigresen di samping memasarkan dan mempromosi imej keunggulan dan keunikan produk pelancongan dan sosial budaya tempatan serta menggalakkan penganjuran seminar, perhimpunan dan acara-acara khas yang melibatkan ketiga-tiga negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pertanyaan wakil dari Libaran yang menyatakan publisiti yang kurang menarik mengenai pelancongan di Sabah, menyebabkan kurangan pelancong-pelancong dari rakyat Malaysia sendiri, sukacita saya mengambil kesempatan untuk memaklumkan semua pihak sama ada sektor awam mahupun sektor swasta adalah sama-sama bertanggungjawab untuk memasarkan dan mempromosikan produk pelancongan tempatan sama ada melalui media cetak dan elektronik kempen, pertandingan,

lawatan, seminar, pertunjukan, pameran atau mengadakan acara-acara khas. Promosi tersebut perlulah berasaskan kepada keunikan produk pelancongan yang mempunyai daya jualan.

Oleh kerana itulah, maka kerajaan sedang giat mempromosikan Kota Kinabalu di Sabah sebagai salah satu daripada lapan destinasi utama pelancongan di negara ini yang menjadi pemangkin kepada anggapan pelancong bahawa negeri Sabah iaitu negeri di bawah bayu adalah unik dengan kekayaan ecotourismnya yang mempunyai gunung-ganang, berbagai spesis hutan tropika, flora dan fauna, pulau-pulau dan taman laut. Untuk mempertingkatkan kedatangan pelancong ke destinasi ini, pihak MAS memang menawarkan tabung istimewa kepada package tour bagi perjalanan berkeluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong ada mencadangkan supaya lebih banyak aktiviti 'performing arts' dipertingkatkan lagi di negara ini, bukan sahaja untuk tujuan hiburan rakyat tetapi juga sebagai salah satu produk pelancongan baru. Beliau juga ada mencadangkan supaya pengecualian duti hiburan ke atas aktiviti-aktiviti pentas harus diperluaskan kepada negeri-negeri lain dan bukan terhad kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja. Beliau juga ada memperkatakan bagaimana dana khas untuk memajukan industri pentas digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Santubong, kerajaan melalui kementerian ini sememangnya telah banyak memainkan peranannya dalam usaha mempertingkatkan daya cipta, kreativiti dan tahap profesionalisme seni pentas (performing arts) bagi memastikan persembahan tempatan setanding dengan keupayaan seni antarabangsa melalui penubuhan Panggung Negara.

Di samping itu, kegiatan pemasaran dijalankan dengan lebih terancang agar potensi penonton seni pentas melepasi batas perkauman, status dan taraf emosi di mana akan mewujudkan suatu suasana perpaduan yang lebih harmoni. Penekanan juga diberi bagi mengisi keperluan latihan dalam bidang kesenian. Akademi seni kebangsaan dibentuk sebagai satu institusi yang bertujuan menghasilkan seniman mahir dan karyawan yang

berwibawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya akademi ini akan menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan performer yang profesional yang berilmu.

Terima kasih dirakamkan di atau sebuah seruan dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat agar pengecualian duti hiburan bagi pertunjukan pentas harus diperluaskan ke negeri-negeri lain selain daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja. Usaha sedang dilaksanakan agar pengecualian duti hiburan ini akan meliputi negeri-negeri lain agar dapat di pertingkatkan lagi acara-acara seni pentas bagi memenuhi tuntutan masyarakat tempatan dan sebagai satu produk bagi kemajuan industri pelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penubuhan dana khas ini akan memastikan perancangan, pelaksanaan dan penggalakan pembangunan seni pentas agar dapat meningkatkan lagi mutu persembahan. Ianya juga sesuai dengan hasrat dan cita-cita negara dalam melahirkan generasi wawasan yang kreatif dan inovatif. Di samping itu, dengan pertubuhan dana khas ini ianya akan dapat membantu menambahkan lagi kumpulan kesenian resident company dan permanent company secara lebih berprofesional. Dijangkakan akan berlaku peningkatan karyawan seni yang menghargai produk-produk seni pentas yang bermutu. Dari segi penyelidikan dan pemuliharaan juga akan diberi penekanan yang sewajarnya melalui aktiviti pemuliharaan seni persembahan tradisional berdasarkan konsep satu negeri satu produk yang berjalan selama lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerlun berharap agar kementerian akan terus mencapai sasaran bilangan pelancong yang telah diunjurkan melawat Malaysia bagi tahun-tahun 1995 sehingga 2000. Beliau juga menyarankan supaya usaha-usaha untuk mengadakan Tahun Melawat Malaysia ketiga diadakan pada tahun 1998 memandangkan dua projek baru iaitu siapnya lapangan terbang baru di Sepang pada tahun 1997 dan

berlangsungnya Sukan Komanwel pada tahun 1998. Beliau juga mencadangkan supaya agensi-agensi seperti Jabatan Penerbangan Awam dan Malaysia Airport Berhad diletakkan di bawah kementerian ini. Bagi menggalakkan pelancongan dalam negeri beliau mencadangkan supaya insentif-insentif tertentu diwujudkan seperti mengenakan separuh harga sewa bilik penginapan hotel ke atas warga tua.

Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan sememangnya mempunyai matlamat untuk mencapai kedatangan pelancongan seramai 12.5 juta orang pada tahun 2000 kelak supaya negara memperolehi tukaran asing sebanyak RM15.7 bilion pada tahun tersebut. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama dan berusaha bagi mencapai matlamat ini. Bagi kerajaan, usaha mempertingkatkan keupayaan lapangan terbang perlu dimanfaatkan oleh semua pihak untuk mempertingkatkan kedatangan pelancong ke negara ini.

Begitu juga dengan Sukan Komanwel yang akan diadakan pada tahun 1998 akan dimanfaatkan oleh kerajaan untuk tujuan tersebut dengan mempromosi tema pelancongan dan mengadakan aktiviti-aktiviti pelancongan.

Mengenai cadangan untuk meletakkan Jabatan Penerbangan Awam dan Malaysia Airport Berhad di bawah kementerian ini, adalah bergantung kepada objektif matlamat dan peranan agensi-agensi yang tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jerlun, pada masa ini ada beberapa insentif mengenai harga yang sedang dinikmati oleh warga tua.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Beaufort yang mencadangkan kerajaan memberi keutamaan pembangunan kepada kawasan luar bandar dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi yang utama yang di antaranya aktiviti pelancong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam membangunkan industri pelancongan, kerajaan memberi tumpuan kepada pembangunan ecotourism dan agrotourism di mana ianya dapat melibatkan penyertaan penduduk tempatan di luar bandar.

Dalam mempertingkatkan pendapatan mereka dengan menyertai berbagai program yang di antaranya program 'Home Stay', menjadi pemandu pelancong, menyediakan pengangkutan pelancong, menghasilkan kraftangan, menyediakan makanan dan minuman serta peralatan dan menyediakan tempat kediaman pelancong dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian ada menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan lima hari bekerja dan dua hari cuti umum akan dapat membangunkan pelancongan domestik yang sejajar dengan pemupukan masyarakat penyayang. Beliau menyatakan bahawa isu ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, kerajaan sememangnya segang giat berusaha untuk membangun dan menggalakkan pelancongan domestik kerana ianya merupakan pemangkin dan penggenap kepada industri pelancongan negara kesleuruhannya, di samping dapat memperkukuhkan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran negara dan menyemarakkan masyarakat penyayang. Walaupun demikian, kerajaan tidak dapat melaksanakan lima hari bekerja dan dua hari cuti umum untuk mempertingkatkan industri ini sepertimana yang dicadangkan kerana kerajaan memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti demi kepentingan negara keseluruhannya. Lebih-lebih lagi sektor awam dan swasta mempunyai kemudahan cuti rehat dan negara mempunyai cuti umum yang cukup untuk dimanfaatkan bagi membangunkan pelancongan domestik dan masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah yang menyatakan bahawa cukai perkhidmatan penerbangan antarabangsa telah dinaikkan daripada RM20 kepada RM40 adalah bertujuan untuk mempertingkatkan

pembangunan pelancongan domestik. Beliau menyarankan supaya tempat-tempat penganginan dan keindahan alam semula jadi dan alam sekitar supaya terus dipelihara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang banyak di samping menggubal dasar dan menyediakan garis panduan dalam membangun dan mempertingkatkan produk-produk pelancongan terutamanya produk ecotourism supaya produk tersebut berkualiti dan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut yang telah menyatakan bahawa dengan peningkatan pelancong, in-bound dan out-bound ke Lumut, maka wujudnya keperluan untuk memajukan infrastruktur, misalnya pembinaan jeti yang lebih besar dan bersih, balai ketibaan yang sedia ada, yang kecil perlu diperbesarkan dan pejabat urusan ketibaan di mana pegawai-pegawai Imigeresen, Kesihatan, Polis dan lain-lain yang berkaitan perlu diperluaskan supaya mewujudkan keadaan kerja yang selesa dan licin. Cadangan pembaikan ini bersesuaian dengan kedatangan pelancong dan juga kutipan hasil yang kian meningkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lumut, setiap tahun kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan yang banyak untuk membangunkan produk pelancongan dan mempertingkatkan kemudahan kemasukan pelancong dan ini termasuklah menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan asas serta memudahkan urusan kemasukan pelancong di pintu-pintu masuk utama negara dan ini termasuklah di Lumut juga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menegaskan tentang peningkatan kedatangan pelancong dari luar negeri dan juga domestik yang telah menyebabkan pertumbuhan pesat, misalnya pusat membeli-belah, hotel, one-stop-shop dan lain-lain, akan tetapi perkembangan sektor pelancongan perlu diikuti dengan pembangunan

integrated dan juga usaha pembaikan seperti perluasan jalan raya. Sukacita dimaklumkan bahawa di dalam Dasar Pelancongan Negara telah diperakukan dan telah dikenal pasti oleh kerajaan bahawa terdapat 6 koridor pembangunan pelancongan iaitu koridor negeri-negeri Barat Laut, Melaka, Kuala Lumpur, Pantai Timur Semenanjung, Johor Tenggara, Sarawak, Sabah dan Labuan di mana sekarang aktiviti pelancongan adalah dilaksanakan secara integrated di samping mengambil faedah daripada aktiviti pembangunan segi tiga. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah membangunkan produk pelancongan secara pakej, mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan asas, melaksanakan kajian dan melaksanakan promosi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang ada menyarankan kerajaan supaya mengawasi kegiatan dan aktiviti pengusaha pelancongan dan para pelancong di negara ini supaya tidak wujud perlakuan dan budaya negatif dan hanya memikirkan mencari keuntungan sahaja. Beliau juga ada menyentuh mengenai pembangunan projek pelancongan seperti pembukaan taman-taman laut, umpamanya di Pulau Redang telah menyusahkan dan menyempitkan sumber rezeki para nelayan di kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Marang, melalui Akta Industri Pelancongan dan Undang-undang Kecil di bawahnya serta undang-undang dan peraturan yang sedia ada seperti Penal Code, Akta Amalan Perdagangan dan lain-lain peraturan yang ada kaitan dengan perniagaan pelancongan adalah mencukupi bagi mengawal kegiatan aktiviti pengusaha pelancongan supaya tidak wujud budaya negatif dan yang mementingkan keuntungan semata-mata. Untuk menjamin supaya peraturan-peraturan tersebut dipatuhi, tindakan penguatkuasaan adalah ditingkatkan pada setiap masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Marang, peng wartaan Taman Laut oleh kerajaan adalah bagi maksud konservasi kawasan tersebut untuk di- lawati dan dinikmati oleh pelancong dan akan menjadi warisan kepada generasi akan datang. Adalah menjadi harapan

agar peng wartaan tersebut akan melindungi kawasan tersebut daripada aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan keadaan semula jadinya. Penduduk tempatan seharusnya berbangga dan memanfaatkan kawasan tersebut. Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ramai nelayan-nelayan di kawasan tersebut telah pun menceburkan diri dalam bidang pelancongan di mana pendapatan mereka lebih lumayan di bandingkan dengan mata pencarian sebagai nelayan dan bagi nelayan-nelayan kecil mereka boleh mencari ikan di tempat-tempat lain selain daripada kawasan yang telah diwartakan sebagai Taman Laut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai soalan wakil dari Mersing yang mencadangkan agar kementerian memperbanyakkan hotel-hotel yang bermutu agar dapat menarik pelancong-pelancong domestik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Mersing, kementerian memang berusaha memperbanyakkan tempat penginapan yang bermutu dan mampu dibayar oleh pelancong-pelancong bagi menggalakkan pelancong domestik. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kementerian telah membina 15 buah hotel dengan jumlah bilik sebanyak 1,450 iaitu Hotel Seri Malaysia sebagai usaha menggalakkan pelancongan domestik. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian bercadang membina beberapa buah hotel lagi di negeri-negeri yang belum mempunyai Hotel Seri Malaysia, sekiranya diluluskan oleh agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada kementerian, sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Kesemua teguran, cadangan dan pandangan ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan di setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1966, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada Usul kita tadi, Mesyuarat ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.10 malam.

